

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 25

Isnin

20 Jun 2011

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 24)
Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 134)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 27)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011	(Halaman 27)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
■ Kegagalan Lembaga Jururawat Melindungi Kepentingan Pelajar Kursus Kejururawatan – <i>Y.B. Dr .M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)</i>	(Halaman 134)
■ Penahanan Tiga Remaja Di Bawah Ordinan Darurat – <i>Y.B. Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)</i>	(Halaman 137)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 20 Jun 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Nur Jazlan Mohamed [Pulai]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pendatang asing yang telah didaftarkan sebagai pengundi menggunakan kad pengenalan tidak sah seperti yang dilaporkan dalam media. Sila jelaskan tindakan susulan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menyelesaikan masalah ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiada pendatang asing yang didaftarkan sebagai pemilih kerana pengesanan utama yang digunakan dalam menentukan kelayakan permohonan sebagai pemilih ialah kad pengenalannya. Perlu dijelaskan bahawa ketika proses pendaftaran pemilih melalui Sistem Pendaftaran Pemilih Sepanjang Tahun iaitu e-SPPST yang diguna pakai oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, pengenalan pemohon akan dihubungkan dengan Agency Link-Up System (ALIS), Jabatan Pendaftaran Negara. Jika ada sebarang cubaan untuk mendaftar permohonan yang tidak sah, sistem yang sedia ada akan menolak transaksi atau memasukkan data itu secara automatik.

Ini kerana tapisan dan semakan yang dilaksanakan oleh sistem ALIS bukan sahaja menolak mereka yang bukan warganegara. Malah ia juga menolak permohonan daripada mereka yang belum layak dari segi umur dan yang mengemukakan kad pengenalan palsu. Oleh yang demikian jika ada pihak tertentu yang mempunyai sebarang bukti berhubung dengan pendatang asing yang didaftarkan sebagai pemilih diharapkan dapat mengemukakan kepada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya bagi membolehkan siasatan dilakukan.

Datuk Nur Jazlan Mohamed [Pulai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya telah dimaklumkan bahawa ada pendatang asing Bangladesh yang telah cuba didaftarkan sebagai pengundi oleh agen-agen parti tertentu. Sudah tentu ini merupakan satu kesalahan. Soalan tambahan saya adalah apakah tindakan, adakah tindakan ini menyalahi undang-undang dan apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menghukum agen-agen parti yang membuat tindakan seperti begini? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ada perbezaan di sini. Didaftarkan, dengan cuba didaftarkan, dua benda yang cukup jauhlah ya. Cuba mendaftar, bermakna

perkara itu tidak berlakulah. Jadi, sememangnya kita di bawah undang-undang Akta Pilihan Raya kita, kita membenarkan agen-agen dilantik bagi mewakili parti-parti politik. Kalau sekiranya dimaklumkan kepada kita bahawa ada percubaan seperti ini maka hendaklah dilaporkan dan kita pertamanya, sudah tentulah akan membatalkan pelantikan beliau sebagai penolong pendaftar. Keduanya, sudah tentu kita akan ambil tindakan yang dibenarkan di bawah Akta Pilihan Raya.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salah satu peranan utama Suruhanjaya Pilihan Raya ialah untuk menjalankan pilihan raya secara adil dan bebas. Untuk menjalankan satu pilihan raya yang adil dan bebas, perkara asas yang harus kita perkemaskan ialah daftar pemilih yang bersih dan tidak kotor. Maka mana-mana pihak yang menentang bersih, sudah tentulah mereka ini kotor. Dua hari yang lalu Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar telah mencabar saya untuk membuktikan dakwaan yang dibuat oleh Keadilan bahawa daftar pemilih yang ada hari ini yang diwartakan pada 13 Mei 2011. Adalah daftar pemilih yang terkotor dalam sejarah politik Malaysia.

Maka semalam Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyambut cabaran Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya dalam Konvensyen Pilihan Raya Parti Keadilan Rakyat. Di mana saya telah mengemukakan Daftar Pemilih Induk 2010 yang diwartakan pada 13 Mei 2011, yang merupakan daftar pemilih yang terkini, terbukti di *locality* Kampung Klang Gate Baru, DUN Ulu Kelang, Parlimen Gombak. Tiga perkara utama yang tercatat dalam daftar pemilih ini. Pertama, rumah No. 1E, rumah ibu saya Kampung Klang Gate yang menetap berseorangan sudah hampir 10 tahun tetapi alamat ini terkandung 11 orang pengundi lain.

Enam orang Melayu, lima orang Cina. Itu yang pertama. Kedua, Kampung Klang Gate Baru adalah kampung tradisi Melayu.

■1010

Tidak ada pengundi atau penduduk selain daripada orang Melayu, tetapi dalam daftar pemilih ini terdapat 48 orang pengundi bukan Melayu menetap di Kampung Klang Gate.

Ketiga dan yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, Kampung Klang Gate ini merupakan kampung tradisi Melayu. Tidak ada bangunan, tidak ada kondominium, tidak ada pangsapuri. Rumahnya merupakan rumah sebuah kampung Melayu. Akan tetapi, dalam daftar pemilih ini ada alamat yang berwatak blok 22, tingkat 14, unit 5. Dalam satu *locality* sahaja iaitu Kampung Klang Gate hampir 100 orang pengundi hantu yang berwatak seperti ini. Kalau satu *locality* ada 100, di Parlimen Gombak ada 43 *locality*, bermakna hampir 4,000 pengundi hantu dibawa oleh SPR ke Parlimen Gombak. Oleh sebab itu saya mencabar Wan Ahmad Wan Omar. Menyambut cabaran beliau, saya telah mendedahkan penyelewengan dan penipuan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Maka saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan SPR

bertindak secara bebas dan memastikan daftar pemilih adalah daftar pemilih yang bersih dan tidak kotor.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pertamanya saya hendak mengucapkan selamat kembali ke Parlimenlah sebab beliau bercuti enam bulan. Oleh sebab itu semangat itu.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Bukan cuti. Yang Berhormat Menteri yang gantung.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *[Ketawa]* Pasal hendak tolong beliau kempen bukan? Sebenarnya Yang Berhormat, pendaftaran ini yang dilakukan oleh SPR berdasarkan kepada alamat yang ada di dalam kad pengenalan itu. Jadi kalau ada kad putih, maka itu bukan kerja kita. Itu JPN punya kerja, okey? Jadi kita berdaftar kepada alamat yang ada, itu sahaja. Akan tetapi saya tidak tahulah, yang rumah Yang Berhormat itu bukan kerja Yang Berhormatkah sampai 11 orang alamat tidak tahu itu?

Walau bagaimanapun, sehingga hari ini Yang Berhormat sahabat saya, kita cubalah sebaik yang boleh. Kalau kita hendak ikut model PKR punya itu pun dia pun susah juga pemilihannya dahulu bukan. Jadi kita akan cuba sebaik-baiknya dan saya boleh menyatakan di sini, sehingga hari ini SPR tidak menerima laporan rasmi seperti mana Yang Berhormat sebutkan. Jadi kalau Yang Berhormat bagi kepada SPR, sudah tentu kita akan..

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak perlu terburu-buru bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri, sudah lima tahun saya kemukakan aduan ini kepada SPR.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Lima tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat..

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Sebelum tahun 2008.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Setakat hari ini...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Lima tahun, bukan baru.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya betullah itu.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Satu dunia tahu aduan saya. Takkan SPR tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Oleh sebab itu saya rujuk daftar pemilih 2010 yang terkini yang diwartakan pada 13 Mei 2011 sebagai bukti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Lima tahun saya buat aduan, tidak ada tindakan oleh pihak SPR.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Walau bagaimanapun, pemilihan PKR itu kita sah dialah walaupun banyak masalah bukan? Tidak mengapa Yang Berhormat. Kita akan...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Jawab soalanlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak apalah, okeylah itu. Yalah, saya kata sehingga pada hari ini, ini jawab dalam Parlimen ini. Kita tidak terima lagi secara rasmi. Mungkin Yang Berhormat bercakap dalam kedai kopikah, bercakap mana-manakah. Khusus yang ini Yang Berhormat bawa kepada SPR, saya akan ingatkan kepada SPR, ini ada kompelin dalam Dewan oleh Ahli Yang Berhormat Gombak setelah bercuti enam bulan. Beliau cukup marah, jadi hendak suruh kita siasat. Saya pastikan siasatan akan dibuat Yang Berhormat ya. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Daftar kotor ini, bukan bersih dah.

2. Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan berapakah cadangan jumlah pengurangan subsidi bahan bakar kepada penjana tenaga bebas (IPP) dan ke mana serta bagaimanakah wang diijimatkan dari pemotongan subsidi itu akan dibelanjakan.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kubang Kerian bersekali dengan soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Taiping, Serdang, Kelang dan Kuala Krai yang mana dijadualkan pada tarikh 20, 22, 23 dan 27 Jun masing-masing. Ini adalah kerana perkara-perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan antara satu sama lain dan memerlukan jawapan secara holistik supaya ini lebih jelas difahami.

Tuan Yang di-Pertua, pengenalan Independent Power Producer dengan izin (IPP) pada tahun 90-an adalah bagi memenuhi keperluan kapasiti penjanaan yang meningkat dengan pesat berikutan pertumbuhan ekonomi negara yang amat menggalakkan pada tahun-tahun yang sebelumnya. Utiliti elektrik pada ketika itu ialah Lembaga Elektrik Negara baru sahaja dikorporatkan dan tidak dapat memenuhi keperluan kapasiti penjanaan dalam masa yang singkat.

Justeru itu, kerajaan telah membuat keputusan untuk pihak swasta menceburi sektor penjanaan elektrik. Ekoran daripada itu, pihak IPP telah mengambil risiko membangunkan loji jana kuasa dengan menggunakan pembiayaan institusi kewangan tempatan bagi tujuan menyelamatkan sistem pembekalan elektrik dari mengalami gangguan seperti *brownout* atau *blackout* pada awal tahun 1990-an. Kejayaan IPP Malaysia ini turut mendapat pengiktirafan dari industri tenaga antarabangsa yang menobatkannya sebagai *Malaysia success story* pada tahun 1990-an. Pengenalan pihak IPP juga adalah sebahagian daripada dasar kerajaan untuk

meningkatkan persaingan dalam industri bekalan elektrik supaya meningkatkan tahap kecekapan industri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak pernah memperuntukkan sebarang subsidi kepada pihak IPP. Subsidi gas yang dimaksudkan tersebut adalah jumlah hasil yang dilepaskan atau *revenue for good* dengan izin oleh pihak Petronas selaras dengan keputusan kerajaan untuk menetapkan harga gas kepada sektor penjanaan elektrik bagi mengekalkan kadar tarif elektrik yang rendah. Sekiranya harga elektrik dihasilkan berdasarkan harga gas pasaran, sudah tentu kos penjanaan elektrik akan meningkat dan seterusnya menyebabkan kenaikan kadar tarif elektrik.

Oleh sebab kos bahan api adalah *component pass-through* kepada pengguna, penetapan harga gas yang dibuat oleh kerajaan adalah bertujuan untuk mengekalkan kadar tarif pengguna yang rendah.

Sukacita saya menegaskan di sini bahawa keputusan kerajaan dalam penetapan harga gas kepada sektor elektrik tidak menghasilkan sebarang pendapatan tambahan kepada pihak IPP.

Pada tahun 2008 selaras dengan kenaikan harga minyak secara mendadak di pasaran antarabangsa, kerajaan telah memutuskan untuk menyemak semula harga gas untuk sektor elektrik di Semenanjung sehingga ia mencapai harga pasaran.

■1020

Semakan setiap enam bulan ini bermula pada bulan Jun 2011 adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk merasionalisasikan subsidi secara berperingkat-peringkat. Kenaikan secara berperingkat ini akan memberi kepastian kepada sektor swasta dalam merangka perbelanjaan operasi syarikat dan menggalakkan penggunaan sumber tenaga secara lebih cekap. Dengan menyemak semula harga gas secara berperingkat, sumbangan Petronas kepada kerajaan dalam bentuk cukai dan dividen juga akan dapat ditingkatkan bagi membiayai lebih banyak projek-projek pembangunan infrastruktur.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, jumlah pendapatan yang dilepaskan oleh pihak Petronas berdasarkan perbezaan harga gas di pasaran serta harga jualan gas kepada sektor penjanaan elektrik bagi tempoh 2005 sehingga 2010 adalah berjumlah RM68.509 bilion. Pecahan jumlah hasil yang dilepaskan oleh pihak Petronas mengikut tahun adalah seperti berikut; 2005 di mana harga gas ditetapkan ialah RM6.40 tetapi harga pasaran adalah RM26.51.

Ini bermakna pendapatan yang dilepaskan oleh Petronas ialah RM6.128 bilion. Keduanya 2006, ini diminta. Saya jawab kerana diminta. Harga gas RM6.40, harga gas pasaran RM30.25. Ini pelepasan daripada Petronas ialah RM11.476 bilion. Pada tahun 2007, harga gas sama RM6.40 dan harga gas pasaran RM33.56 dan pelepasan daripada Petronas RM11.706 bilion. Pada tahun 2008, harga gas dinaikkan daripada RM6.40 kepada RM14.31 dan pada harga pasaran ialah RM43.80 dan ini bermakna pelepasan daripada Petronas RM14.059. Pada

2009 pula, harga gas turun daripada RM14.31 kepada RM10.70 dan harga pasaran RM33.68. Ini bermakna Petronas melepaskan RM13.87 bilion dan pada tahun lepas iaitu 2010, harga gas RM10.70 tetapi harga pasaran RM39.27 dan Petronas melepaskan RM11.27 bilion. Sekian.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan mahu menaikkan harga minyak, kerajaan tidak kata naik minyak, dia kata menstrukturkan harga minyak. Apabila hendak beri subsidi, digunakan perkataan melepaskan pendapatan tetapi samalah.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, daripada tahun 1997 sehingga tahun 2010 apa yang Tan Sri Ani Arope melaporkan, dia bekas CEO TNB. IPP memiliki RM49.3 bilion subsidi daripada pihak Petronas iaitu 42.3%. Pada tahun 1993, TNB lebih kuasa, lebih tenaga sebanyak lebih kurang 50%. Tadi Yang Berhormat kata kerajaan tidak timbul masalah subsidi tetapi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala mengatakan baru-baru ini kerajaan akan mengurangkan subsidi kepada IPP ini.

Jadi, banyak percanggahan antara jawapan Yang Berhormat menteri dengan menteri pun bercanggah tetapi tidak mengapa. Soalan saya, adakah ada satu jaminan kerajaan bahawa harga subsidi gas kepada IPP ini akan dikaji semula kerana yang bebannya adalah rakyat kerana TNB terpaksa beli lebih tenaga ini daripada IPP. Jadi, adakah kerajaan kalau mengikut kenyataan daripada Dato' Sri Idris Jala, kerajaan akan kaji semula subsidi ini. Adakah itu keputusan Kabinet? Adakah itu akan ditunaikan oleh kerajaan ataupun hanya hendak bermain kata-kata indah pada pagi ini. Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, saya tidak baca apa yang rakan saya Dato' Sri Idris Jala katakan tetapi hakikatnya memang sebegini. Penjana bebas, IPP ini apa keuntungan yang diperolehi mereka adalah daripada dua cara sahaja itu *capacity payment* dan *energy*. *Energy payment* ini bukan katakan harga gas tetapi kiraannya lain bukan macam kita sebut harga subsidi daripada Petronas. Itu bukan caranya. Saya jawab ini ialah *fuel is a pass through element*, dengan izin.

Maknanya, ia tidak masuk dalam kira tarif sebab keuntungan kepada IPP, memang dia dikenakan dengan tarif tetapi tidak kena dengan peruntukan IPP sebab dia *pass through* kepada pengguna. Kalau hari ini kita naikkan harga seperti yang diumumkan pada 1 Jun itu, itu sebab harga gas dinaikkan RM3 dan akhirnya kita kena *pass through* kepada tarif dan pihak IPP tidak dapat keuntungan seperti yang kita umumkan RM3 itu seperti yang kita ambil kira.

So Yang Berhormat, saya hendak terangkan bahawa apa pun Dato' Sri Idris Jala sebut, saya hendak terangkan pada hari ini bahawa subsidi yang terus kepada IPP itu sama ada harga gas, harga minyak, ianya tidak ada ambil kira langsung kepada mereka dari segi keuntungan. Selepas ini saya akan mengadakan satu *information paper*, dengan izin, sebagai cara menjelaskan kepada rakyat, orang umum mengenai perkara IPP ini kerana saya rasa cukuplah pada hari ini berkenaan IPP ini atau subsidi ini dipolitikkan. Kita banyak kali walaupun kita sebut

ini tidak ada berkaitan dengan subsidi, mereka masih lagi teruskan, so sebab itu saya kenalah melepaskan satu kenyataan hari ini dengan fakta-fakta yang berkaitan dengan isu ini. Saya harap Yang Berhormat jangan politikkan perkara subsidi.

■1030

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Menyampuk]* Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Keputusan hendak gunakan gas untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, saya tidak panggil lagi Yang Berhormat Shah Alam. *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Siapa punya keputusan, *it was a bad decision!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ianya merupakan satu keputusan yang buruk, yang menyebabkan Petronas kerugian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Selain daripada Yang Berhormat Labuan, saya minta duduk Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dan istilah subsidi berpandukan istilah dengan RM49 bilion kita dah boleh... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jaga Selangor sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Labuan.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jaga Selangor.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang saya tanya Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Eh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Labuan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jaga Selangor Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya apakah memang apabila kita jual gas kepada IPP dengan harga yang tertentu dan berbanding dengan harga pasaran memang di bawah daripada harga pasaran. Tetapi saya rasa kalau harga kos pengeluaran daripada Petronas per unit masih di bawah daripada yang kita bagi kepada IPP. Saya rasa benda ini tidak merugikan kepada kerajaan kerana kos pengeluaran kita masih di bawah daripada kos yang kita bagi kepada IPP

terima kasih. Soalan saya apakah ini satu masalah yang besar kalau kita bagi diskaun kepada *local producer* kerana kita bukan mahu membandingkan dengan kos yang kita jual di luar tetapi kita memberikan sesuatu diskaun kepada IPP di mana kos yang kita jual kepada IPP masih di atas daripada kos pengeluaran kita, terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Ya, saya setuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Apa sebab kita letakkan harga sekarang hanya RM13.70 bagi gas, walhal di pasarannya pada hari ini RM39 yang lebih, apa sebabnya? Sebab Yang Berhormat, kita hendak pastikan bahawa kos penjanaan elektrik itu adalah rendah supaya bahan api itu rendah. Kalau bahan api rendah, maknanya kos rendah dan akhirnya kita boleh kurangkan atau letakkan satu tarif yang munasabah yang tidak tinggi, ini hakikatnya Yang Berhormat. Apa sebab kita hendak tetapkan satu harga yang rendah itu, walaupun Petronas rugilah katakan sebab ia *foregone profit*. Ini yang – apa sebabnya kita selalu sebut ini bukan subsidi. Kalau kita hendak gunakan perkataan subsidi, ini subsidi kepada rakyat sebab tarifnya sudah rendah dengan kos bahan api itu rendah, itu maksud saya. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan IPP di Semenanjung memang kita nampak di keseluruhannya hampir semua IPP, di Sabah beberapa tempat adalah IPP. Di Semenanjung beberapa tahun lalu, apabila gangguan bekalan satu dunia tahu Tuan Yang di-Pertua, satu dunia bising. Di Sabah, di Pantai Timur Sabah, kerap kali satu hari lima kali, enam kali, sepuluh kali. Jadi saya mahu tanya kepada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apa yang berkali-kali itu Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Berkali-kali mengalami gangguan. Waktu gangguan di Semenanjung, beratus juta dibayar ganti rugi kepada orang-orang yang mempunyai penjana yang macam-macam. Di Sabah, *take for granted* tidak ada apa-apa pun, tidak ada satu sen pun, tidak boleh *claim* pun.

Seorang Ahli: Janji sahaja. [Menyampuk]

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Janji sahaja. Jadi saya mahu tahu, mungkin Lembaga Elektrik Sabah tidak mampu. Bolehkah Yang Berhormat Menteri bagi jaminan bahawa masukkan IPP ke Pantai Timur negeri Sabah.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, terima kasih. Mengenai gangguan elektrik itu, kita sudah dalam satu tahap di mana ia sudah kurang banyak. Walaupun saya setuju, saya akui apabila kita kira jumlah minit gangguan itu iaitu kiraan Saidi, di Sabah itu memang ia masih tinggi berbanding dengan Semenanjung dan kita sedang dalam usaha untuk mengurangkannya. Mengenai soalan yang ditujukan oleh Yang Berhormat iaitu IPP ini memang kita benarkan IPP diwujudkan di Sabah. Sudah ada pada hari ini di West Coast seumpamanya,

Ranhill Powertron iaitu adalah satu IPP dan di Pantai Timur pun Yang Berhormat kita boleh wujudkan kalau ada pihak-pihak yang ingin menjanakannya dan kita akan ambil kiralah kapasiti, berapa lama, bilakah ia boleh diwujudkan dan apa bahan api yang digunakannya?

Kalau hendak pakai *Biomass* daripada industri minyak sawit kita benarkan. Ia sudah ada di Sandakan, dua IPP diwujudkan pada hari ini yang menggunakan *Biomass*.

3. Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah langkah kerajaan menyediakan garis panduan makanan di kantin sekolah akan dapat menangani masalah obesiti dan diabetes yang semakin meningkat di kalangan rakyat terutama kanak-kanak.

Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan soalan yang menyentuh isu berkaitan garis panduan makanan, pertanyaan daripada Yang Berhormat Gopeng bertarikh 20 Jun 2011.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Garis panduan pemakanan sihat di sekolah merupakan satu strategi yang dilaksanakan bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong pemakanan yang sihat di sekolah di mana sekolah merupakan satu persekitaran yang boleh diberi pendidikan melalui dasar-dasar dan peraturan yang berkesan. Bagi menangani masalah obesiti dan diabetes di Malaysia dengan berkesan, kerajaan memerlukan satu pendekatan yang pelbagai *multi-pronged approach* dan melibatkan pelbagai sektor *multi-sector approach*. Selaras dengan penubuhan Jawatankuasa Kabinet bagi persekitaran hidup yang sihat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang memberi fokus kepada intervensi polisi dan peraturan-peraturan maka pelaksanaan garis panduan ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam melindungi kesihatan murid-murid sewaktu mereka berada di bangku sekolah lagi.

Pelaksanaan garis panduan ini adalah bagi mewujudkan budaya pemilihan makanan yang lebih sihat melalui maklumat, pelabelan kalori pada makanan yang dijual di kantin sekolah iaitu semua makanan dalam kantin perlu dilabelkan dengan kandungan kalori sebagai panduan dan juga pendidikan kepada warga sekolah untuk mengamalkan penyediaannya, untuk memastikan pengambilannya yang lebih sihat. Melalui garis panduan ini juga, kebolehdapatan makanan dan minuman yang tidak sihat iaitu yang tinggi kandungan lemak, gula dan garam, boleh dikurangkan. Seperti yang saya tegaskan tadi, sekolah merupakan satu persekitaran yang terkawal *control environment* bagi mendidik masyarakat di peringkat awal dalam budaya cara hidup yang sihat termasuk pemakanan sihat. Budaya dan amalan ini akan diteruskan oleh murid-murid di luar suasana sekolah secara tidak langsung boleh mengawal obesiti dan penyakit kronik yang lain seperti diabetes pada jangka masa panjang.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat Gopeng, perbincangan berkaitan pelaksanaan garis panduan pemakanan yang sihat di sekolah bersama dengan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah diadakan pada 26 Mei 2011. Pelaksanaan garis panduan ini harap dapat dijadikan sebagai panduan dan ditujukan kepada semua pihak terutamanya pihak sekolah dan pengendalian kantin di dalam penyediaan dan penghidangan makanan yang lebih sihat, berkhasiat dan pelbagai. Mesyuarat susulan akan diadakan pada 22 Jun 2011. Sekian, terima kasih.

■1040

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan. Kita tahu sejak tahun 2002 sehingga 2008 kes berat badan berlebihan di kalangan murid sekolah rendah ini telah pun meningkat daripada 11% kepada 12.8%. Selain daripada itu masalah obesiti meningkat daripada 9.7% kepada 13.7%. Kita tidak boleh mengatakan bahawa masalah berat badan dan obesiti ini berpunca sepenuhnya daripada makanan dan juga minuman yang disediakan di kantin. Tetapi kita tahu dan kita dapati bahawa pada masa kini 86.6% daripada pelajar-pelajar sekolah membeli makanan dan minuman di kantin sekolah.

Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah, sejauh mana agaknya pemantauan oleh Kementerian Kesihatan dalam menentukan pengurusan kantin sekolah khususnya dari segi penyediaan makanan amalan pemakanan sihat disediakan benar-benar mematuhi kepada garis panduan diet Malaysia seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula tentang pelaksanaan Kempen Gaya Hidup Sihat yang telah pun dilancarkan sejak daripada tahun 1992 yang nampaknya kurang berkesan dari segi pengalamannya oleh keluarga-keluarga rakyat Malaysia ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat yang telah pun memberi pandangan dan juga soalan. Berhubung dengan garis panduan makanan di kantin sekolah, sebenarnya Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelajaran telah pun mengeluarkan garis panduan ini telah diterbitkan beberapa tahun yang lalu. Sebenarnya pada masa ini kita mengemaskinikan garis panduan yang sedia ada. Oleh itu kita tahu bahawa pemantauan, kalau ada garis panduan, kita perlu buat pemantauan untuk memastikan kantin mematuhi semua garis panduan yang sedia ada.

Pemantauan penyediaan hidangan di kantin sekolah adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan Malaysia turut membuat pemantauan di kantin sekolah. Kita bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dan nasihat yang sewajarnya diberikan kepada pengendali kantin dan guru-guru yang bertanggungjawab bagi memastikan penyediaan makanan di kantin sekolah mematuhi garis-

garis panduan yang disediakan. Berhubung dengan Kempen Gaya Hidup Sihat, saya ingin menegaskan di sini bahawa Kementerian Kesihatan setiap kali mengkaji semula bagaimana untuk menjadikan ia lebih efektif dari semasa ke semasa.

Sejak tahun 1992, kita telah melancarkan Kempen Gaya Hidup Sihat dan kita memberi penekanan dari tahun 2003 lagi tentang perubahan tingkah laku terhadap empat amalan iaitu kita fokus kepada Kempen Tidak Merokok, kita fokus kepada pemakanan sihat, aktiviti sihat dan juga cara-cara menangani stres. Empat cara ini untuk memastikan rakyat kita mengamalkan gaya hidup yang sihat. Mulai tahun 2005 hingga sekarang kita telah pun memberi penekanan melalui media, kempen-kempen media secara meluas untuk menggalakkan rakyat mematuhi ataupun mengetahui tentang gaya hidup sihat berhubung dengan beberapa fokus yang saya sebutkan tadi. Mulai tahun 2011 ini, kita juga akan memberi penekanan bagaimana untuk mengelakkan penyakit tidak berjangkit NCD *prevention* atau pencegahan lebih baik daripada rawatan.

Kita fokus pada cara untuk kurangkan berat badan dari segi pengurangan makanan, lemak makanan, gula dan makanan yang terlalu banyak garam. Itu melalui pelbagai kempen yang dijalankan termasuk juga kita memastikan rakyat melakukan 10,000 langkah sehari. Kita galakan, kita tahu mereka hendakkan aktiviti sihat. Kita juga bagi tahu apa caranya untuk mendapatkan gaya hidup yang sihat ini. Kita akan terus mengkaji semula bagaimana untuk efektif dari segi membina rakyat, dari segi gaya hidup yang sihat. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah Yang Berhormat Bentong dapat memastikan garis panduan yang dikeluarkan sekarang dan dahulu tidak boleh dipatuhi. Setakat ini walaupun Yang Berhormat pernah mengumumkan nasi lemak diharamkan, tetapi kemudian dihalalkan pula.

Beberapa Ahli: Apa halal?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kepong guna istilah lainlah Yang Berhormat Kepong. Guna istilah lainlah Yang Berhormat Kepong. Apa ini?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tanya soalan tambahan. Bukan hendak berbahas dengan puak-puak di sini. *[Ketawa]* Adakah Yang Berhormat akan mengambil tindakan mengenai jualan-jualan di sekitar sekolah, bukan di dalam sekolah pun ramai yang menjual makanan. Bagaimana pihak kementerian termasuk Kementerian Pelajaran dapat mengawal semua ini. Ini termasuk, kalau Yang Berhormat Bentong ada masa lapang pergi ke KFC tengok dan bilang bilangan kanak-kanak, pelajar-pelajar yang makan makanan lemak tersebut. Tolonglah bagi tahu macam mana kita dapat menguatkuasakan garis panduan ini.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Tetapi dia ada niat jahat ya. Yang Berhormat Gopeng ini niat jahat, dia kata saya haramkan nasi lemak. Ini tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kepong.

Beberapa ahli: Yang Berhormat Kepong.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Ini tidak betul Yang Berhormat Kepong. Saya hendak jelaskan, bahawa dalam sidang akhbar saya, pemberita tanya saya apakah makanan yang digemari oleh murid-murid di sekolah. Saya kata menurut kajian yang dibuat oleh UKM, bukan Kementerian Kesihatan, oleh UKM tiga jenis makanan yang digemari oleh murid. Iaitu nasi lemak, nasi ayam dan mi goreng. Tiga jenis makanan kegemaran yang mana murid-murid selalu beli makanan-makanan ini. Oleh itu saya katakan adalah lebih baik kita sediakan lebih banyak *variety* di kantin sekolah. Jangan hanya tertumpu kepada sesuatu makanan sahaja.

Apabila kita makan secara berlebihan makanan-makanan yang saya sebutkan tadi, maka akan timbul masalah obesiti dan kegemukan. Jadi, apabila media lebih suka mainkan isu nasi lemak, dia jadilah satu isu. Tetapi bagi Kementerian Kesihatan, kita nasihatkan kepada Kementerian Pelajaran dalam kantin-kantin sekolah apabila sediakan makanan seperti nasi lemak, mi goreng dan sebagainya kita sediakan labelkan kalorinya sekali bagi tahu anak-anak kita ini makanan berapa kalori, jangan lebih makan. Kalau boleh ada juga berapa kali kita makan. Semuanya kita beri nasihat. Itu nasihat dan kita harap pelajar-pelajar dapat nasihat ini dan mengikut panduan daripada Kementerian Kesihatan.

Kita juga memberitahu, memberi garis panduan makanan yang dilarang di sekolah termasuk makanan yang ada permainan dalam makanan itu. Murid-murid dia beli makanan itu disebabkan dia hendak permainan itu. Kita juga cuba mengurangkan atau melarang pemakanan gula-gula ataupun jeruk. Ini semua makanan yang kita larang di sekolah. Dari segi KFC memang dia tidak terdapat di sekolah. Kita katakan di sekolah kalau boleh kita hendak cadangkan makanan-makanan yang lebih sihat dan apabila kita ada senarai ini, maka ibu bapa juga tahu dan galakan anak-anak mereka makan makanan yang sihat.

■1050

4. Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah pindaan-pindaan yang bakal dilakukan di dalam Akta 663 (Akta Bangunan dan Harta Bersama-Penyenggaraan dan Pengurusan 2007). Adakah pindaan-pindaan tersebut akan dapat menyelesaikan kes atau masalah lama yang dihadapi oleh penghuni atau pemilik rumah pangsa.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Wira Chor Chee Heung]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Sungai Siput pada hari ini kerana ia menyentuh isu yang sama iaitu mengenai pelaksanaan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 atau lebih dikenali

sebagai Akta 663, pada tahun 2007 telah pun melihat penubuhan Unit Pesuruhjaya Bangunan di pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berperanan membantu Pesuruhjaya Bangunan yang biasanya yang terdiri daripada Datuk Bandar ataupun Yang di-Pertua PBT untuk menguatkuasakan Akta 663.

Pengenalan akta ini turut membawa kepada meningkatkan penglibatan penduduk bangunan bertingkat dalam pengurusan dan penyelenggaraan bangunan. Perkara ini diperhatikan melalui bilangan penubuhan *Joint Management Body (JMB)* dan *Management Committee (MC)* yang telah semakin bertambah. Misalnya, pada tahun 2009, sejumlah 5,480 ataupun 45.7% daripada 11,981 kawasan pemajuan telah menubuhkan *Joint Management Body* dan *Management Committee*. Manakala pada tahun 2010, sejumlah 6,818 daripada 13,023 kawasan pemajuan seluruh negara telah pun berjaya menubuhkan *Joint Management Body* ataupun *Management Committee*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan akta ini, terdapat banyak cabaran yang perlu ditangani yang di antaranya ialah:

- (i) Kelemahan di dalam pengurusan kewangan;
- (ii) kesukaran mendapat sokongan penduduk dalam menjelaskan bayaran caj penyelenggaraan; dan
- (iii) kesukaran untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik-pemilik petak yang gagal mengikut peraturan yang ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang dalam proses meminda Akta 663 untuk menangani kelemahan-kelemahan tersebut. Pindaan yang akan dicadangkan ini merangkumi:

- (i) Penambahbaikan lagi peruntukan-peruntukan sedia ada berhubung Pesuruhjaya Bangunan (COB), Badan Pengurusan Bersama (JMB), Jawatankuasa Pengurusan Bersama dan Jawatankuasa Pengurusan (MC) bagi menangani pelbagai isu semasa yang timbul dalam pelaksanaan Akta 663 dan Akta 318 di peringkat negeri-negeri; dan
- (ii) pewujudan Strata Tribunal di peringkat persekutuan bagi mendengar kes-kes yang tidak dapat diselesaikan oleh Pesuruhjaya Bangunan.

Sekian, terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengalu-alukanlah pindaan-pindaan yang bakal dibuat ini tetapi kita belum mendengar lagi apakah pindaan-pindaan tersebut. Secara ringkasnya. Mengenai Pesuruhjaya Bangunan Yang Berhormat Menteri, kita mendapat banyak aduan sebenarnya tentang ketidakberkesannya jabatan ini, *basically* kerana bidang kuasa yang ada pada mereka agak terhad ya, dan pegawai-pegawai COB ini adalah pegawai-pegawai penilai (*valuation officers*) yang sebenarnya dipinjamkan kepada PBT-PBT ini. Sering kali mereka ini dikatakan 'harimau

tidak bertaring', kerana tidak boleh mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang mengabaikan ataupun yang tidak melaksanakan akta ini.

Soalan saya ialah apakah pegawai-pegawai Pesuruhjaya Bangunan ini menerima latihan yang secukupnya dalam menterjemahkan undang-undang ataupun peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh akta ini? Mereka ini sepatutnya menjadi orang perantaraan ataupun mediator, *judge* atau referi di antara penduduk dengan pihak-pihak yang terutamanya *developer* lah. Akan tetapi mereka sering mengarahkan JMB ataupun penduduk mengambil tindakan undang-undang dalam perkara yang agak dipandang kecil yang mereka tidak boleh bereskan.

Jadi, apakah mereka ini perlu atau diadakan kursus untuk mereka untuk mengupayakan mereka? Seterusnya, apakah usaha pihak kementerian untuk mendidik rakyat itu sendiri? Ini kerana tinggal di pangsapuri adalah satu cara hidup yang terkini dan ramai di antara penghuni-penghuni dan pemilik-pemilik tidak memahami dan inilah sebenarnya yang menyebabkan sebahagian besar daripada masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak JMB dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Kota Raja. Memang Yang Berhormat Kota Raja memahamilah masalah-masalah yang dihadapi oleh *gated-gated community* yang berada di sekeliling Kota Raja ini.

Biar saya menjawab soalan tambahan yang pertama dahulu. Apabila seseorang Pesuruhjaya Bangunan ataupun *Commissioner Building* dilantik, mereka ini memang harus pergi untuk mendapat latihan. Pada lazimnya, pada setiap tahun sekurang-kurangnya dua kali COB-COB walaupun pernah terlibat dengan latihan-latihan dan kursus-kursus yang telah pun diberikan, tetapi masih dijemput untuk menghadiri kursus-kursus dan latihan-latihan mungkin untuk kali kedua atau kali ketiga.

Akan tetapi masalahnya, selepas Akta 663 diluluskan dan diterima pakai di negara ini, terdapat beberapa masalah dan kelemahan di akta. Yang pertamanya ialah pada permulaannya kerajaan berpendapat bahawa jika COB atau Pesuruhjaya Bangunan dilantik dari kalangan pengerusi-pengerusi PBT ataupun Yang di-Pertua-Yang di-Pertua PBT termasuk juga Datuk Bandar, mungkin akan menjadi lebih berkesan. Akan tetapi malangnya, walaupun mereka ini mempunyai kedudukan yang tinggi iaitu menjadi Yang di-Pertua di PBT-PBT berkenaan, tetapi masih terdapat lagi kuasa-kuasa yang tidak berada di tangan mereka.

Oleh yang demikian, bila saya masuk pada tahun lepas, saya rasa mungkin kita dapat semak sekali lagi Akta 663 ini. Kita juga mengambil rujukan dari negara-negara jiran seperti Singapura, Hong Kong di mana pangsapuri-pangsapuri di negara mereka telah dibina lebih lama kalau hendak dibandingkan dengan negara kita. Selepas itu kita pun mula membuat cadangan pindaan kepada Akta 663 dan didapati bila kita siap dengan pindaan dan bila ianya diluluskan kelak dan diterima pakai, maka ia – saya tidak dapat memberi jaminan iaitu segala-gala masalah akan selesai, tetapi ini adalah satu langkah yang positif dan kita percaya peratusan besar

masalah-masalah yang dihadapi, isu-isu yang masih ujud di pangsapuri-pangsapuri ini akan selesai dengan pindaan-pindaan yang selepas ini diluluskan. Sekian.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, apabila syarikat swasta ataupun pemaju yang membangunkan projek-projek rumah kos rendah, biasanya rumah ini akan dibeli dengan cepat. Akan tetapi apabila kita melihat penempatan rumah-rumah tersebut, sebahagiannya tidak digunakan ataupun tidak didiami. Akhirnya, rumah-rumah sama ada di atas tanah ataupun rumah kos rendah bertingkat ini, sebahagian daripadanya menjadi rumah-rumah yang terbiar. Sekarang ini kita telah pun menerima banyak aduan daripada rakyat bahawa terhadap banyak rumah yang terbiar ini yang tidak dapat diambil tindakan oleh Pegawai Daerah, oleh Majlis Perbandaran kerana tidak ada mana-mana undang-undang yang boleh kita ambil tindakan.

■1100

Soalan saya, apakah dengan pindaan ini boleh menyelesaikan isu yang saya bangkitkan?

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Cadangan-cadangan yang melibatkan pindaan kepada Akta 663 memang tidak begitu banyak menjurus kepada masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya ini bukan satu masalah. Jika terdapat pemaju-pemaju swasta yang telah pun membina *flat-flat*, pangsapuri-pangsapuri yang tidak dapat dijual maka mereka ini harus *maintain* dengan menyelenggarakan unit-unit ini sehingga dijual.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Sudah jual Yang Berhormat. Sudah jual, orang sudah beli tetapi dia tidak duduk di situ.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Oh kemungkinan ada masalah. Ramai pembeli membeli untuk *speculate* jika ada keuntungan mungkin dia jual tetapi walau bagaimana pun kita kena serahkan kepada...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Investor, investor.*

Dato' Wira Chor Chee Heung: JMB ataupun MC. Oleh sebab itu kita sekarang hendak memperkukuhkan lagi kuasa yang diberikan kepada MC dan JMB supaya jika terdapat tuan punya unit-unit berkenaan yang tidak membayar sebarang bayaran caj *maintenance* ataupun tidak tinggal di situ dan membiarkan *apartment* ataupun unit mereka ini secara terbiar maka MC dan JMB berhak dan mempunyai kuasa untuk memaksa tuan punya unit untuk melakukan segala-galanya. Sekian.

5. **Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah hukuman yang dikenakan ke atas remaja yang membuang bayi dan adakah dengan adanya Rumah Perlindungan Remaja Terlanjur dapat mengurangkan isu pembuangan bayi di kalangan remaja yang semakin berleluasa dewasa ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius isu pembuangan bayi.

Dalam usaha membanteras gejala ini, Akta Kanak-kanak 2001 dan kanun keseksaan mempunyai peruntukan khusus bagi membawa mereka yang terbabit ke muka pengadilan. Siasatan oleh pihak polis boleh dilakukan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 atau kanun keseksaan. Jika didapati bahawa mana-mana pihak, ibu atau bapa kepada bayi yang di kandung bersalah, mahkamah boleh mensabtkannya dengan hukuman yang berikut:

- (i) Denda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali di bawah perenggan 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 kerana menganiayai, mengabaikan atau membuang kanak-kanak atau mendedahkan kanak-kanak tersebut yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal atau emosi;
- (ii) penjara tidak melebihi tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali di bawah seksyen 317 kanun keseksaan sekiranya kanak-kanak tersebut mati akibat peninggalan ibu atau bapa di mana-mana tempat ataupun penjara tidak melebihi dua tahun di bawah seksyen 318 kanun keseksaan kerana kesalahan cuba untuk menyembunyikan mayat bayi atau melupuskan mayat itu.

Tuan Yang di-Pertua, isu pembuangan bayi haruslah ditangani secara holistik. Peranan ibu bapa, kesedaran remaja dan sokongan bersepadu masyarakat adalah penting. Justeru, penyediaan Rumah Perlindungan Remaja Terlanjur semata-mata tidak dapat menangani isu ini. Dalam hal ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil langkah pencegahan awal bagi membanteras gejala pembuangan bayi dengan menyediakan Rumah Perlindungan Remaja Terlanjur agar mereka dapat melahirkan anak dalam persekitaran yang selamat.

Pada masa ini Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai empat buah Taman Seri Puteri untuk kanak-kanak perempuan hamil luar nikah di bawah umur 18 tahun dan dua buah Pusat Jagaan Sinar Kasih yang menyediakan perlindungan kepada wanita hamil luar nikah yang umurnya melebihi 18 tahun. Sesungguhnya pembukaan Taman Seri Puteri dan Pusat Jagaan Sinar Kasih ini telah berjaya untuk menyelamatkan bayi daripada dibuang. Ini boleh dilihat di mana bilangan kanak-kanak perempuan yang mendapat perlindungan di Taman Seri Puteri dari tahun 2008 sehingga April 2011 adalah berjumlah 539 orang manakala bilangan wanita yang

berdaftar di Pusat Jagaan Sinar Kasih dari tahun 2008 sehingga April 2011 adalah berjumlah 89 orang.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga menyediakan perkhidmatan sokongan melalui 55 buah lagi institusi kebajikan, 104 buah pejabat kebajikan masyarakat daerah dan 56 buah Klinik Nur Sejahtera. Institusi-institusi ini bersedia untuk menerima bayi-bayi dan juga membantu ibu mereka yang memerlukan perlindungan pada bila-bila masa. Selain itu Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menjalinkan kerjasama dengan pertubuhan sukarela kebajikan bagi membantu membendung masalah pembuangan bayi. Terdapat lapan buah pertubuhan sukarela kebajikan yang menerima geran dari Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menyediakan pusat perlindungan bagi ibu-ibu muda. Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita percaya kepada sebarang masalah yang timbul pendekatan yang perlu diambil tidak ada satu *approach* sahaja. Ia perlu mengambil kira dari segi pendidikan, dari segi perundangan sistemnya dan juga dari segi penguatkuasaan. Pada bulan September tahun lepas sebuah kerajaan negeri iaitu Kerajaan Negeri Melaka telah menubuhkan sebuah sekolah yang dipanggil Sekolah Harapan bermula dengan lima orang remaja terlanjur yang telah mengandung. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, sudah ada 66 orang keseluruhannya dan hampir 46 bayi dilahirkan. Semua negeri menyumbang termasuk negeri Kelantan Tuan Yang di-Pertua. Semua negeri menyumbang tetapi kesan daripada itu adalah pertamanya, di Melaka tidak ada lagi kes-kes pembuangan bayi. Kita dengar kenyataan-kenyataan sinis daripada sesetengah yang mengatakan ini adalah satu daripada cara untuk menggalak anak-anak remaja kita untuk terjebak di dalam masalah seks awal tetapi akhirnya ia memberikan kesan. Kita tidak menidakkan undang-undang. Nabi Muhammad SAW pun dahulu pernah didekati oleh seorang ibu yang mengandung dan Nabi menunggu sehingga selesai menyusui baru dijatuhkan hukuman.

Jadi saya hendak bertanya apakah polisi kementerian untuk mengadaptasikan projek-projek Sekolah Harapan ini di negeri-negeri dan apakah bentuk sokongan dan dorongan kementerian kepada Sekolah Harapan yang telah wujud di Melaka dan telah menarik minat ibu-ibu muda, remaja-remaja yang telah terlanjur? Kita sediakan pelbagai program di dalamnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa dalam menyelesaikan sesuatu isu terdapat pelbagai pendekatan yang boleh digunakan. Kementerian memang menghargai usaha murni semua pihak untuk membantu dalam masalah sosial ini. Walau bagaimanapun untuk kementerian, kita tidak bersetuju dengan konsep Sekolah Harapan ini kerana kita berpendapat bahawa di bawah kementerian sudah mempunyai institusi

perlindungan yang sesuai untuk pelajar yang hamil luar nikah ini iaitu Taman Seri Puteri dan juga Pusat Jagaan Sinar Kasih. Sekian, terima kasih.

■1110

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, daripada apa yang berlaku hari ini kita melihat inilah bukti kegagalan UMNO dan Barisan Nasional... [*Dewan riuh*] Selepas 50 tahun kita melihat bagaimana keruntuhan institusi moral...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Woi, bapak dengan anak bersekedudukan di Kelantan! Hari ini keluar *paper*.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ini cukup teruk. Jadi kita melihat...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Hari ini keluar *paper* bapa dengan anak bersekedudukan.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini membuktikan bagaimana kecelaruan sistem itu berlaku. Kalau Kerajaan Melaka mengadakan sekolah harapan yang tidak dipersetujui pula oleh pihak kementerian dan saya ingin penjelasan pula apa pandangan kementerian terhadap modul-modul yang telah diberi kepada pelajar ini. Apa jaminan kerajaan pihak kerajaan untuk memastikan remaja yang terlanjur ini tidak mengulangi keterlanjurannya untuk kali yang seterusnya dan apa tindakan kerajaan?

Kalau Yang Berhormat Tangga Batu menyebutkan bagaimana pada zaman Rasulullah seorang perempuan yang menyusui bayi sehingga habis menyusui baru dijatuhkan hukuman. Hukuman yang dibawa ialah hukuman yang sesuai dengan al-Quran. Apa yang dibuat oleh kerajaan hari ini untuk membasmi zina dan keterlanjuran yang melampau ini? Kenapa tidak dirujuk kepada hukum Islam sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW? Minta penjelasan... [*Dewan riuh*]

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Kelantan pun banyak.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Hari ini keluar *paper* itu bapa dan anak.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua bagi bahagian depan saya tadi kurang jelas kerana keadaan Dewan yang tidak tenteram. Walau bagaimanapun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang depan itu Yang Berhormat tidak ada soalan pun... [*Ketawa*]

Puan Heng Seai Kie: Untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi sekadar menghukum itu bukanlah satu cara penyelesaian yang terbaik. Jadi untuk Kerajaan Barisan Nasional yang cukup prihatin dan mengambil berat tentang kebajikan dan kepentingan rakyat kita sentiasa mencari jalan untuk membantu rakyat kita yang dalam kesusahan termasuklah mereka yang hamil luar nikah yang menghadapi masalah ini. Kita juga percaya bahawa sekadar

menghukum bukanlah penyelesaian yang terbaik tetapi didikan awal itu adalah lebih penting khususnya terhadap kumpulan sasar iaitu kumpulan remaja kita. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Kewangan menyatakan, masalah-masalah yang dihadapi oleh agensi-agensi Kementerian dalam melaksanakan kerja mengutip hasil cukai kerajaan seluruh negara dan anggaran ketirisan yang berlaku dan langkah-langkah untuk menyekat ketirisan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat antara masalah yang dihadapi oleh agensi-agensi Kementerian Kewangan iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam mengutip cukai adalah seperti berikut:

- (a) Lembaga Hasil Dalam Negeri,
 - (i) terdapat pembayar cukai yang gagal atau lewat mengembalikan borang penyata cukai pendapatan (BNCP) dalam tempoh yang ditetapkan;
 - (ii) terdapat pembayar cukai yang tidak melaporkan pendapatan yang sepatutnya mengikut undang-undang dan peraturan percukaian;
 - (iii) terdapat pembayar cukai yang dengan sengaja tidak melaporkan pendapatan atau sengaja melakukan pengelakan cukai; dan
 - (iv) terdapat pembayar cukai yang gagal atau lewat menjelaskan tanggungan cukai yang sebenar dalam tempoh yang ditetapkan.
- (b) Jabatan Kastam Diraja Malaysia
 - (i) barangan yang diimport salah ikrar dari segi nilai, kuantiti, penjenisan dan negara asal secara pemalsuan (*forgery*) dan lingkungan *counterfeit document*;
 - (ii) usia kenderaan tidak di ikrar tepat menyebabkan kadar susut nilai yang dibeli lebih tinggi dari sepatutnya;
 - (iii) penyalahgunaan kemudahan zon bebas cukai, pulau bebas cukai dan kedai bebas cukai; dan
 - (iv) obligasi di peringkat antarabangsa (*international obligation*) seperti pelepasan terus (*direct release*), *pre-clearance* mempermudah sistem dan prosedur.

Untuk makluman Yang Berhormat juga ketirisan cukai bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri dianggarkan dalam lingkungan 20% daripada kutipan sebenar manakala bagi Jabatan Kastam Diraja Malaysia jumlah ketirisan hasil dianggarkan kurang dari 10% daripada kutipan sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil untuk menyekat ketirisan hasil adalah seperti berikut:

- (a) Lembaga Hasil Dalam Negeri:
- (i) program pendidikan cukai dijalankan melalui aktiviti-aktiviti seperti memberi taklimat, mengadakan bengkel dan seminar percukaian serta melaksanakan bulan perkhidmatan pembayar cukai (PPC);
 - (ii) bagi pembayar cukai yang gagal atau lewat mengembalikan borang BNCP dalam tempoh yang ditetapkan penalti di bawah subseksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 akan dikenakan;
 - (iii) program audit cukai yang berkesan dan terancang dilaksanakan melalui audit luar dan audit meja;
 - (iv) program siasatan dilaksanakan untuk mencegah aktiviti pelarian serta pengelakan cukai menerusi lawatan mengejut ke premis perniagaan, premis kediaman dan premis-premis lain yang berkaitan dengan perniagaan pembayar cukai;
 - (v) memungut cukai yang masih belum dijelaskan melalui perkhidmatan *call out centre*, lawatan ke premis pembayar cukai dan mempertimbangkan permohonan pembayar cukai tertangguh secara ansuran; dan
 - (vi) bagi pembayar cukai yang gagal menjelaskan tanggungan cukai mengikut tempoh yang ditetapkan penalti lewat bayar boleh dikenakan di bawah peruntukan seksyen 103, 107(b) dan 107(c) Akta Cukai Pendapatan 1967.
- (b) Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- (i) bagi mengatasi penipuan dan fraud kastam antara langkah-langkah yang diambil adalah memantapkan pengurusan risiko melalui *Custom Verification Initiative* (CVI) dan meningkatkan kerjasama dengan agensi berkaitan dengan kesahihan sijil tempoh sah (*certificate origin*);
 - (ii) bagi mengatasi penilaian rendah (*under valuation*) satu memorandum persefahaman (MoU) telah ditandatangani dengan Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (Pekema) bagi menguatkuasakan pemakaian pelekat pengesahan usia kenderaan dan menyemak semula harga warta (*gazette value*) kenderaan import terpakai;

- (iii) dalam mengatasi aktiviti penyeludupan jumlah operasi penguat kuasa ditingkatkan dengan meningkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang lain;
- (iv) bagi mengatasi obligasi perdagangan pengurusan risiko ditingkatkan di samping mempertingkatkan penggunaan teknologi seperti mesin pengimbas dan kecekapan sistem ICT; dan
- (v) bagi mengatasi penyalahgunaan kemudahan kastam aktiviti penguatkuasaan ditingkatkan dan melaksanakan operasi bagi mencegah penyalahgunaan kemudahan kastam.

Sekian.

■1120

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ketirisan biasanya lewat dikesan, saya ingin tahu apakah mekanisme yang digunakan untuk mengesan lebih awal bagi mengelakkan kerugian kepada pihak kerajaan. Baru-baru ini Allahyarham Ahmad Sarbani sebagai seorang Pengarah Kastam adalah mangsa ketirisan hasil cukai kerajaan. Saya ingin tahu bagaimanakah usaha untuk memperkasakan pasukan pelindung ketirisan ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Yang Berhormat merupakan pengimport kenderaan *used car* yang terbesar di Kuala Lumpur, memang kita semua tahu. Oleh itu kalau Yang Berhormat ada cadangan yang bagus, kita memang akan menerima... [*Dewan riuh*]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bagi publisitika ini? Jawab soalanlah. Yang Berhormat mahu dapat diskaun kah? Beli kereta mahu dapat diskaun kah?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Seperti saya telah jawab tadi, langkah-langkah yang kita ambil supaya ketirisan itu dapat dikurangkan. Sepertimana yang kita tahu dan Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa *under value* di bidang *used car* itu memang kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat *clearance*, kita akan menguatkuasakan supaya ketirisannya dapat dikurangkan. Sekian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum*, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkaitan dengan soalan asal sahabat saya Yang Berhormat Bukit Bintang. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak Kementerian Kewangan kerana sedar, faham dan mengambil tindakan tentang ketirisan kerana ketirisan 20% Lembaga Hasil Dalam Negeri ini besar sebenarnya. Kalau boleh diturunkan, ia memberi manfaat yang besar kepada negara, Kastam ketirisan 10%, kementerian kata berusaha hendak menurunkan ketirisan. Saya mendoakan supaya kegiatan kedua-dua agensi yang penting Kementerian Kewangan ini akan berhasil.

Ini soal rakyat, tadi soal negara, soal negara yang ada kaitan dengan rakyat. Ada atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menerima aduan, mungkin soalan ini terkeluar sedikit tetapi ada kaitan dengan Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan mengeluarkan lesen pemberi pinjaman wang secara sah, konon hendak menggantikan peminjam-peminjam yang bertaraf *ah long* untuk rakyat kita, jangan teraniaya, jangan dizalimi. Akan tetapi adakah pengaduan kepada Yang Berhormat ataupun Kementerian Kewangan, rupanya orang-orang yang mempunyai lesen pinjaman kewangan sah ini pun bertindak macam *ah long*. Saya didatangi di kawasan saya beberapa orang yang menceritakan antara pelesen yang sah dengan *ah long*, dua kali lima, lima kali dua. Saya tidak jawapannya berapa itu, dua kali lima, lima kali dua... *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sedarkah Yang Berhormat, Along paling besar dalam negara ini ialah bank.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tidak tahu Yang Berhormat Kinabatangan, dia masuk ini sebab dia hendak daftar dia dah datang... *[Ketawa]* Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri sahabat saya, ada atau tidak pengaduan-pengaduan yang datang daripada rakyat yang rasa teraniaya, dizalimi oleh pemegang-pemegang lesen wang pinjaman berlesen... *[Disampuk]* Yang Berhormat, boleh beri sedikit penjelasan?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat, soalan ini memang terkeluar dari soalan asal. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau kita tengok dari segi hutang isi rumah, memang Malaysia ini adalah antara yang tertinggi di rantau sekeliling iaitu 75% daripada GDP keseluruhannya. Walau bagaimanapun, kita masih dalam keadaan yang baik dan kukuh. Dari segi pinjaman yang diberikan kepada peminjam, lesen Yang Berhormat katakan itu bukan di bawah Kementerian Kewangan, lesen itu diberi oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Oleh itu Yang Berhormat, saya dan juga Kementerian Kewangan dan Bank Negara, kita akan selalu memantau keadaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sekian.

7. **Dato' Mohd. Jidin Shafee [Setiu]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan terhadap penjagaan sumber laut dan berapakah jumlah pulau-pulau yang telah diwartakan sebagai kawasan Taman Laut di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 69 buah pulau di Malaysia telah diwartakan untuk perlindungan sumber marin. Daripada jumlah ini, 39 buah pulau di Semenanjung Malaysia dan tiga pulau di Wilayah Persekutuan Labuan. Keduanya, empat buah pulau di Sarawak dan ketiga, 23 buah pulau di Sabah. Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar hanya bertanggungjawab bagi mengurus tadbir sumber marin di sekitar 42 buah pulau tersebut di Semenanjung Malaysia dan

Labuan sahaja. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, kawasan perlindungan marin atau dengan izin, *marine protected area* adalah di bawah ordinan dan enakmen negeri masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak JTLM melaksanakan pelbagai aktiviti dalam usaha untuk melindungi dan memelihara sumber marin di kawasan di bawah bidang kuasanya. Antaranya termasuk:

- (i) pengurusan yang mampan yang melibatkan pengenalan sistem *zoning*, program mengehadkan bilangan kapasiti pengunjung di sesuatu kawasan, program memperkenalkan boya penanda, boya penambat kapal, pontun dan lain-lain;
- (ii) pemuliharaan dan pencegahan kemusnahan ekosistem menerusi program membanteras kegiatan pencerobohan dan penguatkuasaan Akta Fi yang melibatkan pemantauan terhadap semua pengunjung yang menjalankan aktiviti *diving*, *snorkeling*, berenang dan lain-lain lagi;
- (iii) penyelidikan dan pengawasan kelunturan batu karang, kajian kualiti air, pemantauan pemuliharaan batu karang yang telah rosak dan yang baru tumbuh serta lain-lain aktiviti penyelidikan; dan
- (iv) program kesedaran awam untuk memberi kesedaran kepada pengunjung dan penduduk tempatan. Sebagai contoh ialah program pembersihan di pesisiran pantai yang meliputi aktiviti *beach management*, *reef check* dan *beach clean up* dan lain-lain lagi.

Di samping itu JTLM, jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain, yang turut terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam melaksanakan langkah-langkah perlindungan sumber marin ialah Jabatan Perikanan, Jabatan Polis, Jabatan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

■1130

Usaha-usaha pemuliharaan biodiversiti marin kawasan taman laut di Semenanjung Malaysia akan diteruskan serta diperkukuhkan. Dalam hal ini, kerjasama dan sokongan semua pihak yang berkepentingan termasuk kerajaan-kerajaan negeri adalah diperlukan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itulah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan untuk pagi ini. Saya jemput seorang Menteri untuk membacakan usul.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab lisan telah tamat]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.31 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 21 Jun 2011.”

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 18(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Pagi ini, saya mendapat satu surat dari Tuan Yang di-Pertua tentang usul ini ditolak. Saya memohon Tuan Yang di-Pertua mempertimbangkan semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita tidak boleh membuat rayuan macam itu, Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Usul ini penting untuk dibahaskan kerana ia berkaitan dengan isu keselamatan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Saya telah dimaklumkan Yang Berhormat telah mengemukakan satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah pun menolak usul itu dalam kamar mengikut Peraturan 18(3). Mana-mana usul yang telah ditolak Yang Berhormat, lazimnya tidak akan dibacakan di dalam Dewan dan Yang Berhormat juga tidak sesualah mengikut peraturan mesyuarat untuk membuat rayuan dalam Dewan seperti yang sedang Yang Berhormat lakukan sekarang ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini memang penting sebab usul ini memang penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah cukuplah.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Seperti tahun 2010, saya pernah kemukakan usul mengenai kes kemalangan ekspres sebanyak dua kali dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Kali kedua baru ia diluluskan. Adakah Dewan, perkara ini disamakan, perlu membuat usul dua kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Usul Yang Berhormat telah ditolak di dalam kamar Yang Berhormat dan tidak boleh dibahaskan dalam Dewan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya rasa ini perkara yang perlu diambil kira... [Disampuk] Beberapa bulan dahulu kita telah diberitahu bahawa sedikit kelonggaran perlu diberi di mana usul-usul 18(1) dibawa supaya Parlimen menjadi lebih relevan. Jangan kita ketatkan kerana ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...*Condition*, aturan dan sebagainya kerana *we will become a laughing stock*. Bukankah ini berkaitan? Kalau dua orang dari Singapura dia kena tahan oleh pihak Kastam dan *direportkan* dan pegawai-pegawai itu telah digantung – *suspend* dari kerja menunjukkan satu perkara yang serius. Bukankah Parlimen satu tempat di mana patut mengadakan *debate* tersebut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh membahaskan isu ini dalam usul perbekalan tambahan nanti. Oleh sebab itu...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *I respect the Chair*. Itu satu di antara caranya tetapi bukankah kemukakan perkara itu pada minggu dahulu menunjukkan keseriusan dan perlu dipercepatkan? *We are running...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya rasa kita berulang-ulang untuk memperjelaskan perkara-perkara yang kalau ditolak di dalam mahkamah tidak dibahas dalam Dewan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya ingin maklumkan bahawa semua kita maklum, sejak dua minggu Dewan ini bersidang, ada beberapa usul juga yang telah dibaca dalam Dewan ini dan ditolak dalam Dewan. Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bakri ditolak di dalam kamar. Maka, ia tidak dibahas dalam Dewan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, mohon maaf. Ada kaitan dengan usul saya. Saya juga masuk usul untuk hari ini. Saya juga dapat surat daripada

Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa hari ini usul Yang Berhormat Bakri lebih dahulu daripada usul saya. Jadi sepatutnya – saya pun tidak apalah. Saya kata berilah kepada Yang Berhormat Bakri. Akan tetapi rupanya Yang Berhormat Bakri pun ditolak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, baik.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi saya rasa tidak kenalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya faham sentimen Yang Berhormat. Akan tetapi mengikut peraturan mesyuarat, apabila ada dua usul diterima pada masa yang sama, usul yang kedua itu, yang diterima lebih lewat daripada usul pertama tidak boleh uruskan. Kita cuma mengurus dan mengendali satu usul. Itu mengikut peraturan mesyuarat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, bila usul saya itu terkemudian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Keputusan menolak dalam kamar...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Maknanya terimalah usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Bakri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ia tidak macam itu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ia tidak macam itu Yang Berhormat. Ia tidak macam itu. Ia tidak macam itu. Usul yang diterima awal...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Pokok Sena, nanti kita tukarlah peraturan mesyuarat yang ada ini. Nanti kita tukar dahulu. Sementara ini, itulah yang ada.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 26(1). Tuan Yang di-Pertua, saya ada menulis surat dan disalinkan kepada Timbalan Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan satu perkara iaitu kedudukan Ahli Parlimen Batu, Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, usul Yang Berhormat kemukakan itu akan dipertimbangkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, sebab saya mendapat surat ini tentang menubuhkan Lembaga Penyiasat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup-cukuplah Yang Berhormat.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG
PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (PINDAAN) 2011****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2011) 2011****Bacaan Kali Yang Kedua**

11.37 pg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia telah mencatat pertumbuhan sebanyak 4.6% dalam suku pertama 2011 berikutan persekitaran luar yang tidak menentu akibat krisis di Timur Tengah dan Afrika Utara serta gempa bumi yang berlaku di negara Jepun. Di samping itu, pertumbuhan yang sederhana ini juga disebabkan oleh penutupan tidak dirancang pelantar minyak bagi kerja baik pulih dan penyelenggaraan di negara kita. Ekonomi Malaysia dijangka dapat mengekalkan momentum pertumbuhan positif bagi suku yang akan datang. Bagi keseluruhan tahun 2011, ekonomi negara dijangka berkembang pada kadar yang terus kukuh, disokong terutamanya oleh pengembangan permintaan domestik serta sentimen perniagaan dan pengguna yang kukuh.

Dengan jangkakan pertumbuhan ekonomi yang terus stabil pada tahun 2011, hasil kerajaan juga telah disemak semula. Dengan semakan semula ini, kerajaan juga telah mengenal pasti beberapa keutamaan baru dan permohonan tambahan peruntukan yang mendesak daripada kementerian dan agensi yang kesemuanya berjumlah RM13.2 bilion. Permohonan ini termasuk tambahan peruntukan bagi subsidi barangan petroleum dan minyak masak serta

beberapa keperluan mendesak lain daripada kementerian. Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira tambahan baru hasil dan perbelanjaan, defisit kerajaan dijangka dapat dikekalkan pada paras 5.4% kepada KDNK pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2011 ini adalah dibentangkan menurut perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2011 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Jumlah anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2011 yang dibentangkan adalah sebanyak RM13,186.713 juta dan jumlah anggaran ini merupakan tambahan langsung.

■1140

Peruntukan tambahan ini disediakan bagi menampung keperluan yang mendesak termasuk perbelanjaan subsidi, emolomen dan penyelenggaraan. Sejumlah RM7,959 juta daripada RM13,186,713,000 ini iaitu 60.3% adalah merupakan bayaran subsidi tambahan untuk tahun 2011 khususnya tambahan peruntukan adalah diperlukan untuk maksud seperti berikut:

Sebanyak RM6,000,000,000 untuk maksud B.11 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang melibatkan sebahagian besar untuk pembayaran tuntutan subsidi barangan petroleum tahun 2011, membiayai subsidi pengecualian pembayaran bil elektrik bulanan RM20 ke bawah untuk tahun 2011 serta menampung dana jaminan di bawah Skim Rumah Pertamaku.

Sebanyak RM1,540,369,000 untuk Maksud B.41 – Kementerian Pelajaran dan sebahagian besarnya iaitu RM1.3 bilion untuk emolomen.

Sebanyak RM1,383,802,500 untuk Maksud B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, untuk pembayaran subsidi termasuklah subsidi bekalan beras ST15 di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, subsidi baja padi dan insentif peningkatan hasil padi dan subsidi menjamin bekalan makanan negara.

Sebanyak RM1,037,800,000 untuk Maksud B.42 – Kementerian Kesihatan dan sebahagian besarnya iaitu RM1 bilion untuk emolomen.

Sebanyak RM786,200,000 untuk Maksud B.20 – Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi bagi membiayai tuntutan-tuntutan di bawah Skim Penstabilan Minyak Masak sehingga Disember 2011 dan penempatan semula kakitangan Lembaga Getah Malaysia.

Sebanyak RM493,297,600 untuk Maksud B.60 – Kementerian Pertahanan antara lain termasuk penyelenggaraan kapal selam.

Sebanyak RM458,750,000 untuk Maksud B.48 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi bantuan kebajikan dari bulan Ogos hingga Disember 2011.

Sebanyak RM442,149,000 untuk Maksud B.43 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sebahagian besarnya adalah untuk kos pelaksanaan Akta 672 (Penswastan Pengurusan Sisa Pepejal).

Dan sebanyak RM317,383,200 untuk Maksud B.6 – Jabatan Perdana Menteri antara lain termasuk pembayaran penyelenggaraan Terminal Bersepadu Selatan, pengurusan fasiliti KIK dan JB Sentral serta menampung kadar kenaikan elaun imam dan guru takmir.

Selain daripada itu, tambahan ini juga melibatkan peruntukan bagi kementerian-kementerian berikut; sebanyak RM213,300,000 untuk Maksud B.22 – Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Sebanyak RM198,740,000 untuk Maksud B.28 – Kementerian Pengangkutan.

Sebanyak RM100 juta untuk Maksud B.27 – Kementerian Kerja Raya.

Sebanyak RM70,283,700 untuk Maksud B.47 – Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Sebanyak RM38,500,000 untuk Maksud B.23 – Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Sebanyak RM30,000,000 untuk Maksud B.62 – Kementerian Dalam Negeri.

Sebanyak RM27,980,000 untuk Maksud B.13 – Kementerian Luar Negeri.

Sebanyak RM15 juta untuk Maksud B.32 – Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Sebanyak RM13,123,000 untuk Maksud B.24 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Sebanyak RM11,305,000 untuk Maksud B.1 – Parlimen.

Sebanyak RM7,730,000 untuk Maksud B.30 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Dan sebanyak RM1 juta untuk Maksud B.08 – Jabatan Peguam Negara.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2011 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 tahun 2011 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, terbuka untuk dibahas.

Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

11.48 tgh.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Belanjawan tambahan ini Tuan Yang di-Pertua mengusulkan peningkatan sebanyak 8.2% daripada belanjawan asal 2011 sebanyak RM162.8 bilion. Perbelanjaan tambahan yang dipohon RM13.2 bilion digunakan hampir suku tahun pertama. Maknanya, sekiranya unjuran ini diterima pakai, boleh dijelaskan oleh Menteri Kewangan, peningkatan ini mungkin mencecah 15%. Ini menimbulkan tanda tanya tentang merangka belanjawan. Bagaimana dalam merangka belanjawan walaupun kita ambil kira beberapa pertimbangan dan isu ekonomi global, perubahan begitu mendadak dalam masa yang begitu singkat.

Merangka belanjawan bererti mengambil kira suatu unjuran yang munasabah dan perkiraan yang dapat dipertahankan sehingga unjuran itu dianggap *credible*, boleh dipercayai tetapi sekiranya trend ini berterusan, peningkatan mendadak begini dan saya akan turut memberikan contoh-contoh ada yang kita anggap munasabah, ada yang kita anggap tidak munasabah kerana pertamanya, hutang negara meningkat daripada KDNK pada kadar 54% dan dengan unjuran yang meningkat begini rupa dalam masa yang terlalu singkat, suku tahun pertama, dalam ingatan saya ini jarang berlaku dalam sejarah pembentangan belanjawan negara di mana dalam suku tahun pertama, peningkatan begitu besar dan mendadak.

■1150

Saya bimbang kalau ini akan menjejaskan keyakinan. Apakah rakyat boleh percaya hanya beberapa bulan yang lalu, akhir tahun lalu kita bentangkan satu belanjawan dengan penuh yakin dengan angka, data, kemudian selang tiga bulan, rombakkan itu terlalu besar. Diterima beberapa isu yang melibatkan harga pasaran antarabangsa. Tidak boleh diterima seandainya beberapa angka itu sengaja disorokkan untuk mengecilkan kadar defisit umpamanya ataupun meninggalkan aspek yang terlalu nyata. Ini kerana kalau tahap ini berterusan, kita bimbang bahayanya dia hilang kewibawaan, parahnya seperti yang berlaku di Greece kerana jelas pihak Kementerian Kewangan Greece dengan kerjasama kerajaannya terlibat dalam penipuan angka dan data untuk mempertahankan kedudukan ekonomi Greece.

Saya percaya ini belum – kita belum sampai ke tahap itu tetapi kalau kita lihat peruntukan tambahan ini, saya bimbang sebabnya belum pernah dalam sejarah belanjawan, emolument itu tidak dimasukkan. Bagaimana kita boleh tertinggal, Kementerian Kesihatan emolument bagi doktor dan kakitangan Kementerian Kesihatan RM1.009 bilion, tertinggal. Maka dimasukkan untuk suku tahun pertama. Kalau dikatakan ada projek baru yang mendesak dimasukkan bulan Januari, maka kita fikir munasabah. Jadi, ini saya untuk satu penjelasan yang teliti dan benar, mengapa dalam merangka ini Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan dan akhirnya Jemaah Menteri khususnya Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh meninggalkan aspek yang cukup mendesak? Yang Berhormat Menteri menyebut emolument secara sepintas lalu, menyebut subsidi kerana kenaikan harga minyak.

Bukan sahaja gaji doktor dan kakitangan perubatan yang dikeluarkan. Belanjawan 2011 turut terlupa untuk memperuntukkan wang kenaikan gaji dan emolumen guru-guru akibat daripada pelbagai proses naik pangkat biasa dan mengisi kekosongan guru sedia ada. Jumlahnya RM1.314 bilion. Ini diumumkan pertengahan tahun lalu. Maksudnya Kementerian Pelajaran mesti mengemukakan Kementerian Kewangan mengambil kira berapa unjuran pertambahan pekerja dan kakitangan awam atau guru untuk tahun berikutnya. Itu yang disebutkan unjuran belanjawan. Belanjawan unjuran untuk tahun hadapan bukan mencatat perbelanjaan yang sedia ada. Aneh kerana dalam pengalaman saya mengetahui kekuatan dan profesionalisme Kementerian Kewangan. Saya tidak dapat fikir perkara ini berlaku melainkan sengaja dipadamkan untuk menunjukkan defisit kita itu mengecil. Ini kerana apabila masuk beberapa bilion ini, defisit bertambah.

Kemudian, dalam ucapan belanjawan Menteri Kewangan, disebut beberapa projek khusus. Apabila Yang Berhormat Menteri sebut dalam ucapan belanjawan, kita anggap ini dimasukkan dalam belanjawan. Akan tetapi dalam kes ini, saya beri contoh – Skim Rumah Pertama diuar-uarakan, diumumkan dalam belanjawan tetapi tidak ada peruntukan. Peruntukan baru datang sekarang. Jadi...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Jadi, jelas. Begitu juga dengan skim pengecualian bayaran elektrik bagi penggunaan di bawah RM20 sebulan. Skim Latihan 1Malaysia, Skim Latihan Semula Graduan Teknologi Maklumat semua menjadi pengumuman besar belanjawan yang diumumkan tahun lalu tidak dimasukkan dan sekarang baru dimasukkan. Kalau pada pemahaman saya, saya tidak mahu salahkan pegawai-pegawai kementerian kerana dalam pengalaman saya, mereka dapat jalankan dengan cukup baik dan selalunya, saya dinasihatkan untuk mengumumkan apa yang ada dalam peruntukan. Jangan umum apa yang tidak ada dalam peruntukan terutama dalam ucapan belanjawan Yang Berhormat Menteri.

Empat buah program yang saya bacakan tadi ini, jumlahnya RM400 juta. Ini masuk dalam perbelanjaan tambahan. Untuk emolumen dan skim-skim yang diumumkan, ia mencecah RM2.7 bilion. Sekiranya dimasukkan dalam Belanjawan 2011, maka jumlah peruntukannya sudah menjadi RM2,015 bilion, bukan RM2,012 bilion, ini sahaja. Kemudian, ini melibatkan defisit. Tambah RM3 bilion dalam ini, tambah RM13 bilion, Yang Berhormat Menteri kata defisit masih kekal 54%. Itu saya ingat matematik perlu kaji semula kerana daripada segi perkiraan kita ia sekurang-kurangnya mesti naik 1%. Sekurang-kurangnya 5.5% dan bukan seperti mana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada bulan Oktober lalu.

Jadi, inilah yang menimbulkan tanda tanya besar iaitu mengapakah emolumen, peruntukan yang jelas telah diumumkan tidak dimasukkan dalam belanjawan? Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *I stand to be corrected* tetapi setakat pengalaman saya, ini tidak mungkin kerana tahap profesionalisme di Kementerian Kewangan itu tidak mengizinkan hal ini berlaku. Jadi, ini

yang pertama iaitu soal integriti proses menyediakan, menyemak perbelanjaan dalam belanjawan dan kesahihan angka-angka ekonomi yang harus kita pertahankan. Saya siapkan juga secara terperinci yang boleh kita edarkan kepada Kementerian Kewangan.

Kedua, isu yang dikaitkan dalam peruntukan tambahan yang dipohon ini ialah tentang peningkatan kos akibat projek penswastaan. Kita ada pengalaman dengan IPP sekarang tetapi yang saya kira aneh yang perlu diberikan penjelasan oleh kerajaan. Mengapa satu projek tanah yang cukup berharga, yang diswastakan, kemudian dibebankan kepada kerajaan untuk membayar sebahagian daripada kos? Seluruh prinsip penswastaan itu menjadi janggal kerana penswastaan itu maknanya mengalih beban daripada kerajaan pada sektor swasta walaupun kaedahnya, ketelusannya kita boleh persoalkan. Contoh dalam cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri... *[Membaca lampiran] "Peruntukan RM86.2 juta bagi perbelanjaan penempatan kakitangan Lembaga Getah Malaysia akibat keputusan kerajaan membangunkan tanah Institut Penyelidikan Getah di Sungai Buloh yang hendak diswastakan"*.

Akan tetapi, tanggungan pindah pegawai, tanggungan kerajaan. Jadi, perkiraan penswastaan itu apa? Ini kalau Yang Berhormat Ipoh Timur itu dia sebut bukan *privatization* jadi *privatization*. Kita harus teliti yang ini. Jadi, maknanya kos keseluruhan penempatan kakitangan Lembaga Getah Malaysia RM97.4 juta - Tuan Yang di-Pertua, RM97.4 juta. Tahu atau tidak projek yang di bawah ETP yang diumumkan, bangun semula penswastaan projek Sungai Buloh itu, RM20 bilion. Projek yang dijana oleh penswastaan, RM20 bilion tetapi RM100 juta mesti ditampung oleh kerajaan untuk pegawai-pegawai. Siapakah yang membuat keputusan mengenai prinsip penswastaan sebegini? Kalau kita lihat prinsipnya itu harus mengalih tanggungjawab dan beban daripada kerajaan. RM20 bilion, ETP dan tidak boleh tampung mutu perumahan dan pemindahan pegawai-pegawai kerajaan.

■1200

Mana kewarasan dan kebijaksanaan atau kebijakan ekonomi dalam bidang ini? Saya musykil. Ini kerana projek-projek besar ini patutnya meringankan beban kerajaan dan menguntungkan rakyat. Jadi saya tidak setuju Tuan Yang di-Pertua, untuk meluluskan peruntukan sebegini rupa kerana ia bercanggah dengan prinsip penswastaan itu sendiri. Ini kerana belum pun projek itu berjalan, kos telah pun ditanggung oleh kerajaan.

Kalau ikut pengumuman ETP, perkara yang serupa juga berlaku dalam pembangunan semula tanah kerajaan di Sungai Besi, yang dianugerahkan secara rahsia kepada satu MDB. Begitu juga tanah kerajaan yang lain seperti Jalan Cochrane serta Jalan Stonor. Kalau pembangunan Sungai Buloh menjadi ukuran, maknanya kerajaan menswastakan harta dan keuntungan, sementara rakyat menanggung kos untuk mengosongkan tanah agar pemaju cuci tangan.

Oleh sebab itu, saya ingin menggesa atau mendesak supaya beberapa isu yang disebutkan ini, oleh kerana tidak ada ketelusan, harus diteliti oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang

Negara (PAC) Parlimen, untuk mengkaji semula dan menyiasat projek-projek penswastaan yang diumumkan di bawah ETP. Ini termasuk tanah Lembaga Getah di Sungai Buloh, di Sungai Besi, Jalan Cochrane, Jalan Stonor.

Ini kerana, permohonan kali ini juga melibatkan peruntukan tambahan RM400 juta untuk kerajaan meneruskan langkah penswastaan pengurusan sisa pepejal negara secara berpusat di Persekutuan. Ini juga suatu yang cukup aneh. Mengapa kali ini kelihatan projek penswastaan itu menjadi beban kepada kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, penambahan yang dipohon ini juga bercanggah dengan beberapa pengumuman yang dibuat oleh Menteri sebelum ini. Saya beri contoh. Yang disebut oleh Menteri iaitu tentang kontrak penyenggaraan dua kapal selam Scorpene yang telah mencecah RM1 bilion setahun ini. Peruntukan asal RM574 juta. Peruntukan tambahan RM474 juta. Perjanjian dengan syarikat besar, beli dua kapal selam, ini kalau 15 tahun, 12 tahun atau lebih, itu sudah jelas. Ia tidak memerlukan peruntukan tambahan melainkan ada kerosakan awal yang juga harus dijawab oleh pembeli, oleh syarikat dan oleh *technical team* yang harus ada *expertise*. Bagaimana dalam selang beberapa bulan peruntukan tambahan menjadi RM474 juta? Saya tidak mahu memperpanjangkan isu itu kerana saya percaya rakan-rakan saya akan kemukakan.

Saya hanya balik kepada apa yang ditekan oleh Menteri soal subsidi yang dikaitkan juga dengan IPP. Belanjawan Tambahan ini melibatkan pembayaran subsidi barangan petroleum RM5.6 bilion dan RM150 juta untuk pembayaran subsidi bagi pengecualian bil elektrik bulanan bagi pengguna RM20 dan ke bawah untuk tahun 2011. Jumlahnya RM5.75 bilion.

Menurut laporan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, daripada Januari hingga Oktober 2011, subsidi untuk petrol, diesel, *liquid petroleum gas* dianggar RM7.4 bilion. Untuk gula RM800 juta. Akan tetapi subsidi gas untuk IPP yang menjadi kontroversi yang disebut oleh Menteri berkenaan tadi, dianggar sehingga RM20 bilion untuk tahun 2010 dan RM22 bilion untuk tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua, kami masih menekankan keperluan meneliti semula perjanjian dan syarat-syarat perjanjian dengan syarikat konsesi IPP ini. Menteri menyebut ini dipolitikkan. Akan tetapi subsidi RM22 bilion kepada syarikat besar harus menjadi suatu isu politik besar kerana ia memberi kesan kepada kehidupan rakyat dan menunjukkan kurang telusnya cara kita memutuskan isu penswastaan ini. TNB pembeli dan IPP pembekal.

Isu ini saya tegaskan – betul, bukan isu baru. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional, UMNO khususnya, menyatakan itu melibatkan keputusan semasa saya menjadi Menteri Kewangan. Benar. Saya hendak maklumkan dan Timbalan Menteri boleh semak dari rekod di Kementerian Kewangan, bahawa bila cadangan IPP ini dikemukakan oleh Unit Perancang Ekonomi – saya tidak mahu ulang apa yang disebut oleh Tan Sri Ani Arope, ‘unit perompakan’, kerana ia tidak harus melibatkan kesemua para pegawai Unit Perancang Ekonomi

yang baik. Akan tetapi oleh kerana marahnya beliau tentang cara keputusan ini buat, maka Tan Sri Ani Arope menulis secara rasmi kepada saya, kepada kerajaan, membantah keputusan itu.

Petronas, Ketua Eksekutifnya pada masa itu Tan Sri Hassan Merican menemui saya meminta kerajaan mengkaji semula kerana ia merugikan Petronas dan merugikan negara. Petronas diminta menjual gas kepada syarikat IPP khususnya YTL dengan harga yang murah dan mereka menjual kepada TNB dengan harga yang mahal. Petronas bantah, TNB bantah. Dikaji oleh Kementerian Kewangan, Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada masa itu, Tan Sri Clifford Herbert dan menasihatkan saya dan saya setuju syarat perjanjian itu tidak adil. Maka saya diminta untuk memanggil satu mesyuarat, dan keputusan kita ialah meminta Unit Perancang Ekonomi mengkaji semula syarat-syarat perjanjian tersebut.

Apa isunya? TNB mengatakan EPU pada ketika itu memaksa mereka untuk bersetuju dengan harga kepada IPP yang ditetapkan oleh EPU. Ia di bantah oleh TNB kerana TNB mengatakan mereka berkeupayaan menjana kuasa elektrik dengan lebih murah dan lebih efisien. Pada masa itu Genting Sanyen 14 sen *per kilowatt hour*, walaupun *offer* pada masa itu hanya 12 sen. IPP lain 16 sen *per kilowatt hour*. Masa itu Genting Sanyen memindahkan 15 *million* watt elektrik ke TNB Nasional Grid dan sebagainya. Ini kenyataan rasmi oleh Pengerusi TNB pada ketika itu Tan Sri Ani Arope. Dengan izin, *"You don't need to go to a fanciful business school to figure out why we need a tariff hike – just revisit the terms given to some IPPs"*.

Oleh sebab itu kita minta ia dilihat. Kalau betul isu ini kontroversi, benarkan Parlimen melihat syarat-syarat perjanjian yang kami anggap tidak adil, yang Petronas anggap tidak adil, TNB anggap tidak adil, Kementerian Kewangan anggap tidak adil yang diputuskan oleh EPU atas arahan Perdana Menteri pada masa itu. Puluhan tahun berlalu, harus ada kesediaan mengkaji semula. Ini kerana mengkaji semula bermakna tarif boleh diturunkan. Beban kepada rakyat boleh diringankan.

Apa kata kenyataan ini lagi? Dengan izin, *"With the take or pay clause, and the 40% excess reserve"*. Ini kita sudah bangkitkan bertahun yang lalu. Rizab elektrik IPP ini di antara yang paling tinggi di dunia. Ya, kalau *reserve*, baguslah.

■1210

Akan tetapi *reserve* ini membebankan TNB dan rakyat. Adalah perlu *reserve* itu sekitar 20% tetapi kita telah mencecah lebih daripada 40%. Apa yang mampu dilakukan oleh kerajaan? Tidak ada apa-apa dan yang ada hanya diulang oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Oh! Ini yang satu keperluan, mana ada, siapa yang sanggup diswastakan kalau tidak ada insentif, dan tidak ada orang pertikai soal insentif.

Kita pun tidak minta batal semua insentif. Akan tetapi kita sebut ya, Tuan Yang di-Pertua kalau RM22 bilion kepada syarikat kaya namanya insentif, RM20 kepada orang miskin namanya subsidi, RM500 juta kepada syarikat Menteri namanya komisen, dan RM100 kepada sarjan

namanya *corruption*. Kita berbalah soal istilah tetapi isu yang dibahaskan di sini ialah substantif sama ada perjanjian itu sah atau wajar diteliti semula.

Apa yang kita minta Tuan Yang di-Pertua, hanyalah kerana isu ini menjadi kontroversi dan membebankan rakyat, memberikan ruang kepada Dewan yang mulia ini untuk melihat dan membahaskan isu konsesi ini. Kalau tidak, kalau Yang Berhormat Kalabakan fikir mahu bawa IPP ke Sabah, saya hendak memberi nasihat kepada sahabat saya, pastikan perjanjian itu diteliti semula. Kalau dibawa perjanjian seperti mana perjanjian IPP yang dibentangkan sekarang ia menjadi beban dan malapetaka kepada rakyat di Sabah kerana kosnya akan meningkat cukup tinggi. Kita puji kerana TNB pada masa itu telah pun dikorporatkan atau diswastakan.

TNB memberikan unjuran keupayaan mereka menjana dengan kos yang jauh lebih rendah. Kalau pun kita tidak setuju mahu swastakan sebahagian, apa salahnya kita berikan ruang kepada TNB menyediakan kelengkapan bersaing dengan syarikat-syarikat ini kerana mereka telah mengesahkan keupayaan mereka untuk menjana dengan kos yang lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu penswastan ini, saya ingin menyentuh berkenaan 1Malaysia Development Berhad yang dilaporkan telah mengeluarkan bon berjumlah RM5 bilion dan akan mengeluarkan RM10 bilion lagi hingga tahun 2013 menjadikan keseluruhan bon yang akan dikeluarkan bernilai RM15 bilion. Yang Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan 1MDB mencatat keuntungan RM425 juta pada tahun pertama operasinya yang berakhir Mac 2010.

Akan tetapi tidak ada butiran selebih daripada itu. Di Malaysia ini walaupun disebut telus tetapi tidak tahu *detail* seperti mana perjanjian kita dengan Australia soal *refugees* yang kita dapat maklumat lebih banyak dari media Australia tidak di sini. Hal yang sama lebih serius kerana bon RM15 bilion ini 1MDB. Akan tetapi apabila disemak penyata kewangan enam bulan pertama 1MDB hingga 30 September 2010, 1MDB mengalami kerugian sebanyak RM158.3 juta dan kos operasinya untuk enam bulan mencecah RM20.5 juta.

Jadi, bagaimana Yang Berhormat Perdana Menteri umum untuk penyata kewangan dan saya ada salinannya daripada KPMG di sini Tuan Yang di-Pertua, disebut kerugian RM158.3 juta. Jadi, kita sangsi apakah ini akibat daripada *paper shuffling* atau pun maklumat yang salah disampaikan untuk membolehkan mereka dapat kelulusan khas Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengeluarkan bon? 1MDB memperoleh keuntungan RM615 juta hasil jualan semula pelaburan yang dibuat tidak sampai lima bulan.

Pelaburan ini melibatkan usaha sama dengan PetroSaudi International Limited dikenali sebagai 1MDB-PetroSaudi Limited dengan pelaburan berjumlah RM3.5 bilion dibayar secara tunai. Ia tidak ada *information* yang jelas. Kita *Google, find out, dan check* dengan teman-teman di Saudi semua ini masalahnya hanya setelah penelitian dibuat. 1MDB menjual semula pelaburannya dalam 1MDB-PetroSaudi International Limited kepada PetroSaudi International Limited dengan harga RM4.1 bilion menyebabkan 1MDB memperoleh keuntungan RM650 juta.

Ini berniaga kelas pertama. Transaksi penjualan pelaburan ini dibuat pada 31 Mac 2010, hari akhir akaun tahunan 1MDB ditutup. Tuan Yang di-Pertua, bayaran secara tunai.

Jadi, Yang Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan harus jelaskan sama ada bayaran RM4.1 bilion dibuat secara ansuran untuk sebelas tahun atau bayaran yang ditangguhkan untuk sebelas tahun atau dalam bentuk lain seperti *convertible loan stock* atau kaedah lain yang diberikan kepada PetroSaudi International Limited. Siapakah dia dan masih lagi diragukan yang ditanya? Persoalannya, apakah jaminan 1MDB akan memperoleh semula wang tunai RM3.5 bilion yang dilaburkan dalam usaha sama 1MDB-PetroSaudi Limited bersama keuntungan yang disebutkan sebentar tadi? Saya mahu rujuk kepada Laporan Audit KPMG ke atas akaun berakhir 31 Mac 2010 dengan izin, *“Evaluation was performed by independent financial advisory firm to support the assessment of the appropriateness of the carrying value of the notes receivable as at 31st March 2010”*.

Now, ini yang *key*. *“This valuation was carried out based on certain sets of assumptions. It should be noted that these assumptions are critical to the result of the assessment”*. Jadi, ini dalam KPMG Report. Isu yang dibangkitkan ialah PetroSaudi dan syarikat-syarikat sekutunya, diperbadankan di Cayman Islands dan British Virgin Islands. Maka, semua rekod kewangan itu oleh yang demikian rahsia yang terselindung. 1MDB PetroSaudi Limited dan PetroSaudi International Limited bukan syarikat operasi minyak seperti mana yang diuar-uarkan. Bukan.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Permatang Pauh, minta penjelasan sedikit.

Dato’ Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tidak juga syarikat yang dimiliki oleh individu atau organisasi atau kerajaan dari Arab Saudi.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin kembali kepada soal perjanjian IPP sebentar tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pauh selepas asakan bertalu-talu daripada Pakatan Rakyat, nampaknya pihak kerajaan mendengar sebahagian daripada pandangan daripada Pakatan Rakyat atau pun mereka membenarkan pandangan daripada asakan daripada Pakatan Rakyat. Maka, saya dapati makmal rasionalisasi telah pun mencadangkan supaya perjanjian IPP ini dikaji semula. Maka, hasil daripada itu nampaknya sudah ada kelonggaran daripada pihak kerajaan untuk mendedahkan sebahagian daripada perjanjian itu sekurang-kurangnya kepada Ahli Parlimen walaupun tidak terbuka kepada rakyat biasa.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh selaku orang yang mempunyai pengalaman tentang perjanjian ini? Sejauh manakah kesediaan kerajaan untuk mengkaji semula dan adakah rahsia-rahsia yang begitu mengganggu dasar-dasar kerajaan sehingga menyebabkan mereka begitu takut untuk mendedahkan perjanjian ini secara umum supaya dikaji oleh masyarakat keseluruhannya? Apakah kesan daripada perjanjian ini? Minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Kita minta pertamanya perjanjian itu diserahkan supaya dapat dinilai. Apa yang mahu dirahsiakan sebenarnya perjanjian IPP?

Keduanya, kita minta apa basis alasan Petronas yang mengemukakan bantahan TNB melalui Pengerusi Eksekutifnya mengemukakan bantahan?

■1220

Kemudian siapa dia pemegang saham IPP ini semua dan siapa yang *nominee* dalam syarikat IPP tertentu. Saya ada maklumat untuk percaya bahawa kepentingan orang-orang tertentu melalui syarikat *nominee* ini termasuk berdaftar di Hong Kong, itu yang menyebabkan syarikat kerajaan dipaksa memutuskan menerima satu perjanjian yang dibantah oleh TNB, Petronas dan Kementerian Kewangan.

Jadi kalau benar kerajaan ini telus, buka balik fail dan rekod Kementerian Kewangan kerana mesyuarat ini memang diadakan, memang saya mempengerusikannya seperti mana Ketua Setiausaha Perbendaharaan mengemukakan hujah-hujah bantahan. Tidak bantahan kepada keputusan penswastaaan IPP, pada prinsipnya kita bersetuju dengan keputusan Perdana Menteri tetapi syarat-syarat dan harga dan tarif itu dibantah. Sebab itu apabila ada pandangan teman-teman yang umpamanya mengkritik TNB, saya tidak bersetuju kerana saya tahu TNB secara rasmi menolak syarat-syarat yang berkenaan. Jadi kita berharap ada kesediaan untuk kerajaan sekurang-kurangnya membuka balik, kalau dikatakan pimpinan sekarang tidak terlibat, apa yang menjadi masalah, kaji semula sahaja, ini syarat perjanjian pun tidak mahu kaji.

Jadi biar saya berbalik kepada Tuan Yang di-Pertua kepada 1MDB dan PetroSaudi ini, bukan syarikat minyak, bukan syarikat Saudi tetapi namanya PetroSaudi. Pengeluaran bon oleh kerajaan, masalah sekarang ini pengeluaran bon 1MDB dijamin oleh kerajaan, wang tunai RM36 bilion dilaburkan di dalam 1MDB *PetroSaudi Limited* dab bayaran jualan balik pelaburan RM41 bilion yang dibayar secara ansuran selama 11 tahun daripada *PetroSaudi International Limited*, jadi patut bentangkan sahajalah untuk maklumat. RM4 bilion, RM3 bilion tidak perlu bentang? Tidak dapat maklumat.

Saya percaya kerajaan dan 1MDB berupaya memperoleh maklumat ini kerana diputuskan secara tunai. Bagaimana satu syarikat yang beroperasi di Cayman Island dan Virgin Island, rekodnya mesti ada. Siapa yang nilai pegawai Kementerian Kewangan bahagian mana ataupun tidak tahulah operasi khas di bawah Menteri Khas di JPM saya tidak tahu tetapi tentunya tidak telus kerana melibatkan dana kerajaan yang besar. Oleh itu saya mengusulkan supaya Jawatankuasa Audit Parlimen dan Jabatan Audit Negara membantu untuk menyiasat transaksi kewangan 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan juga Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa

1MDB salah satu syarikat yang di *cooperate* di Kementerian Kewangan yang mendapat dua tanah yang terbesar di Kuala Lumpur ini iaitu Lapangan Terbang Sungai Besi dan juga 75 ekar tanah kerajaan bekas kuarters iaitu di Jalan Imbi. Kos di Jalan Imbi ini jika satu kaki persegi RM2,000, ia akan berbilion ringgit jika 75 ekar. Sebab satu ekar ialah 45,000 kaki persegi. Ini satu syarikat yang mendapat keuntungan yang besar jika kedua-dua tanah ini diberikan kepada 1MDB, ini tertera satu kenyataan. Saya ingin tahu, adakah kerajaan berhasrat memberikan satu akaun yang lebih terperinci tentang kedua-dua tanah ini yang diberikan kepada 1MDB dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri salah seorang penasihat kepada lembaga penasihat di 1MDB. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya meminta 1MDB ini lebih telus dan kerajaan mengemukakan maklumat yang lebih. Saya merujuk ini di dalam kes PetroSaudi, itu pun telah melibatkan berbilion ringgit. Akan tetapi 1MDB ini juga diberikan tanah Sungai Besi, kita tidak ada maklumat yang lebih terperinci, tanah Sungai Besi ini dikendalikan oleh TUDM selama puluhan tahun, jadi sepatutnya apa-apa pun ini lebih telus mengambil kira juga kedudukan keluarga dan kebajikan bekas tentera.

Ini Jho Low yang diamanahkan, diberi kepercayaan penuh entah dari mana dan untuk kepentingan siapa. Kita hendak tahu siapa secara terperinci tanah ini *prime land* Kuala Lumpur, boleh menjana pertumbuhan projek puluhan bilion ringgit dan diberikan begitu sahaja, di mana dia kepentingan rakyat, kepentingan bekas tentera dan kepentingan beberapa syarikat Amanah Bumiputera yang harus diberikan jaminan supaya masa depan di sini juga terkawal. Apakah jaminan pembangunan tentang perumahan kos sederhana atau rendah untuk rakyat, apakah itu namanya pembangunan diserahkan kepada Jho Low dan 1MDB dan *again* dengan izin, *that in code in secrecy*, saya tidak tahu. Saya tidak pasti sama ada Jemaah Menteri melihat kertas secara terperinci, setakat yang saya faham tidak selain daripada notis mengenai projek begitu sahaja.

Jadi projek ini satu PetroSaudi, keduanya Sungai Besi. Mungkin tanah yang paling besar, paling berharga di Kuala Lumpur diserahkan begitu sahaja tanpa tender dan projek yang ditentukan hanya oleh Jho Low dan Menteri Kewangan. Oleh sebab itu, saya ingin menggesa supaya Parlimen lebih berperanan, Jabatan Audit Negara lebih berani untuk melihat, kerana kalau tidak kita akan menanggung seperti mana PKFZ, Perwaja. Ini merupakan pengalaman-pengalaman lalu kerana akhirnya pegawai akan disalahkan, seperti Perwaja di mana pegawainya disalahkan tetapi kita tahu keputusan ini keputusan atasan, PKFZ begitu juga. Saya tidak berdiri di sini untuk mempertahankan semua pegawai, tentunya ada pegawai yang terlibat di dalam kepentingan-kepentingan yang tertentu tetapi umumnya pegawai menjalankan tugas mereka dan di sini kita meminta mereka diberikan keyakinan supaya mempertahankan profesionalisme dan integriti mereka kerana kita mewarisi satu sistem pentadbiran yang rata-ratanya dan umumnya baik tetapi sekarang seperti mana yang kita lihat Belanjawan Negara, emolumen pun terlepas.

Jadi oleh yang demikian sekali lagi saya ingin menggesa di dalam kes 1MDB ini supaya kerajaan tidak ada pilihan tetapi harus membekukan segala jaminan dan usaha penerbitan bon yang dicadangkan sehingga siasatan menyeluruh dijalankan terhadap perolehan dan transaksi 1MDB. Mana boleh satu kerajaan itu memberikan satu jaminan kepada syarikat yang berdaftar secara rahsia di Cayman Island dan Virgin Island.

Sementara saya di dalam beberapa bulan yang lalu pergi ke beberapa negara dan di dalam beberapa pertemuan, bertanya pengalaman. Setakat yang saya tahu *governments*, kerajaan secara prinsipnya dielak daripada melibatkan diri secara langsung dengan syarikat-syarikat yang operasinya itu di syarikat-syarikat *offshore* seperti ini. Saya percaya pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan arif tentang perkara ini tetapi saya tidak fikir mereka berkeupayaan untuk mempengaruhi keputusan di tahap ini.

Akhir sekali saya sentuh ialah tentang Amanah Raya Berhad, ini pentadbiran harta pusaka, 309696 unit wasiat jumlah Tabung Amanah RM250 bilion mengikut laporan tahunan Amanah Raya Berhad 2009. Ditubuhkan sejak 1921, dikorporatkan 1995, saya ingat benar kerana mengemukakan rang undang-undang tersebut. Saya dimaklumkan dengan bukti nyata bahawa Amanah Raya tidak lagi membayar dividen kepada Wang Pusaka yang dipegang dan dilaburkan oleh Amanah Raya Berhad sejak dua, tiga tahun kebelakangan ini, yang selama ini diberi cara yang kompetitif.

Malah, segala dividen diperoleh dipotong sebagai *acceptable fees* dikorporatkan pada tahun 1995 dengan tujuan melabur wang pusaka amanah rakyat kepada pewaris-pewaris sementara menunggu penyelesaian harta pusaka.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, saya ada bukti-bukti yang khusus yang boleh saya kemukakan sebagai contoh menunjukkan bagaimana wang ini mungkin kerana keperluan mendesak Kementerian Kewangan yang sudah kering kontang sakunya, maka pembahagian kepada rakyat yang berhak itu dapat ditangguhkan. Pada 9 Jun 2011, seorang menerima dua keping cek bernilai RM466,000 dan RM314,000. Cek pertama RM466,000, hasil wang pampasan tanah arwah bapa beliau yang diserahkan oleh Pejabat Tanah Kuala Terengganu kepada Amanah Raya pada 1 Julai 2008. Dividen diagihkan untuk bulan Ogos, September, November, Disember 2008 dan purata RM1,362 sebulan. Semua dividen dipotong sebagai *acceptable fees*. Tidak ada langsung rekod pengagihan dividen untuk tahun 2009, 2010 dan 2011. Kita beri, tidak semena-mena dipotong.

Berdasarkan purata dividen RM1,632 sebulan bermakna dia patut menikmati dividen lebih RM54,000 sehingga akhir Mei 2011, besar untuk penduduk kampung dipotong begitu rupa. Cek kedua, RM314,000 pampasan tanah Pejabat Tanah Kuala Terengganu juga *acceptable fees*. Tidak ada rekod pengagihan dividen untuk bulan-bulan berikutnya November dan Disember 2010 dan Januari hingga Jun 2011.

Ini bertentangan dengan *mission statement* tatkala dibentangkan pada tahun 1995 di Parlimen, apa dia? Kecekapan dan keuntungan sebagai *private trust companies*, amanah yang dipikul. Jadi soalnya, mana perginya dividen yang sepatutnya diagihkan kepada pewaris si mati yang wajar dinikmati hasil pelaburan Amanah Raya, melibatkan RM250 bilion ringgit? Jadi, dengan ini saya pohon penjelasan yang teliti dari kementerian supaya Amanah Raya Berhad ini, amanah pewaris mati pun jangan mengalami nasib sepertimana banyak syarikat-syarikat lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon pertimbangan Menteri dan kementerian untuk memberi penjelasan kerana dasar yang diteruskan ini termasuk IPP, 1MDB dan apa juga slogan yang digunakan akan membebankan rakyat terbanyak. Satu contoh sahaja tentang IPP menunjukkan bagaimana perjanjian yang telus dan bertanggungjawab boleh meringankan beban rakyat dan meringankan kerajaan tetapi contoh ini tidak dipelajari. Maka penswastaan yang sepatutnya memberi pulangan keuntungan kepada kerajaan, jelas kini memberikan beban dan fokusnya itu hanya keuntungan syarikat-syarikat.

Oleh sebab itu sudah sampai ketikanya kita teliti siapa yang sebenarnya yang ditonjolkan nama-nama mereka dan siapa sebenarnya yang memegang *nominee*. Yang Berhormat Kinabatangan harus tahu *nominee* IPP sehingga menyebabkan kerajaan begitu defensif mempertahankan syarikat-syarikat besar orang kaya ini dan sanggup mengetepikan tuntutan rakyat dalam soal ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

12.34 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut berbicara dan membahaskan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan 2011 yang telah dibentangkan sebentar tadi. Saya ingin berbicara dulu soal pokok iaitu pengambilan guru-guru lepasan GSTT yang baru-baru di Sabah seramai lebih kurang 578 orang guru yang telah diberhentikan tetapi kemudiannya kerajaan melalui Menteri Pelajaran sendiri telah memaklumkan bahawa akan mengambil semula guru-guru ini.

Walau bagaimanapun sehingga hari ini, mereka ini tidak dimaklumkan dan tidak ada apa-apa pemberitahuan sama ada bila mereka hendak diambil bekerja semula, bagaimana dan di mana. Jadi mereka tertunggu-tunggu dan ternanti-nanti tetapi tidak ada juga berita-berita yang baik. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran dan kerajaan di mana letaknya kelemahan ini? Mengapa kelewatan ini boleh berlaku sedangkan kita sekarang mengamalkan berbagai-bagai program transformasi yang segera dan cepat tetapi nampaknya tidak ada kesegeraan dalam soal-soal begini?

Jadi, guru-guru dan keluarga mereka meminta saya bertanya kepada kerajaan, bila perkara ini boleh diselesaikan? Jangan kita pandai berkata-kata dan melontarkan sesuatu janji

yang manis tetapi akhirnya mereka merempat, mereka tiada gaji sekarang, tidak boleh bekerja dan menunggu dan terus menunggu. Jadi, saya harap kerajaan dan kementerian boleh mengambil tindakan yang segera dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh guru-guru kerana mereka juga ada anak, isteri dan macam-macam ada tetapi mereka belum dipanggil-panggil langsung untuk berkhidmat semula.

Kedua, saya amat kecewa iaitu baru-baru ini ada pengambilan pelajar-pelajar SPM iaitu dalam Kursus Pengurusan Lulusan Khas Pendalaman dan daripada Kinabatangan 97 orang telah ditemu duga. Apa yang anehnya hanya seorang sahaja yang dapat dan 96 orang lagi tidak dapat. Jadi, saya ingin menyarankan di sini supaya kementerian dan kerajaan mempertimbangkan sebab sekarang ini kita kekurangan guru-guru yang mengajar di luar bandar dan amalan kebiasaan kita menghantar guru-guru daripada Semenanjung untuk bekerja di luar bandar sedangkan guru-guru daripada Sabah juga ada yang berkelayakan tetapi tidak diberi peluang. Jadi, ini saya rasa merupakan satu amalan yang tidak sihat. Jikalau boleh, saya mahu minta cukuplah di mana kementerian hari ini juga cenderung menghantar guru-guru pro-PAS ini ke negeri Sabah. Saya pun tidak tahu apa yang berlaku. Jadi, saya harap perkara sebegini tidak lagilah diamalkan dan kita bolehlah memberi kepada pelajar-pelajar daripada Sabah itu, daripada pendalaman Sabah itu sendiri mengajar sekolah-sekolah pendalaman di Sabah.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri peluang sebab saya banyak perkara-perkara, Dewan pun baru bersidang jadi saya pun hendak berucap sampai pukul empat petang ini kalau boleh Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kita... *[Disampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Asalkan tidak ada kacau, sampai malam saya boleh berucap... *[Ketawa]* Kementerian Pelajaran harus melihat secara fokus. Di Sabah ini masih banyak rumah-rumah guru yang usang, sudahlah usang, kasihan guru-guru bujang macam berada di reban ayam. Jadi, ini harus diberi perhatian, masih ada sekolah-sekolah di bawah kolong, masih ada sekolah kalau kena banjir sedikit sudah tenggelam. Jadi, persoalan ini perlu diselesaikan... *[Disampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya berbicara soal rakyat ramai yang bising Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya buang sesuatu ungkapan tidak bagus, saya kena marah macam-macam. Namun saya cuba bersabarlah, memang berjuang macam itu, banyak cubaannya Tuan Yang di-Pertua.

■1240

Saya mahu minta Kementerian Pelajaran supaya mengambil perhatian khusus dalam masalah-masalah yang sebegini. Di kawasan saya ini pun, masalah sekolah-sekolah, guru-guru

ini tetapi kita dengar peruntukan untuk sekolah bestarilah, *smart school*lah dan macam-macam gila-gila di umum. Jadi saya ingin bertanya, bilakah agaknya pembangunan pelajaran prasarana boleh diseimbangkan kalau pun tidak *par level*, janganlah terlampau tinggi rendah antara luar bandar dan di bandar. Ini kerana mereka ini pun rakyat Malaysia, duduk di luar bandar di Sabah.

Jadi berilah perhatian, berilah mereka satu suasana yang mereka boleh belajar secara harmoni dan secara lebih baik. Ini kerana saya tahu mereka ini bukan golongan yang tidak pintar, tetapi tidak ada kelebihan diberi. Jadi, saya meminta juga kementerian memberi arahan kepada seluruh pegawai-pegawai pelajaran di seluruh Sabah khususnya..., saya fokus Sabah sebab saya dari Sabah supaya pegawai-pegawai ini turun padang. Jangan mereka asyik duduk di pejabat dan mereka tidak tahu apa yang berlaku. Inilah masalah pegawai-pegawai kita di pejabat pendidikan ini, mereka tidak mahu turun padang, melihat apa yang berlaku di sekolah-sekolah. Akhirnya mereka tidak tahu apa yang berlaku di sekolah tersebut. Ramai pula guru-guru sekarang ini, perkara-perkara negatif yang berlaku, mereka bersekongkol, mereka lindungi kerana takut maruah sekolah tercabar dan sebagainya.

Akan tetapi ini bukan caranya, kalau kita ingin menyelesaikan masalah, kita harus berani berhadapan dengan masalah. Saya telah mengemukakan kepada kementerian untuk contohnya di Sekolah Menengah Bukit Garam. Di sekolah menengah ini sudah berpuluh-puluh tahun, dewan untuk berkumpul pun tidak ada dan kantin dia guru besar terpaksa menggunakan kebijaksanaannya, sampai tiga kali *break* untuk orang bergilir minum. Bagaimana kita mahu maju? Bagaimana kita hendak mendidik generasi modal insan kita bersaing dengan pelajar-pelajar yang lain sedangkan kita tidak boleh bersaing dalam gelanggang yang seimbang.

Jadi, ini harus diambil rasa saya diambil langkah oleh kementerian dan kerajaan supaya perkara ini tidak berlarutan sebab kita menuju negara maju dan menuju negara maju ini kita mesti pertama pembangunan wilayah yang seimbang, pembangunan pendidikan yang seimbang, setara, tidak berat sebelah. Di bandar ini memang sudah menjadi lumrah iaitu di bandar segala-galanya mencukupi tetapi janganlah pula kita tinggal-tinggalkan pembangunan pembelajaran di luar-luar bandar sebab mereka juga kehausan dengan pembangunan-pembangunan yang seimbang. Kadang-kadang ada tangki air, tetapi air tidak jalan serta bermacam-macam. Jadi ini harus diberi perhatian yang sewajarnya dan mana-mana pegawai yang saya rasa tidak bertanggungjawab dan tidak mahu turun padang, kalau boleh tukarlah mereka, mungkin mereka tidak ada kesungguhan dalam memegang jawatan mereka...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila. Nampaknya sudah bertukar tempat duduk, mahu jadi presidenkah ini?... *[Ketawa]*

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Dahulu saya di atas tetapi sekarang di bawah, jadi maknanya turun itu... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Kinabatangan, saya hormati. Yang Berhormat Kinabatangan masih macam dahulu yang saya kenal. Saya bangun kerana kebetulan sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran pun ada di sini. Saya tahu beliau adalah antara Timbalan Menteri yang rajin turun padang terutama melawat sekolah-sekolah pedalaman. Kita sedia maklum di dalam Dewan ini berkali-kali diberitahu, daripada 10 ribu sekolah di negara kita Tuan Yang di-Pertua, dua ribu daripadanya kategori sekolah daif. Itulah yang saya percaya, yang disebut serta diungkap permasalahannya oleh rakan saya Yang Berhormat Kinabatangan.

Satu yang terasa kurang diberikan jaminan oleh kementerian ialah setelah dikenal pasti bilangannya, dua ribu sekolah daif dengan tidak ada makmal, tidak ada padang, asrama, kemudahan kantin yang tidak mencukupi, bilik air, bilik darjah serta kerusi meja yang teruk, ini kategori sekolah daif. Kalau sudah diketahui bilangan sekian banyak dan kekurangan dia adalah sekian-sekian, sebenarnya sasaran kementerian ini bila? Bolehkah di maklumkan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, 300 sekolah daif akan diubah menjadi sekolah yang munasabah bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif umpamanya? Kita hendak dengar itu sebagai lambang kesungguhan.

Jika tidak, seperti mana umpamanya Yang Berhormat Kinabatangan bangkitkan, saya tahu ini agak teruk di kawasan Sabah Sarawak. Di kawasan saya itu relatifnya kita tidak temui sekolah-sekolah yang tahap itu. Jadi ini isunya ialah peluang untuk menerima pelajaran yang lebih berkualiti, lebih baik, suasana pembelajaran yang lebih membina yang tahap padang permainannya tidak sama rata. Jadi, apakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju kalau saya katakan bahawa satu daripada barangkali KPI Kementerian Pelajaran harus dimasukkan iaitu sasaran memulihkan sekolah daif daripada jumlah dua ribu sedia ada kepada pengurangannya sebanyak mana. Itu saya minta pandangan. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya dalam soal-soal lain kita tidak berapa setuju, tetapi dalam soal pendidikan ini saya amat bersetuju Yang Berhormat. Kalau boleh mungkin salah satu KPI kementerian ini juga saya bersetuju kalau boleh mengurangkan iaitu bukan lagi mengurangkan malah menasarkannya daripada dua ribu sekolah daif ini yang tidak ada kesempurnaan ini, kalau boleh menjelang 2013 mungkin dikurangkan kepada 50% atau pun 90%. Kalau ini rasa saya ada kesungguhan daripada pihak-pihak yang melaksanakan amanah ini, rasa saya dapat kita realisasikan inspirasi untuk rakyat dan juga pelajar-pelajar di luar bandar boleh menikmati keadaan yang begitu kondusif ataupun begitu meyakinkan mereka untuk meneruskan ilmu pelajaran di peringkat luar bandar. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sebelum saya kepada satu topik iaitu subsidi yang rata-rata di bicarakan di seluruh forum tertentu, kedai kopi, kaki lima, rumah panjang, di jalan raya menjadi topik bicarakan rakyat. Saya ingin meminta Kementerian Kesihatan supaya juga

melihat KPI mereka berhubung dengan kesihatan rakyat sebab kawasan saya ini di Kinabatangan ini banyak kawasan luar bandar. Klinik kesihatan tidak ada. Saya sudah minta banyak kali. Jadi ini kali, seminggu ini saya akan kemukakan lagi permohonan. Tolonglah lihat keperluan ini sebab negara kita ini sekarang ini bermacam-macam wabak penyakit yang menyerang bila-bila masa. Bayangkan bersalin pun hendak ke bandar dengan perjalanan empat hingga lima jam dengan jalan yang tidak baik. Klinik kesihatan diminta berpuluh-puluh tahun tidak ada. Malah di bandar-bandar kita nampak Klinik 1Malaysia tumbuh seperti cendawan.

Saya tidak lihat bahawa rakyat di bandar sahaja yang memerlukan penjagaan kesihatan dan di luar bandar juga memerlukan tahap kesihatan yang baik. Jadi tolonglah, saya tidak marah perwujudan Klinik 1Malaysia di bandar tetapi kenapa di luar bandar dianaktirikan, kenapa tidak dilibatkan sama, dan mengapa mereka tidak diberi tahap kesihatan yang sama? Ini rasa saya satu penganiayaan kepada rakyat dan masyarakat di luar bandar.

Saya juga ingin menyentuh sedikit berhubung dengan Kementerian Luar Bandar sebab walaupun saya tidak nafikan sudah banyak rangkaian jalan raya diwujudkan di Kinabatangan, tetapi masih terdapat lagi lebih 20 kampung yang tidak ada perhubungan jalan raya yang baik. Sehingga hari ini kalau hujan tiga hari, alamatnya satu minggu tidak boleh berhubung dengan kampung yang lain. Kalau ada sakit misalnya bersalin, ada yang mati bersalin di tengah jalan, ada yang tidak sampai hospital sudah mati. Jadi, ini kena diambil perhatian. Saya akan mencadangkan kepada EPU jalan-jalan rangkaian ini dan dimasukkan dalam program RMKe-10. Sebab kalau inilah hasrat kita ingin melihat pembangunan yang seimbang, maka rasa saya harus diberi perhatian yang sewajarnya.

■1250

Saya juga ingin berhujah berhubung dengan Kementerian Dalam Negeri. Apa sebenarnya Bersih hendak bersihkan? Saya tidak nampak ada pembersihan di Bersih ini. Dia sendiri banyak kekotoran. Jadi, saya meminta kerajaan kalau boleh, kalau tidak mahu melihat pertumpahan darah berlaku, maka berhentikan hasrat, niat jahat kumpulan NGO Bersih hendak berarak di jalan raya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pertumpahan darah, mana ada pertumpahan darah? Perhimpunan aman.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua minta...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab kalau dia berarak, di sebelah pihak pun akan berarak, maka akan satu pertembungan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Ini pertumpahan darah ini satu tuduhan yang berat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini saya punya *floor*. Saya belum lagi jahat sekarang ini saya masih relaxlah. *So*, belum ada izin jangan bercakap. Pakai peraturan. Kita ada tamadun, ada istiadat, guna istiadat, tengok guru di hadapan itu, tengok ulama hadapan

itu. Dia tenang, dia tidak panas baran macam Yang Berhormat, jadi tenang. Saya cakap Bersih, Yang Berhormat Bersih kah tidak?... *[Disampuk]* Oh! Kumpulan Bersih. Tengok ini masalah. Tadi berdiri tanpa dipanggil sekarang pula panas hati, so minta maaf jangan bawa panas hati dengan saya. Saya pun panas hati juga.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat yang bertanya saya, saya boleh jawablah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak tanya, duduklah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Kenapa tidak boleh pula dia yang...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah, tidak ada peraturankah, duduklah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak, Yang Berhormat yang bertanya, kita jawablah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak tanya Yang Berhormat. Saya tanya Tuan Yang di-Pertua. Saya tanya Kementerian Dalam Negeri supaya memberi penjelasan kepada saya. Kementerian harus bertindak tegas sebelum perkara-perkara yang buruk boleh berlaku. Saya percaya ada udang di sebalik batu. Saya percaya ada agenda-agenda kotor di sebalik menggelarkan kumpulan mereka Bersih. Dia menyatakan bahawa Bersih bertindak sebab meminta Suruhanjaya Pilihan Raya supaya bertindak lebih adil, lebih bersih. Dia buta mungkin, mereka ini pemimpin-pemimpin buta Tuan Yang di-Pertua. Hati mereka terkunci mati.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan. Tumpukan perbincangan kepada belanjawan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, belanjawan Kementerian Dalam Negeri juga kena menggunakan wang ringgit yang banyak sebab banyak berdemonstrasi di jalan raya. Sedangkan bajet inilah, bajet tambahan inilah terus diadakan sebab ada perkara-perkara sebegini. Jadi, saya meminta kerajaan sebelum berlaku, berhentikan. Berhentikan, jangan ada pula perkara-perkara yang tidak- Negara kita ini negara demokrasi. Kita ada pilihan raya, mungkin bila-bila masa. Jadi, beraksilah dalam pilihan raya.

Apa mahu takut, kenapa hendak huru-hara di jalan raya? Kenapa hendak mengganggu-gugat ketenteraman awam? Orang berniaga tidak boleh, orang hendak berseronok-seronok pun tidak boleh, ketakutan. Sebab dalam demonstrasi itu ada yang ekstrem, ada yang terlampau fanatik, ada yang tidak boleh dikawal, hilang akal dan sebagainya. Saya tidak mahu menuduh siapa-siapa tetapi mesti ada. Jadi, saya harap kementerian memberhentikan gerakan-gerakan Bersih ini daripada konon hendak membersihkan sedangkan diri mereka pun tidak tahu datang dari mana.

Tuan Yang di-Pertua, ini isu yang paling baiklah, rakyat pun ternanti-nanti. Isu subsidi. Dia punya Timbalan Menteri sudah jalan kah? Hari-hari kita berbicara soal subsidi. Memang jelas

subsidi ini ikut *market price* ataupun pasaran antarabangsa. Kalau barang yang kita subsidi itu meningkat, subsidi pun ikut meningkat mendadak. Apabila meningkat, maka kerajaan kena mengeluarkan wang berbilion-bilion untuk tujuan subsidi. Subsidi ini berbagai-bagai jenis. Subsidi pendidikan, subsidi kesihatan, makanan, petrol dan sebagainya.

Saya ingin fokus dengan dua kategori. Saya ingin mencadangkan untuk subsidi pendidikan, pembelajaran dan juga kesihatan kita boleh teruskan. Akan tetapi untuk subsidi makanan, bahan-bahan mentah kalau boleh kerajaan pertimbangkan sebab perkara ini tidak menguntungkan sesebuah negara. Oleh kerana itu, kerajaan harus melihat secara jangka panjang. Saya ingin mencadangkan kalau boleh untuk kita *give and take*, memberi dan menerima iaitu subsidi petrol ini kita berhentikan, subsidi makanan mentah ini kita berhentikan. Kita ganti dengan wang ringgit tunai kepada mereka-mereka yang layak menerima subsidi.

Kalau kita kira dia kena dapat RM2,000 satu keluarga, kita bayarlah wang tunai RM2,000. Kalau RM1,000 purata dapat, maka bayarlah RM1,000. Sebab pada saya subsidi ini membebankan bukan kerajaan sahaja, membebankan negara kita. Negara-negara lain tidak mengamalkan subsidi sebegini. Mereka mengawal tetapi terlalu sedikit. Kita semua subsidi. Rakyat Malaysia ini menjadi rakyat yang subsidi. Inilah pula yang pimpinan PAS hendak terapkan kerajaan kebajikan. Kebajikan macam mana?

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Boleh minta laluan Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini boleh, ini boleh, ini tidak ekstrem.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan menyebut mengenai subsidi. Saya ada yang setuju, ada juga saya memilih untuk tidak bersetuju. Sebab contoh, subsidi yang Yang Berhormat Kinabatangan setuju dan tidak bersetuju itu dinyatakan. Soal kesihatan, pelajaran, saya sependapat. Apa yang Yang Berhormat Kinabatangan tidak sebut ialah subsidi kepada pengeluar tenaga bebas yang menjadi isu kontroversi sekarang. Walau apa pun istilah yang diguna oleh Menteri waktu soal jawab pagi tadi, *pass through mechanism* ke, apa sebagainya. Hakikat yang tidak boleh kita nafikan ialah Petronas menjual gas pada pengeluar tenaga bebas di bawah harga pasaran.

Lebih parah, tidak semua bekalan gas Petronas diperolehi daripada dalam negara. Ada gas yang Petronas beli daripada Natuna, Indonesia pada harga pasaran tetapi perjanjian itu menghendaki Petronas menjual kepada pengeluar tenaga bebas di luar harga pasaran. Itu satu bentuk subsidi. Pendirian Yang Berhormat Kinabatangan sebenarnya subsidi bentuk ini bagaimana?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah gaharu cendana pula, sudah tahu ditanya pula saya. Pendirian saya jelas. Apa sahaja bentuk subsidi yang boleh mengancam ekonomi negara dan rakyat harus kita batalkan dan berhentikan. Macam saya cakap tadi iaitu subsidi minyak petrol. Banyak orang kaya raya bawa kereta besar-besar, ambil petrol murah. Ini

dia bukan perlu subsidi. Saya sudah buat *survey* kalau 100 kereta yang minta hendak ambil minyak Tuan Yang di-Pertua, mungkin 50% ataupun 40% sahaja yang benar-benar memerlukan subsidi. Selainnya tidak perlu. Justeru itu dalam masa yang sama saya juga mencadangkan apabila minyak mentah, bahan mentah ini kita tidak subsidi, makanan kita tidak subsidi. Maka, kerajaan pula kena memikirkan iaitu saya cadangkan iaitu cukai jalan kita mansuhkan, cukai *sparepart* kereta-kereta kita mansuhkan.

Ini untuk memudahkan rakyat. Subsidi ini kita berhentikan, kita cari jalan lain tetapi kita permudahkan pula rakyat iaitu 3,000cc ke bawah kereta kita tidak lagi ambil cukai dia. Kita mansuhkan cukai dia untuk kepentingan kemudahan rakyat itu sendiri, 3,000cc ini kalau boleh memandangkan bas sekolah ini cc dia tinggi-tinggi, maka juga dikecualikan, kecuali kereta yang mewah-mewah yang dimiliki oleh orang yang berada. Kalau ini rasa saya ingin mencadangkan kepada kerajaan cubalah. Saya tidak nampak kerajaan ini banyak ahli fikir, banyak ahli yang bijaksana untuk melihat ekonomi. Akan tetapi mungkin mereka tidak mahu melihat...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Kinabatangan minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Saya tertariklah dengan soal-soal subsidi ini. Ini soal subsidi secara *direct*. Sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa Petronas ini ada subsidi yang *indirect* di mana kontrak-kontrak yang diberi kepada syarikat tertentu seperti Ombak Simfoni Sdn. Bhd. dan MAS juga memberi kepada syarikat tertentu di mana kontrak itu *one sided*. *One sided contract*. Di mana Petronas memberikan peluang mereka untuk dapat keuntungan lebih besar seperti Ombak Simfoni ini dan MAS dari segi *food supply catering*nya. Berpuluh-puluh tahun kontraknya tidak boleh dibatalkan. Sama ada Yang Berhormat setuju dengan kontrak yang sedemikian, *perpetual contract*. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya Yang Berhormat, tidak setuju. Sebab dahulu saya selalu berkata bahawa GLC-GLC ataupun syarikat-syarikat yang diterbitkan oleh kerajaan ini. Jangan mereka juga *create* anak syarikat di bawah mereka. Sebab saya melihat yang mengaut keuntungan, anak-anak syarikat itu, sementara syarikat induk dia rugi. Apabila rugi, kerajaan rugi tetapi mereka yang menjaga anak syarikat itu, *subsidiary company* itu menjadi kaya raya. Memang benar. Kerajaan seharusnya melihat perkara ini secara bijaksana tetapi saya tidak tahulah. Kalau saya komen menteri susah juga, tidak komen, inilah yang berlaku. Tidak ada orang yang memantau, tidak ada orang meninjau apa sebenarnya berlaku di peringkat bawahan. Siapa tipu siapa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya perlu komen Yang Berhormat Kinabatangan, sambung hujah sebelah tengah hari.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat perbincangan dasar cuma kita ada dua hari. Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh telah berucap lebih kurang 45 minit, jadi Yang Berhormat

Kinabatangan sebelah tengah hari 10 minit. Jadi, saya ingatkan kepada Ahli Yang Berhormat yang ingin berhujah, memandangkan saya nampak ramai akan berhujah. Tolong bunga-bunga itu kurangkan sedikit. Hujah politik yang mengundang reaksi negatif dari sebelah juga kurangkan. Tumpukan perbahasan kepada bajet tambahan.

Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat kita tangguhkan hingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan. Panjang lagikah Yang Berhormat? Sila sambung Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung iaitu saya berhenti kalau saya tidak silap iaitu bagaimana GLC-GLC kita dalam negara ini bergerak ke arah membantu memampankan ekonomi negara.

Saya lihat, trend GLC kita iaitu mereka bersaing dengan vendor-vendor kita ataupun usahawan-usahawan bumiputera. Bagaimana bumiputera hendak kita memangkinkan ekonomi merebut peluang kalau GLC itu sendiri mempunyai berpuluh-puluh, beratus-ratus anak syarikat di bawah mereka. Seharusnya mereka tidaklah begitu bersaing secara terbuka. Akan tetapi, inilah sebenarnya kelemahan yang ada pada kita di mana GLC-GLC bersaing secara aktif dengan vendor-vendor ataupun usahawan-usahawan bumiputera. Dengan ini hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan ekonomi bumiputera ini tidak tercapai. Ia terhalang disebabkan oleh keadaan-keadaan sistem yang sedia ada tersebut.

Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan bagaimana syarikat-syarikat dana awam ini seperti MARA, UDA dan sebagainya. UDA dan MARA ini merupakan suatu agensi yang mengembangkan usahawan bumiputera. Akan tetapi, baru-baru ini kita melihat bagaimana telah berlaku situasi yang tidak sihat di antara UDA dengan pengusaha-pengusaha bumiputera iaitu pengusaha-pengusaha bumiputera melabelkan UDA sebagai mengambil keuntungan dan tidak lagi berhasrat untuk membangunkan bumiputera. Ini pada saya merupakan satu perkara yang harus dilihat oleh Kementerian Kewangan secara bijaksana. Ini sebab kita tidak mampu untuk berada dalam keadaan seumpama ini.

Tujuan dan hasrat kita untuk kalau boleh mencari beberapa ramai kontraktor ataupun usahawan bumiputera untuk dibangunkan. Akan tetapi, ini tidak tercapai disebabkan kekangan-kekangan yang sebegini hebat yang diterapkan oleh GLC-GLC ataupun syarikat-syarikat di

bawah perbadanan rakyat ini yang telah mengakibatkan Lembaga Tabung Haji pun begitu apabila ada kontraknya, anak syarikatnya pula yang memonopoli. Jadi tidak ada kesampaian sebenarnya inspirasi dan hasrat kerajaan itu sendiri.

Berbalik kepada subsidi kita, pada saya sudah tiba masanya kerajaan harus melihat secara lebih saksama dan rasional iaitu subsidi ini akan kalau tidak kita *transformkan* secara terbaik ianya akan mengakibatkan negara kita akan berhadapan dengan suatu krisis ekonomi yang berpanjangan. Ini sebab kita semua maklum bahawa pasaran dunia ini tidak menentu. Kadang-kadang ia turun, kadang-kadang ia naik. Akan tetapi, kita terikat dengan komitmen kita iaitu untuk memberi subsidi dan ini telah sinonim kepada rakyat negara ini. Subsidi minyak, beras, makanan, gula dan sebagainya.

Saya terus-terang mengatakan bahawa subsidi-subsidi telah diselewengkan. Minyak kita pergi ke Thailand, Filipina, Indonesia. Beras pun macam itu, gula pun macam itu. Semua, pokoknya semua barang yang disubsidi oleh kerajaan akan mengalir ke tangan orang lain. Minyak petrol, tidak semua orang yang tidak berkemampuan ada kereta. Orang yang banyak kereta ini orang yang ada berkemampuan. Sampai empat, lima buah kereta berjenama mereka pun dapat subsidi. Jadi kalau ini tidak dilihat secara lebih fokus, saya bimbang keadaan seumpama ini akan memberi tekanan ekonomi yang tidak menentu kepada negara kita dan akhirnya kita akan berhadapan dengan satu krisis ekonomi seperti di Greece dan negara-negara yang lain.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, rakan saya iaitu Yang Berhormat Bintulu pun telah menyuarakan persoalan ini pada tiga tahun yang lalu tetapi tidak juga ada perhatian daripada kerajaan. Akhir-akhirnya, kita berhadapan dengan satu krisis yang amat membimbangkan. Ini sebab pada hari ini, apabila kita berbicara soal subsidi, kerajaan berhasrat untuk menarik atau memberhentikan subsidi, ada tukang kipas. Ada pula tukang ceramah di luar-luar sana iaitu mengatakan, "Kalau kami memerintah, harga barang diturunkan". Semua turun. Sedangkan dia cakap ini, cakap bohong! Tidak semua benda ini dia boleh turunkan harganya. Akan tetapi, rakyat sedar pula. Dia punya tukang *spin* ini pula pandai bercakap, fasih memutar-belit, maka berlakulah begini. Ini sebab pada mereka, bohong dahulu, kalau sudah memerintah tidak apalah. Apa jadi, jadilah. Akan tetapi, kita mahu begini.

Kita rakyat harus kita rasionalkan iaitu harga barang ini tidak boleh dikawal oleh mana-mana pihak termasuk kerajaan sebab barang-barang ini adalah berfaktakan harga pasaran semasa. Tidak boleh senang-lenang bahawa kalau kami memerintah, maka harga barang kita turunkan. Kalau kami memerintah, macam-macam dia janji. Semua kesamaan diberikan kepada semua kaum. Ini janji pilihan raya, ini janji bohong. Soalnya kerajaan sekarang berhadapan dengan fakta, berhadapan dengan realiti iaitu harga barang ini tidak boleh disubsidikan untuk selama-lamanya. Saya cadangkan iaitu supaya kerajaan kalau boleh subsidi untuk minyak, makan dan sebagainya kecuali pendidikan dan kesihatan dimansuhkan. Kalau boleh diberilah

mereka-mereka yang layak menerima subsidi ini dengan wang tunai dengan dikiralah kerajaan carilah pendekatan yang baik supaya mereka dapat menerima subsidi ini secara langsung.

■1440

Isu terakhir Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ini rakyat Malaysia berasal daripada Sabah. Kita juga sedar bahawa Sabah dan Sarawak memasuki kemerdekaan melalui Malaysia melalui perjanjian lebih kurang 20 perkara termasuk imigrasi ataupun *immigration*. Kalau saya dari Kuala Lumpur balik ke Sabah, saya seolah-olah baru balik dari luar negara, ditanya kad pengenalan, ditanya passport. Apakah kita ini berada di dalam dua negara ataupun kita negara Malaysia satu negara? Jadi saya tidak menyentuh soal Sarawak tetapi untuk Sabah, pasal saya sudah tiba masanya untuk kita merealisasikan hubungan satu negara. Saya cadangkan penggunaan passport, pemeriksaan kad pengenalan di semua terminal di Malaysia ini kalau boleh dimansuhkan iaitu kita realisasikan negara kita ini satu negara, Sabah pun di bawah Malaysia iaitu negara yang sama.

Jangan kita seolah-olah berada dalam dua negara yang berbeza tetapi realitinya kita duduk dalam satu bumbung, satu pemerintah dan juga satu ketuanan. Ini pada saya harus dilihat secara lebih bijaksana oleh kementerian yang bertanggungjawab berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah iaitu untuk kita merealisasikan kalau boleh hubungan di antara negeri-negeri ini dipertingkatkan, barulah kita boleh melihat bahawa format 1Malaysia itu sebenarnya dapat kita realisasikan untuk memastikan bahawa kita benar-benar mengamalkan satu sistem satu negara dan kita mewujudkan keharmonian kaum, juga melebarkan perpaduan di antara bangsa-bangsa yang lain dengan masyarakat-masyarakat yang lain.

Dengan ini pada saya, tidak ada ruginya rakyat negara ini apabila kita berada dalam satu pengurusan yang lebih cekap, lebih bijaksana dan dalam masa yang sama juga Tuan Yang di-Pertua saya juga meminta kerajaan supaya menilai ataupun *value added* di mana agensi-agensi yang lemah, di mana agensi-agensi kerajaan yang tidak melaksanakan amanah dan tanggungjawab.

Saya selalu menerima kritikan negara ini seolah-olah diperintah oleh pegawai-pegawai kakitangan kerajaan dan bukannya diperintah oleh pemerintah. Seharusnya kita harus rasional sama-sama. Negara ini dibentuk oleh orang politik, oleh ahli-ahli politik. Setelah membentuk kerajaan pemerintah, maka *delegate power* kepada agensi-agensi, kepada pegawai-pegawai kakitangan kerajaan untuk mereka laksanakan amanah tersebut. Jangan pula mereka mendakwa bahawa kerajaan ini kerajaan mereka sehingga itu apa juga bentuk pembangunan semua terbengkalai.

Hasrat murni kerajaan untuk mewujudkan pembangunan, projek masyarakat untuk rakyat memakan masa yang begitu lama. Saya terlalu hairan kenapa agensi-agensi pelaksana ini begitu lembap menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Saya tidak nampak kenapa begini boleh berlaku kalau kita sama-sama ada kesedaran, kita sama-sama memperakui bahawa kita ini harus ada kerjasama antara orang-orang kerajaan, orang-orang politik dan

kakitangan awam untuk melihat bagaimana pembangunan negara dan rakyat itu dapat kita realisasikan dalam satu suasana yang paling baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang banyak dan saya harap kerajaan dan agensi-agensi yang terlibat dapat mengambil kira apa yang saya sentuh dan saya lontarkan untuk kepentingan rakyat dan negara ini, dan kita ingin melihat negara kita maju ke hadapan seperti negara-negara yang lain dalam usaha kita untuk merealisasikan Wawasan 2020 negara kita menjadi negara maju. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

2.44 ptg.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi kesempatan kepada saya untuk turut membahaskan belanjawan tambahan untuk tahun 2011. Saya juga seperti khususnya Ketua Pembangkang tadi, juga turut agak merasa kecewa dengan corak dan pengurusan pembentangan bajet yang telah pun kita buat sehingga menyebabkan perkara-perkara yang sepatutnya dimasukkan di dalam Belanjawan 2011, tetapi akhirnya kita terlepas pandang ataupun kerana kelemahan pengurusan kita, terpaksa kita mohon masuk ke dalam belanjawan tambahan.

Contoh seperti yang telah disebutkan tadi dan saya hendak tambah bahawa berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri umpamanya Persidangan LID yang sedang berlaku di Putrajaya, kita mohon ini di bawah Kementerian Luar Negeri sedangkan persidangan itu telah pun kita tahu sejak sekian lama, bukan kita baru tahu sebulan dua yang lalu sehingga kita terpaksa memohon belanjawan tambahan.

Begitu juga dengan pembayaran elaun untuk JKK dan JKKP dan sebagainya yang telah pun kita umumkan dalam belanjawan yang lalu, dan sepatutnya sudah pun kita menyediakan satu peruntukan yang baik untuk menguruskan perbelanjaan kita. Jadi sepatutnya kalau kita lihat di dalam belanjawan yang lalu, kita sepatutnya boleh membuat pengukuran dan penilaian tentang beberapa bentuk penambahan pendapatan yang perlu kita lonjakan untuk memastikan supaya defisit kita itu tidaklah terlalu besar, tetapi sekarang ini macam saya katakan bahawa ini menunjukkan defisit kita akan makin meluas, kerana kita menambahkan perbelanjaan kita kepada RM13 bilion tanpa ada satu penambahan sumber pendapatan yang baru ataupun yang kita lonjakan daripada sumber-sumber pendapatan yang sedia ada. Jadi ini satu kelemahan yang agak ketara.

Keduanya ialah bagi saya bahawa pengurusan ini juga penting untuk dilihat bagaimana kita menguruskan pegawai-pegawai yang ada di bawah kerajaan, di bawah kementerian-kementerian ini. Saya hendak *direct* kepada *point* yang saya hendak sebut di sini. Kita membelanjakan wang yang agak besar dalam Kementerian Kerja Raya, tetapi saya lihat bahawa

ada masalah di Kementerian Kerja Raya yang saya tidak tahu di mana kesilapan ataupun masalah yang besar ini sehingga pada saya wujud dua Ketua Pengarah Kementerian Kerja Raya.

Yang Berhormat Stampin senyum kerana saya percaya Yang Berhormat Stampin tahu bahawa ini masalah yang berlaku dalam Kementerian Kerja Raya, yang saya kira tidak sepatutnya walaupun Ketua Setiausaha Negara telah mengumumkan bahawa Ketua Pengarah Kerja Raya Dato' Sri Profesor Ir. Dr. Judin Abdul Karim ditukar kepada CEO CIDB.

Itu pengumuman yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Negara, tetapi sebaliknya apa yang berlaku hari ini Dr. Judin masih berada di biliknya di Kementerian Kerja Raya dan Ketua Pengarah yang baru juga telah dilantik iaitu Datuk Mohd Noor kalau tidak silap saya berada di biliknya dan beliau adalah merupakan Timbalan Ketua Pengarah sebelum ini dinaikkan pangkat untuk menjadi Ketua Pengarah.

Saya tidak tahu apa masalah yang sedang berlaku sehingga kita tidak dapat membuat satu penyelesaian. Saya tidak tahu apakah ini juga menggambarkan kelemahan Ketua Setiausaha Negara yang telah pun disambung untuk satu tahun lagi kalau tidak silap saya, sebab bagi saya bahawa kalau beliau membuat pengumuman tetapi akhirnya pengumuman yang beliau buat itu tidak dapat dilaksanakan secara yang sebaiknya, ini menunjukkan bahawa ada masalah yang menunjukkan bahawa Ketua Setiausaha Negara sendiri tidak membuat penelitian yang rapi di dalam hendak membuat sesuatu perubahan terhadap kedudukan pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Jadi saya katakan bahawa ini suatu yang sangat malang kepada kita semua dan sepatutnya Kementerian Kerja Raya yang harus menumpukan kepada pemantauan, pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kesepuluh ini tetapi sekarang ini berhadapan dengan kemelut-kemelut ini sehingga dalam mesyuarat tertentu, bahawa menteri sendiri memperakui bahawa seolah-olah wujud dua ketua pengarah di dalam satu kementerian, di dalam satu bumbung. Jadi saya hendak tahu, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan kenapa harus ini berlaku dan sehingga saya difahamkan bahawa seolah-olah macam wujud dua kumpulan, dua kem dalam Kementerian Kerja Raya.

■1450

Ada kakitangan yang menyokong ketua pengarah yang lama, ada kakitangan yang memihak kepada ketua pengarah baru. Saya juga mendapat sedikit latar belakang bahawa kedua-dua ini orang baik. Saya tidak mahu kedua-dua orang baik ini menjadi mangsa kepada kebuasan politik orang lain. Jadi akhirnya, saya bimbang dan takut nanti bahawa bukan sahaja kedua-dua ini menjadi mangsa tetapi kakitangan seluruhnya akan diadu-domba untuk kepentingan politik orang-orang tertentu. Jadi bagi saya bahawa kerajaan harus memperjelaskan kenapa ini harus berlaku dan kenapa bekas ketua pengarah yang saya katakan masih berada di bilik dia lagi dan saya difahamkan mesyuarat-mesyuarat *Post Cabinet* pun dia masih hadir,

walaupun selepas dimaklumkan bahawa berlaku pertukaran tetapi mesyuarat-mesyuarat *Post Cabinet* dia masih hadir.

Jadi saya hendak tahu bahawa kenapa dia hendak ditukar? Itu satu soalan. Apa kesalahan dia, apa jenayah yang dia lakukan? Saya katakan bahawa saya sendiri melihat banyak perubahan yang telah dia lakukan, walaupun beliau sebelum ini bukan daripada akar umbi Kementerian Kerja Raya. Beliau dari luar tetapi beliau mampu untuk membuat perubahan-perubahan tertentu yang menunjukkan bahawa ini menunjukkan untuk meningkatkan prestasi kepada pengurusan Kementerian Kerja Raya itu sendiri. Ataupun adakah dia juga menjadi mangsa kepada persoalan-persoalan pelaksanaan dalam kes-kes pembinaan projek-projek tertentu termasuk kepada projek Istana Negara?

Jadi saya hendak minta penjelasan dan saya bersedia untuk berhujah selebihnya dalam isu ini kerana saya merasakan bahawa tidak seharusnya berlaku dalam keadaan sedemikian rupa. Sehingga sekarang beliau tidak menerima tawaran yang diberikan kepada beliau sebagai CEO kepada CIDB dan beliau masih lagi ada di biliknya di Kementerian Kerja Raya dan saya katakan bahawa saya hendak tahu apakah masalahnya, apakah tawaran itu silap? Tidak mengikut prosedur, atau tidak mengikut peraturan? Tidak mengikut proses yang sepatutnya dilakukan? Jika ini dilakukan, ini bermakna bagi saya bahawa Ketua Setiausaha Negara perlu dipersoalkan. Saya juga hendak tahu bahawa kalau ada kelemahan itu dilakukan oleh Ketua Setiausaha Negara, saya hendak tanya bahawa kenapa Ketua Setiausaha Negara tahu bahawa proses itu tidak betul tetapi kenapa dia buat juga? Adakah ini kerana Ketua Setiausaha Negara menjadi orang suruhan kepada kepentingan politik pihak tertentu dalam Kementerian Kerja Raya?

Saya tidak mahu nanti orang melihat..., sebab memang Kementerian Kerja Raya ini lubuk emas. Daripada dahulu lagi ia menjadi lubuk emas. Ramai orang yang hendak tempat itu sebab tempat ini menjadi peluang untuk hendak *kautim* dengan kontraktor dan sebagainya. Semua menjadi sasaran orang. Jadi sebab itu saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan khususnya daripada pihak Kementerian Kerja Raya untuk memperjelaskan persoalan ini. Ini kerana saya bimbang, takut nanti peruntukan tambahan sekian banyak kita peruntukkan, dan juga peruntukan yang telah pun kita buat di dalam bajet yang lalu, tidak dapat hendak diuruskan dengan baik kerana berlaku kemelut ini, kemelut dalaman yang disalah-uruskan kerana kepentingan politik pihak-pihak tertentu.

Ketiga yang saya hendak sebutkan di sini juga ialah berkaitan dengan soal pengurusan perbelanjaan. Saya katakan tadi bahawa Belanjawan Tambahan ini menambahkan lagi defisit negara kita menjadi lebih banyak. Jadi saya hendak katakan bahawa, sepatutnya kerajaan harus mencari jalan bagaimana kita hendak mengurangkan defisit negara, defisit kerajaan, defisit dalam belanjawan kita sendiri.

Seharusnya kita berfikir begitu, tetapi saya lihat bahawa kerajaan masih lagi tidak melihat bahawa ada keperluan-keperluan yang boleh Kerajaan Pusat bekerjasama dengan kerajaan negeri walaupun kerajaan negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat. Akan tetapi oleh kerana ego politik yang sangat tinggi, keangkuhan politik yang sangat tinggi yang menyebabkan ada perkara-perkara yang kita tidak dapat hendak bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat. Saya kata ini satu benda yang malanglah.

Sepatutnya, kalau dahulu umpamanya boleh dikatakan semua pelaksanaan projek pembangunan persekutuan dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah kerajaan negeri, tetapi bila negeri-negeri diperintah oleh Pakatan Rakyat, maka berlaku perubahan-perubahan tertentu yang diambil alih oleh agensi di bawah Kerajaan Pusat, sehingga Kerajaan Pusat terpaksa melantik tokoh-tokoh politik untuk jadi seperti Ahli Parlimen, jadi seperti penyelia DUN, jadi seperti penyelia Parlimen, diberikan elaun dan sebagainya. Inilah yang menyebabkan penambahan perbelanjaan kerajaan yang menyumbang kepada defisit kepada bajet kita.

Begitu juga kalau dahulu kenapa Kerajaan Pusat boleh bekerjasama dengan kerajaan negeri menggunakan jentera kerajaan negeri termasuk JKK, tetapi kenapa hari ini tidak boleh menggunakan JKK yang ada di peringkat negeri? Akan tetapi sebaliknya, kerajaan melantik JKK di peringkat pusat ataupun JKPP dan kemudian kita bagi elaun lagi. Jadi ini antara yang menyumbang sedangkan sepatutnya bagi saya bahawa kita sudah boleh untuk mengurangkan perbelanjaan kita dan mengurangkan defisit kepada negara. Jadi sebab itu akhirnya bila berlaku defisit Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa memanggil konsultan dari luar negara untuk membantu kerajaan bagaimana hendak mengatasi masalah defisit negara. Kita panggil konsultan-konsultan yang saya tidak ingat namanya yang telah diumumkan sebelum ini, beratus juta kita bayar kepada konsultan dari luar negara untuk hendak beritahu kepada kita sehingga menubuhkan Makmal Rasionalisasi yang tidak rasional.

Kita tubuhkan Makmal Rasionalisasi untuk hendak rasionalisasi subsidi, tetapi rasionalisasi subsidi itu telah jadi tidak rasional, kerana apa? Kerana tindakan kerajaan sendiri yang tidak efisien, tidak cekap yang sepatutnya kita tidak mengurangkan subsidi yang diberikan kepada rakyat tetapi kita mengurangkan perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak diperlukan seperti mana yang saya sebutkan tadi dalam kerjasama antara agensi pusat dengan agensi kerajaan negeri walaupun diperintah oleh Pakatan Rakyat. Jadi, sebab itu saya lihat bahawa ini menjadi satu beban kepada negara kita yang menyebabkan defisit kita makin meluas.

Jadi sebab itu saya hendak tanya bahawa dengan perbelanjaan RM13 bilion ini, apakah lonjakkan pendapatan yang boleh dibuat oleh kerajaan untuk menampung perbelanjaan RM13 bilion ini? Ataupun seperti yang saya katakan tadi, bahawa kita telah dengan sendirinya akan menyebabkan berlakunya defisit yang semakin melebar. Jadi apakah sumber pendapatan selain daripada perbelanjaan RM13 bilion yang telah pun kita tunjukkan? Di manakah sumber-sumber pendapatan yang boleh menampung perbelanjaan RM13 bilion ini? Ini kerana kerajaan tidak

menyatakan apakah hasil pendapatan yang boleh dilakukan untuk menampung perbelanjaan RM13 bilion itu sendiri.

Jadi sebab itu saya mohon kepada kerajaan untuk melihat persoalan ini. Saya katakan tidak ada kewajaran untuk hendak rasionalisasi subsidi dalam keadaan kita tidak lakukan sesuatu untuk melakukan proses pembaikan kepada pengurusan dan pentadbiran serta perbelanjaan dan pengutipan hasil cukai ataupun hasil pendapatan yang patut dilakukan oleh pihak kerajaan. Jadi sebab itu saya melihat bahawa kerajaan mungkin boleh mengatasi masalah defisit ini, tetapi hakikatnya seperti yang saya pernah sebut sebelum ini, kerajaan sebenarnya memindahkan defisit belanjawan negara kita kepada defisit rakyat. Kerajaan tidak mahu menanggung defisit itu, akhirnya dipindahkan kepada rakyat. Rakyatlah yang defisit sekarang ini, sebab pendapatan rakyat termasuk pendapatan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan tidak bertambah tetapi perbelanjaan kita bertambah dengan apabila kerajaan mengurangkan subsidi yang menyebabkan berlakulah kenaikan harga barangan-barangan yang menjadi keperluan kepada kehidupan kita ini.

Jadi sepatutnya bagi saya, kerajaan yang bijak, pemimpin yang bijak ialah mereka yang mengenal pasti apakah sumber pendapatan yang masih boleh dilonjakkan untuk membuat penambahan. Umpamanya Lembaga Hasil Dalam Negeri, berapa ramai tokoh-tokoh korporat yang lari daripada cukai? Ini yang sepatutnya dikejar oleh kerajaan, oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menambah pendapatan hasil dalam negeri, bukan mengambil daripada poket rakyat. Yang dah ada dalam poket rakyat hari ini kita ambil untuk mengatasi masalah keengganan orang-orang tertentu yang bayar cukai bagi kepentingan negara kita. Jadi sebab itu bagi saya bahawa ini yang harus dilihat oleh pihak kerajaan sendiri, sebab mengenal pasti apakah hasil..., kastam di manakah yang menyebabkan mereka boleh lari daripada cukai.

■1500

Sepatutnya kita harus ada lonjakan, penambahan pendapatan. Keduanya ialah mengenal pasti sumber-sumber pendapatan baru. Kerajaan tidak serius untuk melihat apakah sumber-sumber baru. Kita hanya bergantung kepada sumber-sumber lama. Kita bergantung kepada hasil sumbangan daripada Petronas. Separuh daripada perbelanjaan negara kita ini bergantung kepada hasil yang disumbangkan oleh Petronas. Saya katakan ini sebagai suatu yang sangat-sangat malang.

Umpamanya contoh saya hendak ulang sekali lagi kerana berkaitan dengan AP kereta, AP kenderaan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan sebelum ini. Ini kerana saya melihat bahawa ini kita lepas tidak ada hasil kita bagi AP kepada mereka ini, tetapi kita tidak dapat, tetapi ada orang yang kaya. Saya telah difahamkan bahawa daripada 98 syarikat pemegang AP, hanya 19 syarikat yang betul-betul meniaga kereta. Kita katakan AP ini hendak bantu bumiputera terlibat dalam industri automotif. Ini tujuannya untuk membantu bumiputera ya. Saya bersetuju untuk

membantu bumiputera tetapi persoalannya kita membantu bumiputera yang betul-betul *genuine* ataupun tidak yang melaksanakan perniagaan kereta.

Saya ada dokumen 98 syarikat pemegang AP terbuka, bukan AP francais, AP terbuka yang diaudit dalam tahun 2008 sebanyak 19 syarikat sampai sekarang. Cuma sekarang ini arahan pekeliling yang dikeluarkan oleh kementerian supaya orang yang berniaga kereta ini dia kena letak nama syarikat pemegang AP di kedai kereta dia. Hendak tunjuk itulah perniagaan yang dilaksanakan oleh pemegang AP padahal pemegang AP duduk di rumah, yang melaksanakan perniagaan ialah orang lain walaupun yang meniaga kereta itu bukan bumiputera tetapi diletakkan nama syarikat pemegang AP yang terdiri daripada bumiputera tetapi hakikatnya itu bukan syarikat yang dimiliki oleh pemegang-pemegang AP. Ini yang banyak berlaku. Ini kerana saya difahamkan bahawa daripada 98 syarikat ini 19 sahaja syarikat.

Memang mereka saya kenal, sebahagian mereka itu adalah kawan-kawan. Memang mereka ini *genuine* dari segi melaksanakan *business*. Mereka adalah di kalangan bumiputera yang sangat amanah yang sangat bertanggungjawab. Akan tetapi pada persoalannya bagi saya bahawa kenapa kita tidak buka AP itu secara yang lebih meluas kepada orang yang betul-betul berniaga kereta. Kenapa kita beri kepada orang yang tidak berniaga kereta? Mereka hanya berniaga kertas sekeping kertas. Setahun kerajaan mengeluarkan 15,000 AP, Tuan Yang di-Pertua, 15,000 AP setahun kerajaan keluar kepada 98 syarikat pemegang-pemegang AP ini. Bagi yang meniaga kereta tidak apalah dia meniaga kereta. Bagi yang tidak meniaga kereta dia akan menawarkan mana-mana syarikat meniaga kereta yang tidak ada AP untuk membolehkan membawa masuk kereta daripada luar. Satu AP dijual dengan harga RM40,000, satu AP. Kalau satu syarikat itu dapat 2,000 AP setahun, berapa Yang Berhormat Lipis, kali RM40,000?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Hendak tanya yang Pokok Sena dapat berapa AP?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tidak dapat AP.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Marah kerana tidak dapat agaknya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, bukan masalah saya tidak dapat, masalahnya sepatutnya saya dapat kereta yang lebih murah. Pegawai-pegawai kerajaan dapat kereta yang lebih murah sepatutnya. Akan tetapi mereka terpaksa bayar kereta yang lebih mahal kerana hendak bayar AP RM40,000 kepada syarikat pemegang AP yang meniaga kereta. Dia meniaga kertas bukan meniaga air liur, bukan meniaga kertas air liur dan juga kertas. Sebanyak RM40,000 sebab itu bagi saya bahawa sepatutnya ialah kerajaan memberikan AP kepada syarikat yang betul-betul *genuine* untuk melaksanakan perniagaan kereta.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Pokok Sena, saya mendengar hujah Yang Berhormat Pokok Sena. Dengan siapa kononnya yang dapat AP ini, cuba Yang Berhormat Pokok Sena jelaskan siapa? Mungkin Yang Berhormat Putatan yang dapat AP. Saya minta penjelasan, siapa, syarikat mana yang mendapat AP ini?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tidak sebut nama sesiapa di sini yang mendapat AP, macam mana Yang Berhormat Putatan boleh terasa pula?... [Ketawa] Saya tidak hendak sebutlah. Maknanya kerajaan tahu, yang penting saya sebut bahawa daripada 98 pemegang AP itu hanya 19 sahaja yang betul-betul meniaga kereta.

Manakala yang lainnya hanya mereka menjual sekeping kertas dengan nilai RM40,000. Jadi sebab itu bagi saya bahawa kenapa kerajaan tidak memberikan kepada orang yang betul-betul meniaga kereta? Sehingga ada orang yang betul-betul meniaga kereta dia akan bagi tahu kepada saya dia pernah pergi kepada MITI, dia minta kepada MITI dia hendak AP dia sanggup bayar satu AP RM40,000. MITI kata tidak boleh bagi sebab AP hanya boleh diberi kepada 98 syarikat itu, tidak boleh bagi kepada orang lain. Kalau kamu hendak AP kamu kena bayar kepada orang yang dapat AP. Hendak bagi duit kepada kerajaan, kepada MITI, MITI tidak mahu terima. Ini bermakna bahawa kita kehilangan satu sumber hasil yang sangat besar. Malah bagi saya, saya percaya bahawa syarikat-syarikat yang mengendali, yang menjual kereta ini mereka boleh bersetuju kalau MITI letakkan syarat, kena RM5,000 satu AP untuk bayar kepada kerajaan, kepada MITI. Saya percaya mereka ini bersedia daripada mereka membayar RM40,000 kepada orang yang tidak meniaga kereta.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkan orang itu dia tidak meniaga kereta dia dapat AP dia kena jual RM40,000. Contoh saya meniaga kereta saya kena bayar kepada pemegang AP itu RM40,000. Saya ada *show room*, saya ada *sales man* saya, saya ada kerani saya, saya ada sedikit *workshop*, ada petugas, maknanya saya menanggung beban untuk kos pengurusan syarikat perniagaan kereta. Akan tetapi bagi orang yang pemegang AP dia tidak ada apa, dia mungkin ada dua, tiga orang kerani sahaja, tetapi dia boleh dapat RM40,000.

Bayangkan kalau 2,000 AP setahun dia dapat kali RM40,000 berapa? RM800,000 juta. Jangan kata RM800 juta, RM8 juta pun besar. Kalau dapat RM800,000 juta kepada pegawai-pegawai kerajaan, jenuh belanja. Tambah belanja kalau duduk Pokok Sena. Duduk sebelah kawasan Tuan Yang di-Pertua apa sangat RM800 juta hendak belanja Tuan Yang di-Pertua? Jenuh. Kalau hendak kahwin jenuh kahwinlah.

Jadi saya hendak katakan bahawa daripada 15,000 AP ini kali RM40,000 bermakna bahawa satu tahun antara RM600 juta ke RM800 juta mereka ini individu yang saya katakan bahawa yang tidak meniaga kereta ini mereka buat kekayaan. Sedangkan rakyat tidak dapat apa. Oleh sebab itu kalau saya tanya bahawa kalau kereta Wish 2006 1.8cc. Kos kereta masa di ambil di Jepun kereta *recon*, hanya RM41,250 campur AP RM40,000 duti RM20,000 lagi kemudian baiki sedikit-sedikit RM5,000 mereka jual di sini dengan harga maknanya harga dia sudah sampai RM117 ribu.

Jadi sepatutnya bagi saya bahawa, kalau tanpa ini, kalau AP ini terus dapat kepada penjual kereta, saya percaya bahawa mereka boleh menyumbang untuk mengurangkan harga kereta. Paling tidak RM20,000 harga kereta boleh dikurangkan. Ini bermakna harga kereta boleh

dikurangkan sebanyak RM20,000. Bermakna bahawa dasar pelaksanaan AP ini hendak membantu bumiputera akhirnya semua orang dapat merasai sama. Akan tetapi hari ini kerajaan tidak dapat duit, negara tidak dapat duit, pengguna pun tidak dapat duit. Akan tetapi sebaliknya kerajaan, kementerian, MITI tolong melindungi mereka ini hanya meletakkan syarat supaya peniaga kereta dia kena letakkan nama siapa dia pemegang AP di *sign board* syarikat dia.

Jadi bagi saya bahawa kerajaan menggalakkan untuk pemegang AP ini menipu. Maknanya kerajaan memberikan kepada pemegang-pemegang AP ini yang sepatutnya syaratnya mereka kena ada *show room* tetapi mereka tidak ada *show room*, sebaliknya mereka hanya '*shoru*'. Jadi saya minta bahawa kerajaan harus mengkaji supaya benar-benar orang-orang yang diberikan AP itu ialah mereka yang terdiri daripada yang betul-betul *genuine* untuk membuat perniagaan.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyebut berkaitan dengan satu perkara yang sangat mustahak kepada kita semua khususnya bagi penyimpan-penyimpan di Tabung Haji sebab penyimpan-penyimpan di Tabung Haji, sebab kerajaan juga bertanggungjawab termasuk juga Kementerian Kewangan dan juga JPM bertanggungjawab terhadap pengurusan dan perjalanan Tabung Haji sendiri.

■1510

Saya lihat bahawa ada masalah-masalah yang tertentu yang boleh menjejaskan masa depan Tabung Haji dan sekali gus kesannya ialah kepada penyimpan-penyimpan di Tabung Haji yang majoritinya ialah terdiri daripada orang Islam. Tabung Haji sebagai satu institusi untuk menjana sebagai dana kewangan untuk ekonomi umat Islam ini sepatutnya dipelihara dengan baik dan diuruskan secara sebaik-baiknya *insya-Allah*. Itu yang kita harapkan.

Isu dia ialah berkaitan dengan pembelian Tabung Haji atas Platinum Park apa nama yang dibeli daripada TTDI Development Sdn. Bhd. dan telah pun menandatangani perjanjian pembelian sebuah bangunan pejabat 38 tingkat yang akan dibina, belum ada lagi yang akan dibina di Platinum Park, Jalan Stonor, Kuala Lumpur pada tahun 2009 dengan harga RM466 juta berdasarkan kepada keluasan lantai yang boleh disewa 360,000 kaki persegi dengan harga RM1,298 kaki persegi.

Jadi, isu dia yang saya hendak persoalkan di sini yang saya minta pihak kerajaan harus memberikan penjelasan ialah satu yang perlu diperjelaskan kerana ada timbul kecurigaan dalam proses tawar-menawar dan jual beli ini. Sebab saya lihat bahawa TTDI yang diwakili oleh pengarah urusannya, ialah Dato' Johan sebab TTDI ini dia penjual dia juga kontraktor. Kita jual dan kita bina untuk Tabung Haji di mana pengarah ini sendiri adalah menjadi lembaga pengarah bebas kepada dua anak syarikat Tabung Haji. Dia menjadi lembaga pengarah bebas kepada dua anak syarikat Tabung Haji iaitu TH Properties Sdn. Bhd. dan TH Technologies Sdn. Bhd. Dia sebagai pengarah urusan TTDI, dia juga duduk di dalam dua anak syarikat sebagai lembaga pengarah bebas.

Jadi, TTDI jual dia sebagai pengarah TTDI pengurusan TTDI ini, jual bangunan ini dan menjadi kontraktor untuk membina bangunan untuk Tabung Haji dengan harga RM466 juta tadi. Jadi, saya lihat bahawa menimbulkan kecurigaan dari segi ketelusan *conflict of interest* di mana dengan adanya pengarah urusan tadi yang boleh mempengaruhi keputusan yang saya katakan sedikit sebanyak tadi pasti ada dalam konteks mempengaruhi keputusan di dalam pembelian bangunan itu oleh Tabung Haji dan pembinaannya oleh TTDI. TTDI ini semua orang tahu bahawa adalah syarikat yang dimiliki oleh Kumpulan NAZA.

Ini persoalan yang perlu dijawab sebab saya bimbang bahawa saya takut nanti bahawa ini menunjukkan bahawa amalan-amalan yang tidak ada ketelusan dan tidak ada ketulusan. Telus dan tulus tidak ada. Kita hendak telus dan kita hendak tulus, kerana tulus datang daripada hati keikhlasan dan kejujuran dan telus itu mesti dilihat oleh semua orang khususnya kepada penyimpan-penyimpan di dalam Tabung Haji.

Memandangkan Tabung Haji telah membeli bangunan itu secara pukal, lantas mempunyai kapasiti dan hak untuk melantik kontraktornya sendiri satu persoalan lagi kenapa Tabung Haji tidak memberi tanggungjawab membina bangunan itu kepada anak syarikatnya iaitu TH Properties Sdn. Bhd. dan juga TH Technologies Sdn. Bhd. Kita beli secara pukal Tuan Yang di-Pertua, makna sepatutnya kita yang bina kita yang menentukan siapa pembinaan. Kenapa tidak boleh diberi kepada anak syarikat Tabung Haji yang terlibat di dalam industri pembinaan dan sebagainya ataupun sebagai kontraktor utama? Dua anak syarikat yang saya sebutkan tadi bahawa TH Properties dan juga TH Technologies jadi kenapa memberikan hak kepada TTDI?

Jadi, ini yang saya katakan tadi bahawa kenapa diberi kepada TTDI sedangkan TTDI, pengarah urusannya adalah Dato' Johan dan dia juga adalah lembaga pengarah kepada dua anak syarikat Tabung Haji, kenapa dia tidak menggunakan pengaruh dia untuk memastikan supaya diberikan kepada anak syarikat Tabung Haji tetapi diberikan kepada syarikat lain daripada anak syarikat Tabung Haji.

Jadi ini satu yang harus dilakukan. Jika kepakaran menjadi isu kenapa TH Technologies yang kini sedang membina Menara Wakaf di Jalan Perak telah menyiapkan juga beberapa projek lain seperti Balai Polis di USJ Subang tidak boleh dilantik menjadi kontraktor utama? Maknanya bagi saya bahawa isu dari segi kepakaran tidak timbul kerana saya difahamkan bahawa TH Technologies juga telah pun berjaya membina projek-projek yang lain.

Jadi yang ketiganya yang ingin saya persoalkan Tuan Yang di-Pertua harga pasarannya ialah RM1,300 kaki persegi tetapi persoalan yang ingin saya timbulkan di sini adakah terdapat pengesahan bebas daripada penilai hartanah bertauliah yang bebas berkenaan dengan harga pasaran dan apakah nasihat penilai hartanah bebas ini telah dibentangkan kepada lembaga pengarah untuk makluman mereka apatah lagi terdapat *conflict of interest* dalam urusan niaga ini seperti mana yang saya telah sebutkan tadi. Ini sangat mustahak bagi saya begitu juga beberapa kecurigaan yang lain, walaupun pembelian bangunan ini dibeli secara pukal tetapi pembayaran

harga belian tidak berdasarkan kepada kemajuan projek yang diperaku, sebaliknya sepatutnya dia mesti berasaskan kepada kemajuan projek yang diperakui oleh pihak-pihak yang tertentu.

Sebaliknya Tabung Haji membayar kepada TTDI berasaskan kepada bermulanya projek bagi setiap peringkat yang boleh diklasifikasikan sebagai bayaran pendahuluan (*advance payment*). Ini turut dinyatakan di dalam kertas saya difahamkan telah pun dinyatakan di dalam kertas lembaga pengarah tetapi tidak diperbincangkan sebagai isu utama yang menjadi suatu di luar norma bentuk pembayaran sesuatu kontrak projek iaitu pembayaran hanya dibuat setelah kemajuan projek diperakui oleh arkitek yang dilantik oleh pembeli. Sepatutnya dia mesti dibayar selepas daripada perakuan yang dibuat oleh arkitek yang dilantik oleh pembeli bukan diperaku oleh syarikat yang menjual dan juga syarikat yang membina.

Dalam perjanjian jual beli dengan TTDI, secara jelas menyatakan TTDI tidak tertakluk kepada memulakan atau menyiapkan kerja seperti mana Jadual 8 dalam *schedule of work* selagi kerja itu tidak merupakan asas kepada pembinaan bangunan. Juga Tabung Haji hendaklah membayar tuntutan kemajuan tanpa *set off* berdasarkan kepada kemajuan projek. Ini menunjukkan bahawa, dalam perjanjian jual beli juga menyatakan setiap tuntutan pembayaran akan disokong oleh sijil akuan oleh arkitek TTDI dan sijil ini adalah bukti kemajuan kerja. Agen pengawasan bagi TH boleh mengesahkan sijil tersebut tetapi pengesahan daripada agen pengawasan TH tidak boleh dijadikan syarat tuntutan bayaran.

Jadi maknanya syarat tuntutan pembayaran ini hanya boleh disahkan oleh agen yang dilantik oleh kontraktor utama dan bukan oleh pembeli. Ini perjanjian yang dibuat, sebab itu saya katakan bahawa satu perjanjian yang dibuat yang menunjukkan bahawa ada unsur-unsur keraguan yang sangat mencurigakan yang menyebabkan bahawa wang penyimpan-penyimpan tabung haji ini sangat dibimbangi atau menyebabkan berlaku unsur-unsur penyelewengan yang sangat ketara. Bagi saya bahawa mana pernah berlaku bahawa syarikat kontraktor utama sendiri yang arkitek yang dilantik itu akan membuat pengesahan untuk menunjukkan bahawa memang berlaku resit kemajuan projek untuk dibuatkan pembayaran. Sedangkan ianya mestilah arkitek yang dilantik oleh tuan punya permohonan sebelum tuan punya bangunan itu untuk membayar kepada...

Jadi, persoalan-persoalan yang mencurigakan siapakah sebenarnya empunya bangunan pejabat ini. TTDI atau Tabung Haji? Siapakah yang telah bersetuju dengan struktur pembayaran dan syarat-syarat perjanjian jual beli yang berat sebelah yang telah memihak kepada TTDI. Pemaju sedangkan empunya adalah Tabung Haji. Adakah terdapat pengaruh dari dalam yang memungkinkan syarat-syarat ini dapat dilaksanakan berat sebelah tanpa pengetahuan ahli lembaga pengarah?

■1520

Jadi, saya hendak minta penjelasan dan adakah ahli panel pelaburan mahupun lembaga pengarah mengetahui struktur bentuk pembayaran ini dan juga syarat-syarat perjanjian yang

berat sebelah ini? Walaupun dinyatakan dalam kertas lembaga pengarah ianya tidak dibincangkan secara terperinci dan tulus berkenaan dengan kesannya pembayaran berdasarkan kepada bermula kerja kepada Tabung Haji, yang mana ini merupakan di luar daripada norma-norma kontrak projek.

Adakah terdapat ulasan-ulasan daripada penasihat undang-undang yang berkaitan dengan klausa yang terdapat di dalam perjanjian itu telah pun diperolehi oleh Lembaga Pengarah Tabung Haji? Kenapa Tabung Haji perlu membuat pembayaran berdasarkan kepada bermula kerja, bukannya setelah kerja-kerja yang berasaskan kepada kemajuan-kemajuan projek? Jadi, saya minta satu penjelasan yang jelas daripada pihak kerajaan untuk melihat perkara ini sebagai suatu yang sangat penting kerana bagi saya bahawa ia adalah suatu yang berkaitan dengan kepentingan kepada pemilik atau penyimpan dalam Tabung Haji.

Satu perkara yang sangat mustahak untuk kita tegaskan dan memastikan supaya penyimpan-penyimpan Tabung Haji itu tidak dikhianati. Orang miskin, orang kampung, sudahlah subsidi dikurangkan, harga barang pula naik, kemudian duit yang disimpan untuk pergi ke Mekah pun dikhianati oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Yang Berhormat Lipis jangan dok kenyih ya. Ramai orang Lipis itu simpan dalam Tabung Haji, dia dok mai kenyih di Parlimen ini. Tidak boleh dok kenyih-kenyih lagu tu. Ha! Bangkit.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Pokok Sena, bukan kenyih tetapi menengok Yang Berhormat Pokok Sena bercakap, betul atau tidak saya pun tidak tahu. Itu sebab saya menengok. Kadang-kadang seronok, jadi saya sengih menengok cara bercakap itu yang tidak tahu betul atau tidak apa yang dikatakan itu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya, kalau benda yang tidak betul saya tidak bercakap. Saya bukan macam UMNO. UMNO ni benda yang tidak betul pun dia cakap. *Utusan Malaysia* duk meroyan di... lebih teruk daripada orang perempuan baru lepas beranak. Tidak beranak pun dia meroyan! Ini UMNO, macam Yang Berhormat itulah.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Itu tuduhan jahat. Ha! Kena tarik balik.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tidak kata pun Yang Berhormat tuduh jahat kepada saya tetapi saya hendak tunjuk contoh bahawa mericaunya UMNO ini, Allah Tuhan mengetahui. Mericaui sungguh!... *[Ketawa]*

Saya bukan bercakap kosong Yang Berhormat. Saya bukan bercakap kosong. Kita tidak buat fitnah Yang Berhormat sebab itu saya tidak tuduh. Saya kata ada kecurigaan yang saya mohon kepada penjelasan kerana saya hendak selamatkan supaya wang penyimpan Tabung Haji ini tidak dikhianati kerana kepentingan-kepentingan yang tertentu. Kita tidak mahu nanti Tabung Haji pula menjadi lubuk emas dan akhirnya kita yang menjadi mangsa. Orang-orang Yang Berhormat pun akan marah kepada Yang Berhormat. Kata apa hang pi dok sana, pi dok kenyih sahaja. Tidak sokong Yang Berhormat Pokok Sena bercakap langsung tetapi soal pula dia. Ini nanti saya bagi tahu pada orang-orang Lipis itu... *[Ketawa]*

Keempatnya, ialah berkaitan dengan projek membaik pulih dan menaik taraf Bangunan Parlimen Malaysia yang telah pun dipersetujui oleh Kabinet secara empat fasa. Akan tetapi saya masih belum mendapat satu jawapan yang jelas daripada Kementerian Kerja Raya kerana dikatakan bahawa ia dibuat berasaskan kepada AP55 iaitu berkaitan dengan maknanya kerja-kerja darurat.

Saya tidak melihat bahawa di manakah darurat bangunan serba guna yang kita hendak ubahsuai itu tetapi oleh kerana projek itu sedang berjalan tetapi bagi saya bahawa pentafsiran kepada AP55 itu satu pentafsiran yang saya anggap tidak betul, yang menyebabkan kita memberikan projek itu tanpa tender terbuka kepada syarikat yang dapat mengendalikan projek pangkalan kapal selam di Sabah. Syarikat itu juga yang membuat rumah yang dianugerahkan oleh kerajaan kepada bekas Perdana Menteri daripada Kepala Batas dengan harga RM11 juta. Pencen Perdana Menteri, dapat rumah RM11 juta. Pegawai kerajaan pencen dok bayar hutang, *loan* rumah tetapi Perdana Menteri pencen, rumah RM11 juta di lebuhraya Mahameru. Kita keluar daripada Parlimen ini boleh pergi tengok. Syarikat TRC yang buat ubahsuai bangunan serba guna yang akan menjadi tempat persidangan pada bulan Oktober nanti. Itulah syarikat yang diberikan.

Jadi, saya sangat tidak gembira kerana ia membabitkan kos yang melebihi daripada RM24 juta tetapi isunya ialah anggaran bajet RM24 juta itu dan harga akhirnya adalah tertakluk kepada harga yang akan dimajukan oleh TRC. Kenapa kerajaan tidak *detail* kan sebelum daripada menyerahkan projek? Okey tidak apalah sudah beri, tidak buat *open tender* tetapi sudah beri melalui rundingan terus. Jadi, sepatutnya kerajaan mesti buat secara spesifik. Okey, ini dia harga yang sebenarnya tetapi apa yang berlaku sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, ini soal kepentingan kita semua, Ahli-ahli Parlimen dan juga seluruh rakyat sebab duit ini duit rakyat. Kita yang duduk di sini tidak boleh meluluskan ikut suka mereka belanja sehingga sepertimana disebut sebelum ini, Menteri yang menjaga Parlimen pun tidak tahu. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua pun tidak tahu. Bila saya sebut perkara ini barulah JKR datang beri taklimat kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada satu jawatankuasa khas tetapi saya tidak sempat hadir sebab pada masa itu saya tiada di sini.

Jadi, bagi saya tidak wajar sebab sepatutnya kerajaan harus memutuskan berapa harga. Tidak mungkin kita tidak boleh kira berapa harga untuk hendak ubah suai. Kita letak RM24 juta atau RM28 juta tetapi akhirnya, harga yang sebenarnya adalah tertakluk kepada harga yang akan dimajukan oleh TRC kerana di bawah AP55 tidak ada harga yang ditetapkan walaupun senarai kuantitinya. Jadi, bagi saya inilah kesilapan kita. Kita menggunakan AP55, satu benda yang salah. Kemudian kita buat pula projek kepada perkara yang tidak menentu berapa harga yang sebenarnya, berapa kos yang sebenarnya. Jadi, kita hendak kena bayar harga yang lebih.

Oleh sebab itu saya mohon Menteri khususnya kerana Menteri pernah berkata JKR pilih TRC kerana mendapat anugerah kontraktor terbaik JKR dalam kategori projek melebihi RM100

juta tahun 2009. Jadi, tidak mungkin kerana ia mendapat anugerah maka kita beri kepada dia sedangkan ramai lagi kontraktor lain yang mendapat anugerah. Banyak pertandingan-pertandingan yang diumumkan sebelum ini yang dibuat oleh Kementerian Kerja Raya. Banyak kontraktor-kontraktor lain juga mendapat anugerah sebagai kontraktor terbaik. Jadi, tidak mungkin kita beri kepadanya sepatutnya bagi saya bahawa kita kumpul semua kontraktor terbaik dan kita buat tender. Maknanya kita akan mendapat yang terbaik sebab semua di kalangan mereka adalah kontraktor yang terbaik. Sepatutnya kita *open tender*. Kita panggil sepuluh kontraktor yang mendapat anugerah sebagai kontraktor terbaik daripada Kementerian Kerja Raya – *open tender*. Ini bermakna bahawa *sure* kita akan dapat satu kontraktor yang terbaik kerana di kalangan sepuluh itu adalah mereka yang terbaik.

Jadi, kita terus pilih kita kata bahawa dia yang layak, dalam keadaan penggunaan AP55 itu sangat dipersoalkan. Oleh sebab itu saya mempersoalkan perkara ini yang perlu diperjelaskan oleh pihak kerajaan kerana ia membabitkan kos kewangan yang tinggi kerana selepas ini saya tidak tahu. Ini kerana ia ada banyak fasa iaitu fasa 1, fasa 2 dan fasa 3, apakah kita akan bagi juga kepada TRC untuk buat bangunan baru dan sebagainya? Adakah kita hendak beri juga kepada TRC sedangkan fasa 2 dan fasa 3 adalah fasa-fasa yang seterusnya, yang akan membabitkan kos yang sangat besar. Ini kerana kos keseluruhan naik taraf Parlimen adalah hampir RM500 juta.

Saya difahamkan kos keseluruhan naik taraf Parlimen ini untuk di *upgrade* kan melibatkan hampir RM500 juta. Jadi, walaupun TRC menjalankan kerja siang dan malam menyiapkan projek tetapi saya lihat bahawa ada perkara-perkara yang perlu dipantau secara yang serius bukan sahaja oleh pihak JKR. Akan tetapi saya lihat bahawa saya mencadangkan supaya satu jawatankuasa khas Parlimen yang membabitkan daripada pelbagai kepakaran untuk dibentuk supaya kita semua dapat membuat lawatan untuk melihat dan memantau projek tersebut untuk memastikan supaya semua yang dibuat itu memenuhi spesifikasi selain daripada JKR sendiri.

■1530

Itu harapan saya dan saya lihat untuk akan datang ini bagi saya bahawa satu jawatankuasa khas Parlimen yang mesti menentukan kontraktor mana melalui *open tender* untuk fasa dua dan tiga bukan diserahkan kepada JKR, tetapi satu jawatankuasa khas.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Minta laluan Yang Berhormat Pokok Sena. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

Yang Berhormat telah membangkitkan soal penganugerahan terus seperti yang diberi kepada projek Parlimen sementara kita yang sedang berlangsung sekarang ini. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat boleh atau tidak kita cadangkan kepada pihak kerajaan kalau kontraktor yang mempamerkan mutu kerja dan yang cemerlang dalam peringkat *excellent*

dengan izin Tuan Yang di-Pertua, boleh atau tidak kita jadikan ini sebagai satu standard bahawa kontraktor-kontraktor lain juga berhak mendapat benda yang sama.

Tidak perlu dibawa kepada tender kerana ini kita boleh menjamin bahawa kontraktor-kontraktor akan lebih melahirkan mutu kerja yang lebih berkualiti. Pada masa-masa yang akan datang, mereka akan lebih bersaing supaya kita dapat melahirkan bentuk bangunan yang lebih berkualiti dan tahan. Tidak seperti yang berlaku sekarang keruntuhan di sana-sini akibat tidak ada kawalan yang lebih menyeluruh. *Standard operating procedure* misalnya yang perlu diberi perhatian yang lebih jelas oleh pihak kerajaan. Pandangan Yang Berhormat Pokok Sena berhubung perkara ini.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu harus diteliti secara yang lebih mendalam. Ini kerana kita tidak mahu nanti bahawa akan wujudnya nanti adalah mereka yang ada hubungan yang rapat sahaja yang akan dipanggil untuk diberikan peluang. Jadi sebab itu, bagi saya mekanisme open tender itu satu yang terbaik dan saya percaya bahawa sudah tentu kita boleh menetapkan orang yang sudah dapat tidak boleh masuk open tender kepada satu-satu projek yang baru. Maknanya orang itu tidak akan dapat. Mestilah orang lain akan dapat. Kemudian orang itu akan terkeluar daripada senarai kerana kita hendak beri peluang kepada semua orang. Akan tetapi, syaratnya mesti pemilihan dibuat secara yang telus kerana untuk kita mendapat satu harga yang terbaik untuk kepentingan negara juga satu hasil kualiti yang lebih baik pada masa yang akan datang ini.

Jadi, sebab itu bagi saya bahawa ini satu yang harus dilihat oleh kerajaan bahawa satu kepentingan kepada kita semua dan saya mengharapkan sangat kepada pihak kerajaan memberikan penjelasan secara telus dan tulus, secara jujur. Kita tidak mahu hanya bercakap soal ketelusan tetapi kita hanya bercakap di bibir, tetapi kita tidak ada satu kejujuran. Apa yang penting hari ini ialah politik baru Malaysia memerlukan kepada politik jujur, kepada *green politic* yang akhirnya masyarakat dan rakyat akan mendapat kebaikan dan kesejahteraan dan tuhan akan mencintai kita.

Wabillahitaufik. Wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jasin.

3.33 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat. Saya sudah lihat orang berdiri Yang Berhormat. Kita hanya ada hari ini. Esok Menteri sudah menjawab mungkin peringkat akhir petang. Jadi saya minta Yang Berhormat bercakap 30 minit sahaja. Sila Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba ringkas-ringkaskan. Pertamanya, sebab-sebab kita memohon untuk Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini yang pertamanya tentang perubahan skop program akibat daripada perubahan dasar yang mungkin telah diluluskan oleh Kabinet misalnya untuk meningkatkan taraf pendidikan.

Keduanya, pelaksanaan dasar ataupun program baru yang telah diluluskan oleh Kabinet terlebih dahulu misalnya untuk pelaksanaan inisiatif NKA. Ketiganya, untuk merangsang ekonomi negara secara dalaman dan mengaktifkan gerakan pusingan ekonomi bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang. Keempatnya, untuk meringankan beban-beban rakyat terutamanya golongan mudah yang terjejas terutamanya petani dan juga penternak atau nelayan dan seterusnya untuk membantu sektor swasta menghadapi apa juga krisis.

Dalam konteks ini, sejumlah wang sebanyak RM13.18 bilion telah dibelanjakan kali ini bagi tujuan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama tahun 2011. Bajet asal tahun 2011 adalah sebanyak RM213.98 bilion iaitu yang terdiri daripada mengurus sebanyak RM162.8 bilion ataupun 76% yang merupakan bekalan dan juga tanggungan masing-masing sebanyak 60% dan juga 16% daripada angka mengurus. Kita menjangka anggaran defisit pada tahun 2011 adalah sebanyak 5.4%.

Nampaknya perbelanjaan mengurus tambahan pertama tahun 2011 didominasi oleh perbelanjaan bekalan. Setelah saya menyatakan sebab-sebab untuk kita membawa peruntukan tambahan ini, maka dengan jelas saya menyokong peruntukan tambahan ini adalah semata-mata ianya cukup munasabah terutama untuk membantu golongan-golongan bawahan para petani dan juga pegawai kerajaan yang perlu mendapatkan hak gaji mereka. Akan tetapi dalam pada itu, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah sebenarnya kesan kepada kewangan kerajaan dan apakah impaknya ke atas defisit kita yang sedia ada sebanyak 5.4% itu. Keduanya, apakah pula usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membendung defisit tersebut agar kedudukan kewangan kita akan sentiasa berada dalam keadaan yang mantap.

Kita dapat saksikan hampir separuh daripada jumlah perbelanjaan tambahan sebanyak 46% dikhususkan kepada perbendaharaan am negara iaitu sebanyak RM6 bilion yang menjurus kepada isu penyelarasan subsidi barangan-barangan petrol dan keduanya Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mendominasi tempat kedua dan ketiga dengan pertambahan perbelanjaan sebanyak RM1.54 bilion dan juga RM1.38 bilion.

Saya terus kepada butiran seterusnya. Saya terus kepada Butiran 050000 - Kenaikan Elaun Imam. Saya sangat memuji langkah kerajaan untuk menaikkan elaun imam dan juga insentif-insentif lain termasuk elaun-elaun guru-guru takmir dalam usaha kita untuk mempertingkatkan imej institusi masjid yang menjadi lambang kemegahan umat Islam serta untuk mendidik anak-anak kita supaya dapat mengikuti pengajian al-Quran dan juga hukum-hakam. Ini sekali gus dapat menangkis tohmahan pembangkang bahawa kerajaan kita sebenarnya begitu peka sekali tentang kesucian agama Islam.

Peruntukan sebanyak RM3 juta bagi pembangunan sistem e-Syariah. Kita mendengar banyak rungutan kelewatan kes dibacakan di hadapan hakim ataupun majistret dan diharap dengan bantuan tambahan ini sistem e-Syariah dapat dipercepatkan.

Peruntukan sebanyak RM2 juta bagi operasi Ops Piramid terbukti ianya berjaya di sebalik dakwaan setengah-setengah pihak yang tidak bertanggungjawab kononnya program ini merugikan. Saya ingin memuji kakitangan kedutaan, pihak imigresen, kastam, penerbangan MAS, AirAsia dan yang bekerja keras membawa pulang pelajar-pelajar kita dalam masa yang cukup singkat. Saya juga tidak lupa untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang sama-sama membantu.

Peruntukan sebanyak RM5 juta untuk Pulau Sipadan sebagai destinasi popular terutama di kalangan rakyat asing dalam aktiviti-aktiviti skuba dan juga aneka kehidupan laut. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah sebenarnya langkah untuk memastikan supaya Pulau Sipadan ini benar-benar selamat kepada semua pengunjung. Keduanya, apakah langkah kementerian untuk memastikan supaya semua pulau yang di bawah jajahan takluk Kerajaan Malaysia sentiasa diberikan kawalan terutamanya pada mutakhir ini banyak negara lain yang sedang rancak untuk sama-sama mengambil bahagian.

Maksud B.11 – Perkhidmatan Perbendaharaan Am. Peruntukan sebanyak RM6 bilion ataupun hampir 46% daripada keseluruhan perbelanjaan tambahan. Ianya bagi tujuan menampung tuntutan subsidi barangan petroleum tahun 2011 sebanyak RM5.6 bilion.

■1540

Subsidi ialah bantuan kewangan yang disalurkan oleh kerajaan supaya akhirnya kebajikan isi rumah dan juga pengeluar dapat dimaksimumkan apabila wujud keperluan untuk berbuat demikian. Jadi, sebenarnya saya ingin menarik perhatian banyak perkara yang telah ditimbulkan oleh beberapa pembahas tadi terutamanya adakah subsidi ini termasuk insentif yang diberikan kepada IPP. Bagi saya, gas yang dibekalkan oleh Petronas melalui paip yang disalurkan terus kepada IPP. Semua bil gas ini dibayar oleh pihak TNB. Jadi, di manakah sebenarnya tanggungan kerajaan kerana bayaran gas ini telah dibuat oleh TNB bagi pihak IPP dan tidak menjejaskan wang daripada pihak kerajaan walaupun sebenarnya TNB menjual pada angka yang lebih murah daripada harga pasaran yakni ia hanya terjadi sebagai *opportunity lost*, tidak menjejaskan kantung kerajaan. Akan tetapi dari manakah sebenarnya input subsidi kepada IPP ini ditimbulkan? Itu saya ingin membuat soalan.

Walaupun kerajaan telah menetapkan had untuk subsidi minyak, saya menyokong sebarang usaha dan langkah kerajaan untuk menyelaraskan semula semua skim subsidi bagi memastikan ia lebih fokus kepada sektor-sektor yang perlu kita berikan keutamaan terutama sektor pembangunan luar bandar, program Rumah Pertamaku, isu pembinaan sekolah baru serta kemudahan kesihatan yang perlu diberikan perhatian serius. Kerajaan tidak selamanya dapat bertahan dengan subsidi minyak pada rakyat. Satu hari nanti, subsidi bakal diselaraskan dan

seharusnya kita sendiri patut mengubah cara hidup kita secara berjimat cermat dalam berbelanja. Adalah disarankan supaya pihak kerajaan pula perlu memikirkan sumber tenaga alternatif seperti apa yang dilakukan oleh banyak negara lain terutamanya negara Korea yang pada ketika ini dikatakan mengenakan tarif yang cukup rendah kerana mereka menggunakan sumber daripada nuklear.

Seterusnya, saya pergi kepada wang sejumlah RM150 juta untuk menampung pembayaran subsidi bagi pengecualian bil elektrik bulanan bagi penggunaan bawah RM20 bagi tahun 2011. Di sebalik pengumuman kerajaan baru-baru ini, jelas rakyat biasa berasa cukup lega kerana kenaikan tarf elektrik yang diumumkan baru-baru ini tidak membabitkan 75% pengguna domestik yang kebanyakannya adalah golongan berpendapatan rendah. Jelas ianya menunjukkan sikap kerajaan yang prihatin terhadap kesulitan kebanyakan rakyat yang kini terpaksa menjalani kehidupan dengan kos sara hidup yang cukup tinggi. Pada masa yang sama, saya turut menggesa agar kerajaan sentiasa memantau pihak industri yang suka menaikkan harga barangan dan perkhidmatan sewenang-wenangnya dengan alasan tarif elektrik telah dinaikkan.

RM100 juta untuk dana jaminan pembeli rumah kali pertama ku. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bagaimanakah sebenarnya status perancangan ini yang di bawah kawal selia SPNB. Kita mahu mendapat maklum tentang lokasi yang dikenal pasti dan apakah sebenarnya syarat-syarat yang boleh kita berikan kelayakan. Saya berharap lokasinya adalah tidak melampaui daripada kawasan sekitar 15 kilometer daripada Bandaraya Kuala Lumpur supaya memudahkan kakitangan kerajaan ataupun mereka-mereka yang membeli rumah untuk berulang alik ke tempat kerja. Seterusnya, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengambil alih mana-mana projek perumahan yang terbengkalai supaya ianya dapat terus dimajukan.

Seterusnya, saya pergi kepada Maksud B.20, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Butiran 081000 – skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) yang berjumlah sebanyak RM700 juta sehingga Disember 2011. Sebagai sebuah negara yang terbesar mengeluarkan minyak kelapa sawit di dunia, tidak seharusnya kita berlaku kekurangan bekalan di pasaran yang sebenarnya sangat meresahkan terutamanya suri-suri rumah. Subsidi kerajaan ini sepatutnya dibayar kepada kilang-kilang penapis yang menjual RBD, *palm olein* ataupun minyak masak kepada syarikat yang membungkus minyak masak. Contohnya, kalau harga *olein* pada ketika ini RM3,600 satu tan ditolak dengan RM1,700, iaitu satu angka yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian, kali dengan berapa tan yang telah dikeluarkan, itulah wang yang dibayar kepada pengilang-pengilang yang mengeluarkan minyak sawit. Minyak sawit ini dijual untuk pasaran tempatan, untuk hanya kegunaan isi rumah sahaja dan bukan untuk industri dan juga perniagaan.

Jadi, soalan saya, apakah sebenarnya mekanisme yang digunakan bagi memastikan tiada ketirisan di antara pihak pengilang-pengilang yang mengeluarkan *palm oil olein* ini, minyak sawit dan seterusnya kepada pembungkus-pembungkus minyak ini. Kita mahu kalau boleh minyak masak ini benar-benar sampai di pasaran untuk tujuan isi rumah sahaja. Keduanya, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji tanda aras yang ditetapkan sebanyak RM1,700 yang telah diberi sebagai skim subsidi kepada pengilang-pengilang.

Maksud B.23, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini yang mendominasi kedudukan ketiga dalam pertambahan perbelanjaan sebanyak RM1.38 bilion. Perbelanjaan majoritinya yang menyentuh isu subsidi beras ST15 seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak oleh syarikat BERNAS. Saya ingin menyentuh kerana seperti yang dilaporkan skim SUBUR yang pada satu ketikanya diperkenalkan bagi memperuntukkan subsidi beras ST15 kepada pengilang yang berjumlah hampir lebih kurang RM60 juta sebulan. Dilaporkan lagi, penghapusan subsidi ini bertujuan bakal menjimatkan wang kerajaan sebanyak RM60 juta sebulan dan mengelakkan mereka yang tidak layak menikmatinya. Setelah hampir satu tahun, masih lagi skim SUBUR ini tidak dapat dilaksanakan. Jadi, saya mohon penjelasan daripada kementerian sama ada skim ini akan dapat diteruskan, kalau tidak, kita mestilah membuat satu pengumuman supaya Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Parlimen tidak sentiasa mendapat rungutan daripada rakyat bawahan.

Maksud B.28 Kementerian Pengangkutan iaitu peruntukan sebanyak RM1 juta bagi melobi, mengekalkan kerusi Malaysia sebagai ahli majlis dalam, dengan izin, *International Maritime Organization* dengan lebih berkesan supaya Malaysia boleh bergiat aktif dalam bidang maritim. Bagi saya, perbelanjaan ini adalah amat wajar bagi memastikan supaya Malaysia akan sentiasa dapat mengekalkan kerusi supaya kita dapat menyekat apa juga usaha-usaha daripada ahli-ahli yang menyertai IMO ini yang memburuk sangka tentang tatacara pengawalan keselamatan Selat Melaka sebagai satu daripada laluan yang paling tersibuk di dunia. Jadi, pada ketika ini, Ahli Majlis IMO telah diduduki oleh Ketua Pengarah Bahagian Laut dan juga seorang anak Malaysia yang telah terpilih sebagai ahli lembaga pengarah.

Maksud B.69 Kementerian Pertahanan. Peruntukan sebanyak RM417.64 bilion yang diperlukan bagi membiayai kontrak senggaraan *in service support* untuk dua buah kapal selam Scorpene TLDM.

■1550

Kontrak senggara ini untuk menentukan supaya senggaraan kapal selam secara berjadual. Kontrak sekarang ini telah dimeterai pada akhir tahun lepas untuk tempoh enam tahun oleh DCNS, pembuat kapal selam ini dan juga *Boustead Naval Corp.*

Kapal selam adalah satu aset yang cukup strategik yang harus diselenggarakan dengan baik supaya ia dapat digunakan secara optimum. Jadi wang sebanyak ini dianggap dengan izin, *value for money* dengan skop penyelenggaraan kepada dua buah kapal selam secara *contractual*

termasuk semua alat ganti yang diperlukan. Jadi soalan saya, apakah jumlah sebenar untuk keseluruhan kontrak senggaraan ini untuk tempoh yang telah dimeterai. Keduanya, apakah bentuk dengan izin, *technology transfer* kepada pemain-pemain ataupun anak-anak tempatan supaya selepas kontrak ini tamat, mereka boleh menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan untuk kedua-dua ataupun lebih lagi kapal selam yang akan dimiliki oleh TLDM.

Peruntukkan sebanyak RM56.16 juta diperlukan untuk kegunaan bayaran pendahuluan untuk melaksanakan sewaan perkhidmatan sistem *Submarine Escape Rescue Intervention*. Mungkin inilah satu peruntukan yang baru. Jadi saya mohon kalau boleh satu penjelasan daripada pihak kementerian.

Seterusnya, saya pergi kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang memohon sebanyak RM442 juta untuk menampung perbelanjaan penswastaaan pengurusan sisa pepejal bagi penswastaaan penuh perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan kerja-kerja pembersihan. Saya ingin mendapatkan maklumat daripada pihak kementerian. Walaupun sebenarnya peruntukan ini disebabkan jabatan ini memerlukan peningkatan KPI perkhidmatan yang akan ditingkatkan berbanding sekarang dan juga sebagai modal pusingan perbadanan sementara pihak PBT membayar apa juga bil-bil yang masih tertunggak.

Jadi saya ingin menyoal. Dengan peruntukan tambahan ini, adakah ianya memberi faedah kepada rakyat dari segi peningkatan mutu dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan juga pembersihan awam. Keduanya, adakah peruntukan tambahan ini menunjukkan PBT-PBT kita kurang mampu untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan membiayai peningkatan kos pengurusan sisa pepejal? Ketiganya, pada masa akan datang seperti di negara maju, adakah Kerajaan Persekutuan ingin mengasingkan cukai taksiran dan juga kos pengurusan sisa pepejal dengan mengenakan kos terus kepada pengguna ataupun dengan izin *direct billing*, di mana lebih banyak sampah dihasilkan, pengguna akan perlu membayar lebih. Dengan cara ini, kita akan menggalakkan rakyat mengitar semula. Saya dengan ini menyokong rang undang-undang tambahan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

3.53 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang di hadapan kita. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang memohon anggaran pertambahan yang agak besar merupakan antara usaha-usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melaksanakan 1Malaysia *Government Transformation Program* atau Program Transformasi Kerajaan di semua bidang. Akan tetapi, kita lihat apa yang berlaku baru-baru ini kita tidak boleh lihat apa ada hasil daripada program ini 1Malaysia *Government Transformation Program* tetapi sebaliknya kita boleh lihat

bukan sahaja kita tidak berjaya untuk mengadakan program-program dan dasar-dasar yang boleh mendapat kepercayaan orang ramai mengenai komitmen kita mahu mencapai 1Malaysia yang bersatu-padu, yang adil, yang demokratik, maju dan *high income*. Kompetitif.

Akan tetapi, sebaliknya kita hilang daya persaingan kita. Kita hilang kepercayaan bukan sahaja dunia tetapi rakyat Malaysia mengenai dasar kerajaan. Kita juga lihat bagaimana perpaduan negara kita menghadapi cabaran oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang ekstremis. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila di forum dunia seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ada membuat cadangan mengadakan '*Global Movement of Moderates*' untuk mengadakan satu *movement*, menentukan *moderate-moderate* di dunia supaya bersama-sama mencapai satu dunia yang saksama, yang adil, yang bebas.

Akan tetapi, dalam Malaysia adakah kita lihat suatu *complimentary* – kempen 1Malaysia *Movement of Moderates* oleh kerana kalau di dunia sahaja kita kata mengenai cadangan *1Global Movement of Moderates* tetapi dalam Malaysia membenarkan *autras terms extremis* tanpa apa-apa sekatan buat tindakan dan ucapan yang begitu tidak bertanggungjawab. Sangat jelas bahawa seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam platform dunia bahawa *Global Movement of Moderates* semua tidak bermakna.

Baru-baru ini saya rasa tidak perlulah ambil perhatian dalam perkara ini khasnya apabila dua hari dahulu kita lihat mengenai ugutan yang dibuat oleh Presiden PERKASA yang pernah di Parlimen di sini. Bukan sahaja mengancam keamanan dan perpaduan rakyat Malaysia tetapi isu-isu yang dibangkitkan tidak pernah berlaku dalam Malaysia. Semacam ugutan beliau, amaran beliau bahawa kalau BERSIH teruskan mengadakan *rally* yang aman pada 9 Julai supaya menuntut mengadakan satu sistem pilihan raya yang bersih, yang adil, yang *clean, fair and honest*, bahawa PERKASA akan mengadakan perhimpunan, bukan sahaja ada perhimpunan.

Itu kita pun patut mengalu-alukan, membenarkan, ada *space* atau ruang untuk sesiapa, apa-apa pertubuhan, apa-apa *coloration* dan *queue* mengadakan perhimpunan bersyarat bahawa aman, damai. Tetapi ini apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Presiden PERKASA bukan satu perhimpunan yang aman tetapi mengugut bahawa apa dia kata kalau *rally* Bersih diteruskan, tidak umum bahawa mereka akan batal pada 7 Julai atau 8 Julai, - saya petik, "*Saya percaya masyarakat Tionghoa mungkin ramai-ramai semua sekali belilah bekalan makanan tambahan, simpan di rumah. Apa sahaja boleh berlaku*". Bahawa kaum Tionghoa perlulah *stock, stock out* oleh kerana apa-apa pun boleh berlaku. Huru-hara. Bolehkah?

Siapa boleh ingat pernahkah satu ugutan yang begitu. Tengok. Jawab begitu *incendiary*, begitu *blood-curdling* pernah dibuat dalam sejarah Malaysia? Tidak pernah! *Never before the history of Malaysia!* Pernah satu ugutan dibuat secara terbuka-buka, apa? 1Malaysia. Adalah kita berdepan untuk mewujudkan satu masyarakat Malaysia atau *we are going back* sehingga ada politikus-politikus semacam Presiden PERKASA boleh terbuka. Buat ugutan semacam. *How the Chinese stock your house – stock out* oleh kerana huru-hara boleh berlaku.

■1600

Tak pernah berlaku. Saya percaya dalam sejarah Malaysia semenjak penubuhan negara kita tahun 1957, tak pernah seorang pemimpin berani buat ugutan semacam ini, kenapa? Isu bukan Presiden PERKASA, dia tak penting. Dia satu *clown*, kelak sahaja. Isunya ialah kenapa dia ada *impunity*, dan *immunity* untuk buat ugutan semacam ini tanpa apa-apa tindakan oleh pihak yang berkuasa. Mana Perdana Menteri, mana Menteri Dalam Negeri, mana IGP, kenapa mereka diam-diam? Itulah isu. Isu bukan Presiden PERKASA, dia *irrelevant*. Isu penting ialah kenapa kita sampai satu tahap di mana *law and order* boleh dimainkan dalam tangan seorang yang begitu tidak bertanggungjawab sehingga tidak ada tindakan diambil oleh mereka yang menjaga undang-undang, *uphold law and order*. Adakah oleh kerana sebenarnya dia ucap bagi pihak segelintir pucuk pimpinan dalam UMNO?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Mereka takut bahawa *rally* BERSIH akan diadakan oleh kerana tuntutan BERSIH ialah berpatutan, munasabah yang menunjukkan bahawa masa sudah sampai untuk sistem pilihan raya, sistem demokrasi Malaysia lebih matang, tidak ada kecacatan bahawa adalah *clean electoral*.

Apa keresahan tuntutan ada satu *clean electoral* tanpa pengundi-pengundi hantu, *phantom voters*. Adakah ini salah, adakah ini perlu dibantah? Bahawa *dual postal ballots* disalah guna yang berleluasa, yang berlaku. Bahawa adalah *free and fair media*, bahawa adalah satu sistem yang betul-betul kita boleh rasa bangga supaya kerajaan atau Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, kerajaan yang ditubuh adalah dianggap sebagai sah dan *legitimate*. Kalau tidak, kerajaan sungguhpun adalah sistem pilihan raya semacam dulu, negara-negara komunis, mereka pun ada *election*. Sebanyak 99% sokongan yang mereka dapat tetapi tidak ada *legitimate*, tidak ada *legitimate* sama ada dalam pandangan rakyat mereka atau dalam dunia. Inilah mirip Malaysia, *electoral system* yang begitu cacat. Kita mahu satu sistem. *UMNO Youth* kata mereka pun akan adakan satu perhimpunan untuk *electoral system* yang baik. Baik, sungguhpun mungkin kita ada perbezaan pandangan dalam perkara ini tetapi untuk *larger objective*, adakan satu *electoral system* yang adil, yang bersih, yang baik.

Saya mengalu-alukan *UMNO Youth take part in the BERSIH* perhimpunan... [Tepuk] MCA, UMNO, siapa? Ini untuk kebaikan negara tetapi kenapa adalah segelintir orang yang bukan sahaja bantah, mereka ada hak untuk bantah, mereka ada hak untuk *object* tetapi tidak ada hak untuk buat ugutan khasnya kepada kaum Tionghoa bahawa *better stock up* oleh kerana boleh berlaku huru-hara. Siapa akan berlaku huru-hara? Yang Berhormat dari Pasir Mas? Soalannya kenapa tidak ada tindakan diambil?

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Ipoh Timur, minta laluan sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, okey.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pada 13 Mei 2011, saya telah membuat satu ucapan penangguhan dan saya sebutkan, “PERKASA sebagai satu kumpulan *outsourc*e untuk UMNO telah mengapi-apikan dan juga melaga-lagakan antara Paderi Kristian dengan orang yang bukan Kristian, dan dalam ucapan penangguhan saya, Yang Berhormat Ipoh Timur dan juga Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan, ada Menteri yang berhemah bahawa meskipun ada politikus Islam tertentu yang melalak-lalak PERKASA di khalayak ramai, dan beritanya disebarikan secara berleluasa di media massa seperti *Utusan Malaysia*, seakan-akan orang Kristian kini bangun mencabar kedudukan Islam di Malaysia. Justeru masing-masing, Menteri kah, PERKASA kah, melalak-lalakkah, masing-masing berikrar untuk melancarkan perang salib terhadap masyarakat Kristian di Malaysia.” Sekarang kita dengar pula orang Cina diugut supaya *stock up* makanan menjelang siaran ulangan 13 Mei dan sebagainya.

Jadi ini bolehkah kita anggap sebagai satu norma baru seperti yang dikatakan oleh sesetengah Menteri UMNO dan tidak lagi satu perbuatan *subversive* yang perlu dikenakan sebarang tindakan? Jadi saudara saya dari Ipoh Timur, saya juga amat kluatir dengan satu ceramah yang telah diberikan oleh Presiden PERKASA itu dan telah ‘ditangkap’ dalam bentuk video dan dipasang di MalaysiaKini.TV. Dalam pada itu dia kata, “*Kalau ada pihak di Pulau Pinang terutama di antara paderi Kristian yang didukung oleh DAP Pulau Pinang terus dengan agenda yang kita tahu niat mereka ini, saya tawar kalau nak perang salib, boleh. Ini Salahuddin Ayubi dari negara Malaysia*”.

Itu berlaku berbulan-bulan yang lalu, tetapi sampai sekarang tak ada sebarang tindakan yang telah dikenakan ke atas orang macam itu. Apa pandangan Yang Berhormat Ipoh Timur mengenai kes ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, terima kasih. Inilah setuju dengan apa yang dia kata. Ugutan akan mengadakan satu jihad. *Front page, headline* dalam *Utusan Malaysia*, media rasmi UMNO bahawa seolah-olah ada satu komplot DAP dengan Kristian, menjadikan *Christianity* sebagai agama rasmi tanpa satu *iota of evidence*, semua *wild*, tidak bertanggungjawab, saya sifatkan sebagai *seditionous* dan *treasonous allegation*, oleh kerana *treason* kepada Malaysia sebagai satu negara, *treasonous, treateroius allegatio!* Sampai sekarang tiada tindakan diambil. Adakah mereka dapat *impunity* dan *immunity*? Mana itu *rule of law*? Mana kita boleh dapat kepercayaan orang ramai dan dunia bahawa kita adalah *good governance* di negara kita dan baru-baru ini mengenai ugutan *stock up* kepada kaum Tionghoa, saya mahu tanya bukan sahaja MCA, GERAKAN, SUPP tetapi semua anggota parti dalam Barisan Nasional, semua Menteri, *what is their stand, 1Malaysia? Where is 1Malaysia* sehingga ugutan semacam ini boleh dibuat dan kalau tidak, itu malulah.

Saya mahu tanya mengenai Bersih. Adakah perhimpunan Bersih ini boleh menjatuhkan negara? Tidak. Mereka ini, penganjur-penganjur Bersih sudah buat penerangan untuk menerangkan bahawa ini ialah satu perhimpunan yang aman dan berdamai, *peaceful* dan kita perlu dan patut sudah sampai satu tahap sistem demokrasi di mana kita membenarkan ada ruang untuk *democratic expression* untuk semua. Saya setuju kalau PERKASA mahu perhimpunan pun boleh, tetapi kenapa mahu hari yang sama? Itu bukan untuk *expression* tetapi untuk *confrontation*, untuk mengadakan huru-hara dan saya harap bahawa kita boleh dapat satu penjelasan, pendirian daripada Kerajaan 1Malaysia. Kalau tidak, *supplementary estimate* ini tak bererti, tak bererti. Semua wang ini sia-sia sahaja. Akhirnya 1Malaysia *Government Transformation Programme* akan gagal, akan gagal.

Adakah ini oleh kerana kita lihat dengan tindak tanduk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional begitu *desperate*, mereka takut perhimpunan BERSIH pada 9 Julai 2011 akan berjaya dapat sambutan, sokongan berpuluh-puluh ribu rakyat Malaysia dan mereka tidak mahu ini berlaku. Mahu sokong segala usaha untuk sabotaj dan *subvert of free expression* rakyat. Kenapa mereka takut? Adakah mereka rasa bahawa mereka *last month empower*?

■1610

Adakah mereka rasa bahawa *last month empower* oleh kerana Barisan Nasional – UMNO takut akan dijatuhkan dan digantikan oleh Pakatan Rakyat? Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada kata di Beaufort, Sabah bahawa perhimpunan Bersih itulah satu *cover* untuk menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional. Akan tetapi saya mahu tanya, *what is wrong with toppling the Barisan Nasional government by peaceful democratic means?* Itulah hak rakyat Malaysia! Hak rakyat Malaysia untuk menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional, UMNO yang begitu *corrupt*, yang begitu *decadence*, yang begitu *undemocratic*. Itulah hak rakyat Malaysia, dan kalau kita mahu percaya demokrasi.

Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu buat sebuah negara yang demokrasi, cabaran kepada beliau ialah adakah beliau berani untuk mengumumkan dan semua pemimpin Barisan Nasional mengisytiharkan pendirian mereka bahawa mereka akan menerima keputusan pengundi-pengundi di Malaysia pada pilihan raya bersih yang akan datang. Kalau pengundi-pengundi di Malaysia mahu menukar kerajaan, mahu menukar kerajaan Putrajaya, bahawa mereka akan terima keputusan itu tanpa apa-apa usaha untuk sabotaj *mandate and will of the people of Malaysia*, adakah berani? Adakah beliau akan buat begitu? Itulah yang menunjukkan sama ada kerajaan kita adalah satu kerajaan yang mana kita boleh dapat kepercayaan orang ramai dan dunia dalam melabur di sini, menganggap Malaysia boleh menjadi satu *developed high income country*.

Baru-baru ini ada dilaporkan apa yang berlaku dalam *First ASEAN Malaysian Bloggers Conference* yang mana lagi seorang setiausaha politik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Akmar Hisham Mokhles dalam sebuah buku kartun yang *entitled Transformasi Najib*, ada

menyifatkan kaum Tionghoa, orang Tionghoa *pig snout*. Ada lukis *the Chinese with pig snout in the comic book entitled Transformasi Najib that Akmar Authored*. Apa ini 1Malaysia? Adakah ini berlaku pada masa dahulu? Tidak pernah.

Tahun lalu, lagi seorang setiausaha politik atau *special officer*, Nasir Safar ada menyifatkan kaum India dan kaum Cina sebagai kaum pendatang. Bahawa kaum India datang ke Malaysia sebagai pengemis. Kaum Cina datang ke Malaysia, wanita mereka sebagai pelacur. *What is happening with this 1Malaysia Transformation Programme?* Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri rela mengutuk tindakan semacam ini? Patutlah *sack the political secretary* mengenai buku kartun ini. Apakah pendirian parti-parti dalam Barisan Nasional - MCA, MIC, GERAKAN, semua? Ini kita tunjuk bahawa selepas dua tahun, *we are not going forwards, we are going backwards*.

Baru-baru ini bukan sahaja mengenai *nation building*, mengenai *New Economic Model* sungguhpun baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada sebut lagi gunakan istilah *New Economic Model* tetapi semua *do not walk the talk*. Apa yang dilaporkan hari ini, saya harap Parlimen ini dalam masa penggulungan boleh dapat satu penjelasan. Saya menyentuh mengenai laporan dalam *Malaysian Insider*. Dengan izin... [*Membaca petikan*]

"Now Putrajaya hands LRT deal to UK firm ahead of Najib visit.

A Finance Ministry committee has changed its mind by awarding the contract for the Kelana Jaya light rail transit (LRT) extension to a consortium led by British firm Colas, after controversially ordering a deal last week with another joint-venture.

But the committee's latest decision continues to ignore the recommendation of LRT operator Syarikat Prasarana Negara Berhad for the contract to be awarded to a third company in the frame.

The Singapore Straits Times reported today that the joint-venture between Colas and CMC Engineering Sdn Bhd would be awarded the project, citing senior industry executives and government officials close to the tender as its source.

Last week The Malaysian Insider reported that a Finance Ministry committee ordered Syarikat Prasarana Negara Bhd to award the deal to the Hartasuma Sdn Bhd-Bombardier joint-venture, whose RM890 million bid is nearly 50 per cent higher than the RM610 million quoted by the LRT operator's choice, Ingress Corp Bhd-Balfour Beatty Rail Sdn Bhd.

This new about-turn, if confirmed, comes ahead of Prime Minister Datuk Seri Najib Razak's official visit to London next month where he is hoping to meet his British counterpart David Cameron.

The Singapore Straits Times quoted political analysts and industry executives as saying that the “behind-the-scenes intrigue shows how opaque and non-transparent practices that have long characterized large public-sector contract awards remain the order of the day in Malaysia.”

Calling the LRT deal, “a strong test case” for Najib’s administration, the *Straits Times* said that the decision to override *Prasarana* would “likely to dull Kuala Lumpur’s efforts to attract much-needed foreign investment.”

Itulah, bukan sahaja satu *test case* dua tahun. Kita boleh tanya, apakah usaha khasnya hasil mengenai usaha-usaha GTP khasnya *National Key Results Areas* (NKRA) yang kita boleh lihat semacam untuk membasmi *corruption*. Apa yang ditekankan oleh GTP, *the lab on fighting corruption...* [Membaca petikan]

“The three areas that will be focusing on in the near term are the following:

- (i) grand corruption (including political corruption);
- (ii) government procurement; and
- (iii) regulatory and enforcement agency.”

Mengenai *tackle grand corruption...* [Membaca petikan]

“The government must prevent the abuse of power and public resources by politician and senior civil servants. In addition, the delivery of justice must be enhanced to ensure that all the offenders, regardless of status and position, are prosecuted swiftly with harsh punishments imposed on civil servants and those in public office. This is an important area to focus on given that Malaysians perceive that both our political parties and civil servants are the entities most affected by corruption.”

Apakah *results* mengenai usaha untuk *fighting grand corruption* dalam dua tahun ini? Sarawak, *best example in fighting grand corruption*. Sampai sekarang ini SPRM pun takut-takut untuk siasat Ketua Menteri Sarawak, *the clearest case of grand corruption*, adakah satu siasatan dimulakan? *The Chief Commissioner* SPRM kata bahawa *collecting information*. Adakah *collecting information opening an investigation* termasuk panggil Ketua Menteri Sarawak supaya disoal siasat, apa itu *collecting information*? *Research house* boleh *collect information*. Inilah yang menunjukkan bahawa SPRM sampai sekarang tidak ada *political will* untuk *fighting grand corruption*. *Grand corruption is going on*, bermaharajalela dalam dua tahun ini. *Grander and grander!* *Grand corruption is getting grander and grander*, mega. Apakah usaha SPRM untuk dapat kepercayaan orang ramai?

Di sini saya harap bahawa Ketua Menteri Sarawak boleh bekerjasama bahawa sehingga dia di *cleared* oleh SPRM kalau SPRM ambil masa untuk *collect information, until his cleared, the*

Sarawak Chief Minister must go on leave of absence. Mengapa boleh terus untuk bertanggungjawab, bertugas sebagai Ketua Menteri Sarawak?...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan SPRM, apakah usaha SPRM ambil untuk dapat keyakinan orang ramai? Dalam *supplementary Erskin May* ada satu permohonan RM1 juta untuk *Royal Commission Enquiry Teoh Beng Hock*. Saya tidak mahu bincang mengenai kes Teoh Beng Hock tetapi saya mahu menyebut sedikit mengenai sikap SPRM dalam *Royal Commission Enquiry*. Bukan untuk membantu *Royal Commission of Inquiry* bagaimana Teoh Beng Hock boleh mati, akan tetapi untuk menghalang suatu siasatan yang sepenuhnya. Sebagai contohnya selepas kematian Teoh Beng Hock ada satu *black blog* - hitam, *black blog* muncul di internet. Itu *black blog* saya percaya ialah yang bertanggungjawab *black blog* itu ialah SPRM. Oleh kerana adalah dalam *black blog* itu adalah dokumen-dokumen yang boleh barulah boleh dapat daripada dalam tangan SPRM...

■1620

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor bangun Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Lima minit, lima minit. SPRM dan niat *black blog* itu ialah untuk buat tuduhan bahawa DAP bertanggungjawab mengenai kematian Teoh Beng Hock. Adakah SPRM dalam *Royal Commission of Inquiry* memberi semua maklumat mengenai *black blog* ini. Saya percaya *Royal Commission of Inquiry* pun tidak tahu dan sebelum *Royal Commission of Inquiry* kemukakan laporan yang terakhir saya harap *Royal Commission Inquiry* boleh siasat dengan mendalam, sedalam-dalamnya *black blog* ini.

Oleh kerana ini boleh memberi bantuan mengenai kenapa Teoh Beng Hock boleh mati. Bukan sahaja Teoh Beng Hock, sekarang ada Sarbaini. Sarbaini, *Custom Officer*. Kenapa boleh mati, tiga tingkat Jalan Cochrane? Ini perlu pun satu *Royal Commission Inquiry*. Kenapa SPRM dan polis dan pihak *AG's Chambers* tidak mahu bekerjasama supaya adakan satu siasatan kematian Sarbaini.

Inkues, inkues, tidak ada peruntukan dalam undang-undang kata bahawa tidak boleh ada satu *Royal Commission of Inquiry* sebelum satu inkues diadakan. Saya harap ini boleh dijelaskan oleh - ini menunjukkan bahawa SPRM ada cuba untuk menutup ada *cover up*. Oleh kerana masa sudah suntuk saya mahu *wind up*. Ada signal daripada Tuan Yang di-Pertua.

Akhirnya saya harap bahawa dalam semua rancangan kita, kita jangan hilang *the big picture*. *Are we moving towards*, 1Malaysia, rakyat lebih *united*. *Malaysian Insider* adalah satu siri artikel kenapa rakyat, *brain drain*. *Leave the country*. Ini *very hard drenching*. Rakyat *brain drain* bukan sahaja hilang kebolehan Malaysia untuk bersaing di dunia, akan tetapi *you* hilang *human*

talent and resources. Akhirnya saya harap bagi satu perkara sahaja. Baru-baru ini apabila saya ada di Sabah, saya adalah pergi Kampung Tambatuon. Di mana Yang Berhormat Kota Belud yang jadi Ahli Parlimen iaitu tidak pernah melawat kampung itu.

Saya bukan kata beliau tidak ada melawat kawasan beliau sendiri. Beliau tidak pernah melawat Kampung Tambatuon. Cadangan mengadakan satu Empangan Tambatuon yang akan membanjiri akan memusnahkan Kampung Tambatuon. Kenapa Yang Berhormat tidak pernah pergi ke kawasan itu mengadakan dialog dengan penduduk-penduduk Kampung Tambatuon. Itulah isu sekarang.

Oleh kerana desakan daripada saya, dua hari sebelum Parlimen bersidang beliau pergi Kampung Tambatuon akan tetapi dengan eskot polis. Dengan eskot Timbalan Ketua Menteri Sabah dan satu rombongan yang besar. Akan tetapi pun tanpa satu dialog. Isu yang saya mahu kemukakan di sini ialah sebelum satu mega projek diadakan macam Empangan Tambatuon.

Sungguhpun *big picture need* perlu tidak perlu kita boleh bincang. Akan tetapi sebelum satu keputusan dibuat mengenai satu mega projek yang akan *destroyed* hidupan, *lively hood* penduduk-penduduk yang berkenan perlulah satu dialog dengan mereka. Sebagai Ahli Parlimen untuk Kota Belud, sebagai Ahli Parlimen untuk Kampung Tambatuon, tanggungjawab beliau ialah menjadi suara mereka dan bukan menjadi suara *damn, interest to damn the future of* Kampung Tambatuon.

Saya harap bahawa dalam perkara ini 2 Julai saya akan balik ke Kampung Tambatuon dan saya harap Yang Berhormat Kota Belud berani datang. Kita bersama-sama berdialog dengan penduduk-penduduk Kampung Tambatuon. Dengar, dengar pendirian mereka dan bersama-sama buat keputusan yang baik untuk penduduk-penduduk. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batang Sadong.
4.25 ptg.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya turut membahaskan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama untuk 2011. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan adanya kita meminta anggaran perbelanjaan ini, ia merupakan satu keadaan di mana kita akan memperbaiki keadaan.

Jadi dengan itu, saya hendak membawa beberapa perkara supaya ia boleh melakukan penambahbaikan untuk kawasan-kawasan kita. Oleh kerana kalau kita tidak membawa perkara ini ada juga mereka yang tidak bertanggungjawab mengatakan kita tidak bercakap dalam Parlimen ini. Jadi sekarang ini saya hendak menyatakan di sini saya berterima kasih kepada kerajaan kerana membekalkan komputer 1Malaysia.

Cuma satu yang saya hendak sarankan di sini, kalau sudah membekalkan komputer 1Malaysia ini kepada para pelajar, saya mintalah kementerian untuk melihat sendiri kawasan-kawasan yang diberi dibekalkan komputer ini supaya ianya betul-betul memanfaatkan para pelajar

yang belajar di tempat-tempat berdekatan sana, boleh memanfaatkan dengan menggunakan misalnya untuk menggunakan internet, perkhidmatan internet.

Banyak kawasan di luar bandar misalnya di kawasan saya sendiri di Simunjan tidak dapat melayari internet disebabkan liputannya tidak sampai ke situ dan juga terdapat kekurangan dari segi bekalan elektrik. Jadi dalam kita mempunyai niat untuk membantu, membantu pelajar untuk menambahkan apa yang ada, ilmu mereka jadi ianya tidak berkesan sekali kerana mereka hanya bergantung kepada penggunaan *genset*.

Selain dari itu juga mereka tidak mendapat liputan di mana mereka ingin menjalankan *research* dengan izin, supaya mereka dapat menambahkan apa-apa yang mereka hendak untuk menambahkan ilmu mereka, melalui perbekalan komputer 1Malaysia.

Seterusnya ialah mengenai perkhidmatan klinik kesihatan di kawasan-kawasan. Baru-baru ini saya baru pergi ke kawasan saya di Sadong Jaya di mana pihak *army* dengan izin, mengadakan Program Jiwa Murni. Bukan ini sekali sahaja. Kali-kali apabila diadakan program seperti itu saya nampak keperluan dari segi perkhidmatan pergigian dan juga pemeriksaan mata amat popular di kawasan luar bandar.

Jadi ini menunjukkan perkhidmatan seperti ini memang diperlukan. Melalui anggaran perbelanjaan tambahan ini, saya mengharapkan agar Kementerian Kesihatan melihat dan mempertimbangkan serta melaksanakan keperluan rakyat di kawasan luar bandar. Ini kerana memang sudah jelas diperlukan kerana perkhidmatan seperti ini sukar hendak didapati di kawasan luar bandar.

Jadi tidakkan kita hendak mengadakan, memanggil pihak-pihak tertentu untuk menganjurkan program-program sekali sekala. Ianya tidak membantu sangat. Jadi saya mengharapkan agar pihak Kementerian Kesihatan untuk melihatkan perkara ini.

Seterusnya juga saya kalau saya tidak silap pada dua penggal yang lepas, kalau tidak silap saya pernah juga membahaskan mengenai permintaan saya untuk kawasan saya di Sadong Jaya di mana pernah berlakunya penyakit sehingga melibatkan kematian, di mana banyak rumah yang masih belum mempunyai mangkuk tandas, *toilet bowls* dengan izin.

Saya telah memohon agar perkara ini diambil perhatian. Sekarang ini saya dapati hanya sebuah rumah sahaja diberikan dan dibekalkan dengan *toilet bowls* ini, sebab ada kematian berlaku. Jadi adakah kita menunggu kematian berlaku baru kita hendak membekalkannya Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya harap perkara ini diambil serius sekali. Ini kerana saya tahu pegawai-pegawai kesihatan ada memohon dan saya meminta perkara ini juga dan saya bahas di Dewan ini.

Saya pun kadang-kadang merasa agak saya macam kecewa juga. Apa yang kita bahas di Dewan ini adakah sesiapa mengambil perhatian? Adakah kita hanya membahas dan tidak ada tindakan langsung. Mungkin Menteri menjawab, akan tetapi apa akan berlaku selepas itu?

Adakah tindakan diambil di peringkat pentadbiran? Saya harap perkara ini tidak perlu kita ulang lagi. Kalau tidak kita dikatakan tidak melakukan tugas kita di sini.

■1630

Jadi, seterusnya ialah mengenai Klinik 1Malaysia. Saya melihat dan nampak beberapa tempat yang berdekatan dengan bandar diwujudkan Klinik 1Malaysia. Saya percaya yang lebih memerlukan adalah kawasan luar bandar. Jadi, juga saya hendak meminta perhatian dan minta ia dilaksanakan oleh pihak kementerian supaya melihat dan melaksanakan sesuatu secara lebih objektif. Kita tidak mahu populariti kita hanya dalam bidang politik tetapi biarlah kita nampak betul-betul, jujur dan ikhlas dalam kita melaksanakan tugas-tugas kita dengan memberi kepada yang perlu. Saya tahu yang perlu ialah mereka di luar bandar dan yang bandar ini banyak kemudahan dari swasta mahupun dari pihak kerajaan untuk memberi kepada mereka dan yang memerlukan lebih daripada itu ialah di luar bandar. Jadi, saya mengharapkan pihak yang berwajib tahulah tugas mereka untuk mengambil perhatian kepada perkara ini supaya kita tidak perlu mengulanginya lagi.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca satu laporan mengenai hak-hak golongan rentan, Bahagian C berhubung dengan orang kelainan upaya iaitu laporan dari SUHAKAM. Saya mahu bertanya sama ada SUHAKAM meluaskan kajian mereka terhadap pelaksanaan dasar kerajaan mengenai 1% penempatan kepada OKU di jabatan kerajaan. Saya percaya ini telah diluluskan oleh kerajaan tetapi adakah kita memantau sama ada peratusan ini dicapai. Jika tidak kenapa? Apakah strategi kita untuk memberi perhatian ini memastikan agensi kerajaan mengambil perhatian dan juga melaksanakan dasar kerajaan? Kalau tidak apa yang kerajaan putuskan sebagai satu dasar tidak menjadi kenyataan kerana pihak-pihak yang seharusnya mengambil tindakan ini tidak melaksanakan tugas mereka.

Begitu juga sama ada pihak korporat disarankan untuk melakukan kerja yang sama. Ini kerana saya pernah didatangi oleh beberapa OKU dan mereka memohon untuk dibantu untuk mendapatkan pekerjaan. Ada juga badan korporat yang prihatin dan berbincang dengan saya bertanyakan siapakah orang ini, apakah kecacatan atau kelainan keupayaannya supaya mereka boleh mencari jalan untuk memberi pekerjaan. Ini adalah di antara badan korporat yang kita perlu beri pengiktirafan kerana mereka betul-betul ingin membantu. Ini kerana bagi saya, saya menyatakan kalau OKU ini tidak dibantu dan diberi pekerjaan, maka mereka ini akan sentiasa selama-lamanya menjadi tanggungan dengan izin, *liability* kepada negara kita. Jadi, adalah patut dan munasabah untuk pihak agensi-agensi kerajaan mahupun badan-badan korporat untuk membantu mereka.

Satu lagi ialah dalam bidang muzik. Saya pernah juga menyuarakan perkara ini dan sekali lagi saya hendak menyatakan di sini kerana perkara ini sering kali diutarakan kepada saya di mana OKU ini ramai daripada mereka ini adalah berbakat dalam bidang muzik. Saya rasa kalau mereka diberi peluang dan penajaan untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang

muzik, sekurang-kurangnya kita boleh membantu mereka dalam bidang yang mereka betul-betul minati, satu dan juga mereka boleh mahir dalam bidang tersebut. Jadi, saya juga mengharapkan pihak-pihak berkenaan melihat dari segi peruntukan yang ada ini bukan sahaja di peruntukan kepada satu-satu golongan, kita perlu peka kepada iaitu perkara gender di mana kita melihat kepada keperluan gender-gender yang tertentu.

Seterusnya ialah keperluan asas di luar bandar masih lagi menjadi satu keperluan seperti kata orang, 'perjuangan kita masih belum selesai'. Selagi kita masih belum membekalkan keperluan untuk penduduk-penduduk di luar bandar. Saya berharap agar pihak kementerian terutama sekali Kementerian Luar Bandar untuk melihatkan perkara ini tetapi saya bukan hendak melihatkan kepada perkara aspek yang besar sahaja. Ini adalah dari sudut keperluan di kampung-kampung sebab ada di antara mereka sudah banyak ada jambatan dan jeti tetapi adanya sudah usang atau lama.

Jadi, apakah kiranya kalau pihak kementerian melihat sendiri kepada perkara ini dan memberi peruntukan sekurang-kurangnya untuk setiap Parlimen untuk memperbaiki keadaan seperti ini atau seperti infrastruktur seperti jeti. Ini kerana ia banyak membantu memanfaatkan para pelajar yang pergi ke sekolah lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar apabila hari hujan apabila jeti tidak bagus dan sudah usang ianya bahaya untuk para pelajar di sekolah-sekolah dan di kampung-kampung.

Jadi, saya mengharapkan perkara ini diambil perhatian juga. Begitu juga dengan kemudahan air bersih dan juga perbekalan elektrik. Walaupun kita telah menyasarkan agar perbekalan ini akan diluaskan sehingga pada tahun 2012, berapa puluh peratus yang sampai ke negeri Sarawak dan Sabah. Akan tetapi setakat ini saya rasa *speednya* dengan izin masih belum begitu laju lagi untuk dicapai sehingga rakyat merasa tidak sabar kerana mereka amat memerlukan. Jadi, kita di antara Ahli-ahli Parlimen di luar bandar ini terpaksa membantu membekalkan *genset*. Saya rasa ini bukan satu *solution* dengan izin, atau satu penyelesaian dalam jangka panjang. Jadi, ia tidak akan kehabisan kalau dari segi kita membekalkan *genset*, ia bukan tamat di situ sahaja kerana mereka yang terlibat ini banyaknya orang tidak mampu. Mereka tidak ada peruntukan dan duit untuk beli minyak dan petrol untuk menghidupkan *genset* tersebut. Jadi, di manakah akhir dan tamatnya permintaan untuk membekalkan *genset* serta memberi peruntukan untuk petrol. Walau pun kita tidak melakukan itu, akan tetapi ini adalah satu keperluan asas untuk anak-anak mereka belajar pada sebelah malam mereka memerlukan lampu dan ingin juga menonton televisyen bagi meluaskan keilmuan dan juga pemandangan mereka.

Seterusnya, saya rasa ini adalah yang terakhir yang ingin saya nyatakan di sini mengenai Kementerian Pelajaran. Saya mintalah Kementerian Pelajaran mengambil tindakan terhadap perkara yang dilaporkan oleh pentadbir sekolah. Kita mewakili kawasan Parlimen di luar bandar sering kali menerima aduan dari orang kampung dan orang ramai, namun para guru

kadang-kadang mereka berani bercakap kadang-kadang tidak kerana bagi mereka itu adalah tugas mereka dan mereka telah mengemukakan kepada pihak jabatan di negeri-negeri.

Di peringkat jabatan pula menyatakan mereka sudah mengemukakan kepada kementerian. Jadi, saya rasa inilah menjadi tanggungjawab saya dan platform ini adalah platform yang begitu sesuai sekali untuk membawa perkara ini di mana kalau pegawai telah membawa perkara ini kepada pihak kementerian, mintalah kementerian memandang serius terhadap cadangan pegawai kerana mereka lebih memaklumi apa masalah di sekolah-sekolah terutama sekali masalah infrastruktur di sekolah-sekolah mereka supaya kita tidak ada lagi mahu mengatakan pegawai tidak membawa perkara ini kepada kementerian. Biarlah kementerian kali ini hantar, *assign* dengan izin, pegawai-pegawai untuk turun ke sekolah-sekolah melihat dan menyaksikan sendiri bagaimana keadaan *boarding school*, bagaimana keadaan kemudahan mereka di sekolah. Saya rasa saya pernah mengajukan perkara ini kepada pihak kementerian dan saya tahu juga pihak jabatan pun telah mengajukan perkara ini kepada kementerian. Namun, masih juga belum mendapat tindakan yang seharusnya dari pihak kementerian.

■1640

Jadi, sekali lagi saya mahu menyuarakan rasa kecewa kalau kita mengemukakan perkara di Parlimen ini, siapakah yang mengambil perhatian? Kita tidak mahu mendengar Menteri menjawab sahaja, menjawab tidak cukup, tidak bermakna ia akan dilaksanakan supaya kita tidak perlu mengulangi permintaan, kita tidak perlu mengulangi segala yang menjadi kelemahan di satu-satu tempat tersebut. Jadi, saya mengharapkan mereka-mereka yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya untuk mengambil perhatian kepada apa-apa yang kita bawa kepada kementerian. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2011 dengan harapan yang besar sekali supaya kita mendapat kelebihan dari segi *infrastructure* di kawasan-kawasan kita dan menambahkan manfaat untuk rakyat di kawasan luar bandar, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

4.41 ptg.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2011, terlibat B.6 – Jabatan Perdana Menteri, B.22 – Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, B.24 – Kementerian Pengangkutan, B.32 – Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, B.47 – Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan Kementerian Dalam Negeri dengan sekali gus Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batang Sadong, di mana kita berhujah di sini yang pentingnya apakah tindakan yang diambil oleh kementerian, nampaknya tidak ada. Pandangan saya dan apa

yang diketahui umum mengenai sikap dan tingkah laku pegawai-pegawai kerajaan adalah Ahli-ahli Yang Berhormat tidak sepatutnya menyokong perbelanjaan ini, kerana pegawai atasan sampai yang di bawah tidak menjalankan tugas mereka dengan baik atau melaksanakan dasar Kerajaan Pusat dengan baik demi kepentingan rakyat. Dasar-dasar seperti 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' dan 1Malaysia, ini adalah dikatakan bahawa dasar ini berhenti pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja tetapi tidak sampai ke bawah.

Dasar-dasar tersebut adalah memang baik, jika dilaksanakan dengan baik saya rasa ini membaiki keadaan dalam negara kita, negara kita lebih makmur. Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi, ia tidak sampai ke bawah sama ada Menteri-menteri dan juga khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu atau tidak, saya rasa mereka tahu dan Menteri-menteri tahu tetapi apakah tindakan yang diambil? Masalahnya sekarang adalah ketiga-tiga dasar tersebut tidak dilaksanakan dengan baik oleh kebanyakan pegawai kerajaan. Ramai pegawai-pegawai kerajaan boleh digelar sebagai *Little Napoleon*, mereka telah lupa prinsip asasnya apa, nasi yang mereka makan daripada siapa? Daripada rakyat dan bukannya daripada kerajaan kerana wang kerajaan dari mana? Daripada cukai yang dikutip daripada rakyat, so mestilah rakyat didahulukan. Akan tetapi *Little Napoleon* ini telah mabuk dengan kuasa-kuasa yang diberikan oleh siapa? Oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya beberapa kali telah membangkitkan perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini, nampaknya tidak berkesan. Seperti Ahli Yang Berhormat Batang Sadong katakan tadi, *it fall on deaf ears* kerana sikap tidak apa pegawai kerajaan masih berterusan, sikap tidak apa! Ini telah menjadi satu epidemik, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mesti siap mengambil perhatian, mengambil tindakan dengan segera untuk memastikan *civil servant* ini, perkhidmatan awam dan pegawai-pegawai ini melaksanakan dasar kerajaan yang ketiga-tiga, dasar kerajaan ini *to the letter*, bukannya suka dan sewenang-wenangnya mereka suka mereka turun, tidak suka mereka tidak turun.

Saya ingin memberikan contoh-contoh mengenai sikap-sikap kenapa saya tidak boleh bersetuju dengan apa – perbelanjaan pengurusan tambahan kepada kerajaan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan dengan Parlimen, soalan saya PR-1242-L45066 yang berbunyi berikut: "*Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah keseluruhan hutang kepada syarikat swasta di bawah arahan pegawai kementerian iaitu Encik Rizal Merican tanpa kuasa dan atau tanpa mengikut prosedur antara tahun 2003 hingga 2009.*

- (a) *berapakah jumlah hutang tersebut yang telah dibayar oleh kementerian;*
- (b) *apakah tindakan akan diambil mengenai baki jumlah hutang tersebut, lebih kurang RM3 juta; dan*
- (c) *apakah tindakan telah diambil terhadap pegawai yang tersebut iaitu Rizal Merican kerana mengarahkan perbelanjaan tanpa kuasa dan atau tidak mengikut prosedur yang sedia ada."*

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ditolak oleh Parlimen atas alasan apa, sesuatu pernyataan itu tidak boleh mengandungi apa hujah, sangkaan fikiran, tohmahan, puji atau keji atau mengandungi kalimah mengelirukan, menyindir atau menyakitkan hati ataupun – Tuan Yang di-Pertua, saya berani bercakap di sini dengan berterus terang bahawa butir-butir di dalam soalan ini adalah benar, Yang Berhormat Menteri di sini saya rasa juga mengetahui bahawa butir-butir ini benar. Perbelanjaan itu bukannya RM2 atau RM3 juta tetapi sekurang-kurangnya RM5 juta sehingga RM6 juta yang diarahkan oleh seorang pegawai sahaja tanpa kuasa, kebenaran dan tanpa prosedur, menurut apa prosedur. Kalau kita meluluskan wang sebanyak yang diminta di sini kemungkinan ada banyak *Little Napoleon* begini, yang membelanjakan wang rakyat.

So, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini dan pegawai-pegawai pun banyak, sila berikan jawapan walaupun ditolak oleh Parlimen. Oleh sebab ada pegawai-pegawai tertentu hendak menjaga juga puak-puaknya. Di manakah di dalam soalan ini menyindir? Saya mencabar Menteri yang menjaga Parlimen menyatakan di dalam Parlimen bahawa butir-butir yang saya nyatakan di dalam soalan saya adalah tidak betul, menyindir dan fitnah. Saya rasa dia tidak berani kerana butir-butir di dalam soalan saya ini adalah benar.

Kalaulah kerajaan hendak meminta wang daripada Parlimen, kita seharusnya memberhentikan perbelanjaan yang sedemikian, perbelanjaan peribadi ataupun untuk unsur politik pihak tertentu. Tingkat empat atau tingkat lima kah, untuk politik tingkat empat, so saya harap sila ambil tindakan. Memberikan penjelasan di sini bahawa berapakah jumlah yang dibelanjakan oleh Encik Rizal Merican tanpa kebenaran atau prosedur yang sedia ada dan berapakah kementerian telah bayar perbelanjaan tersebut kepada syarikat swasta? Sila berikan senarai nama penuh syarikat swasta tersebut, angka-angka hutang dan untuk tujuan apakah perbelanjaan ini? Yang terakhir untuk soalan ini adalah apakah tindakan akan diambil terhadap *Little Napoleon* ini kerana meluluskan perbelanjaan tanpa kuasa dan tidak mengikut prosedur yang sedia ada.

■1650

Saya rasa dalam pentadbiran kerajaan mesti ada *standing order*, ambil tindakan supaya pegawai lain tahu dan mereka tidak berani meneruskan dengan perbelanjaan sedemikian. Saya amat hairan mengapa Kementerian Kewangan ada *Little Napoleon* ini. Saya telah bangkit beberapa kali terhadap Hasbi Sattar di bawah Kementerian Kewangan juga. Ini pun amat bermaharajalela semasa mereka bertugas sebagai setiausaha politik kepada Yang Berhormat bekas Menteri Kewangan II, bukan Yang Berhormat sekarang, tetapi Yang Berhormat Bukit Gelugor dahulu, sekarang ada ditahan dengan wang tunai berjuta-juta ringgit, SPRM sudah dapat. Beliau ada banyak kondo mewah di Pulau Pinang dan di Kuala Lumpur. Di rumahnya ada 47 peti besi, apa beliau dituduh? Dituduh di bawah *Anti-Money Laundering Act* (AMLA). Makna

Anti-Money Laundering Act ini untuk wang yang telah dipakai ataupun telah 'dicuci' atau 'laundering'.

Kemungkinan pegawai SPRM yang tuduh ini tidak faham *money laundering* itu apa, dituduh dengan *Anti-Money Laundering Act*. Wang tunai itu untuk apa? Wang tunai itulah mesti dengan kondo mewah sebab di bawah akta SPRM ini ada satu seksyen di mana SPRM boleh tuduh *a person living beyond his means*, dengan izin.

Mengapa tidak gunakan seksyen itu? Kalaulah yang lain susah. Memanglah dengan bosnya bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan itu memang tidak berani ambil tindakan SPRM. Kalaulah pegawainya boleh ada wang sebanyak itu dan kondo itu, saya tidak tahulah kepalanya bagaimana, saya rasa lebih banyak. Juga saya harap SPRM boleh buat siasatan terhadap *Little Napoleon* ini juga iaitu Reezal Merican, juga dalam bahagian yang sama, Kementerian Kewangan semasa itu. Buat satu siasatan. Saya rasa kita boleh dapat juga sebab puak-puak ini memang *champion* pada masa itu.

Saya percaya *Little Napoleon* sebagai Reezal Merican ini adalah dikatakan abang adik dengan Hasbi Sattar ini. Semasa beliau bertugas di tingkat empat, beliau adalah amat berkuasa dan sebab itulah syarikat swasta yang Kementerian Kewangan sekarang hutang ini perlu mematuhi kehendak-kehendak beliau pada masa itu. So, saya harap kita boleh berhentikan peribahasa itu, "Harapkan pagar, pagar makan padi". Mereka ini 'jaga' kementerian ini pada masa itu tetapi mereka boleh buat segala-galanya dengan imuniti.

So, saya harap jawab soalan ini dan jangan kata, "Oh, sindir sini sindir situ" sebab saya tahu soalan saya adalah benar. Parlimen tidak payah menolong pegawai kerajaan sebab kita Ahli Parlimen ada hak hendak bertanya. Jikalau tidak benar, jawab sahaja tidak benar. Mengapa hendak tolak soalan itu? Jikalau hendak dikatakan fitnah, di mana fitnah? Sebelum siasatan pegawai-pegawai Parlimen telah buat keputusan ini adalah fitnah dan ini adalah tohmahan. Ini Parlimen, ini bukan kedai kopi ataupun pejabat dalam kementerian di mana pegawai ada hak untuk hendak tolak soalan Ahli Parlimen dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Tadi ini Kementerian Kewangan, tetapi *Little Napoleon* ini dalam DBKL lebih ramai. Ada lebih kurang pegawainya dahulu 12 ribu orang dan sekarang sudah dikurangkan oleh Datuk Bandar sekarang kepada 10 ribu orang. Seramai 10 ribu orang ini pun saya rasa terlampau ramai oleh sebab mereka masih tidak boleh menjalankan kerja. Mungkin mereka perlu lagi ramai, 40 ribu atau 100 ribu orang baru boleh.

Masalah itu bukan angka pekerja. Masalah itu oleh sebab sikap mereka, "tidak apa", mereka tidak peduli apakah dasar kerajaan seperti dasar Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, 1Malaysia, mereka tidak peduli. Mereka hendak buat ikut suka dan hati mereka sendiri. Saya ingin memberi satu contoh yang amat jelas di Jalan Danau Kota di Wangsa Maju,

developer telah bangukan satu bangunan tetapi *frontagenya* lebih tinggi daripada jalan. Tinggi *frontagenya* lebih kurang 10 kaki daripada jalan besar itu.

DBKL boleh beri kelulusan dan membuat jalan untuk menaikkan dan meninggikan jalan itu untuk sebahagian jalan sahaja, kemungkinan lebih kurang 100 kakikah. Untuk sebelah daripada JPJ sebelah kiri itu sahaja, 10 kaki tinggi, sebelah situ 10 kaki rendah dan sebahagian jalan sahaja. Ini menimbulkan tentang keselamatan jalan raya. Bayangkanlah suatu hari ada orang bawa kereta terlampau laju atau apa, terus hentam pagar itu dan terus jatuh ke seberang jalan, bukankah nyawa akan terkorban?

Bagaimanakah DBKL boleh beri kelulusan itu dan membenarkan pembinaan sedemikian? Apa yang saya tahu biasanya *developer* mesti mematuhi kehendak-kehendak ataupun syarat-syarat undang-undang DBKL. Ini DBKL pula perlu mematuhi kehendak *developer* dan bina pula jalan tinggi-tinggi supaya jalan itu bersama dengan *frontage* bangunan itu. Siasat jabatan yang memberi kelulusan itu. SPRM masuk dan kesemua pegawai tinggi yang beri itu gerenti boleh dapat di bawah *living beyond their means*. SPRM sudah masuk dalam kastam, bagus. kita bersetuju. Saya rasa lebih tepat masuk dalam DBKL. Di situ saya rasa lebih teruk. Lihat, pembangunan di Kuala Lumpur tidak teratur.

Di Mont Kiara banyak kondominium. Di Wangsa Maju banyak kondominium naik dan *car park* atau tempat letak kereta tidak mencukupi, kesesakan jalan, pengangkutan awam ada masalah, tidak ada *bus service*. Tidak mengambil kira infrastruktur. Kadang-kadang tidak cukup air, longkang kecil tetapi diberi juga kelulusan. Mereka diberi kerana apa? Saya tahu kerana banyak pembayaran 'tanpa resit'. Jika saya kata rasuah, Yang Berhormat akan marah saya. Bayaran 'tanpa resit' sahajalah kita gunakan. Kalau tidak bagaimanakah banyak kelulusan diberikan begitu sahaja sedangkan kita sudah ada peraturan sama di Kuala Lumpur dengan di Singapura. Akan tetapi, di Singapura mereka ada pembangunan yang teratur.

■1700

Oleh sebab apa? Oleh kerana penguatkuasaan dilaksanakan dengan baik dan juga kebenaran dilaksanakan di bawah polisi dan regulasi yang sedia ada. Di Danau Kota atau *Uptown* (Pasar Malam), mana ada pasar malam dalam dunia dekat dengan rumah kediaman dijalankan daripada jam 8 malam sampai 4 pagi tiap-tiap malam sampai penduduk sudah marah. Perkara ini adalah sebelum saya menjadi Ahli Parlimen. Kalau saya dijadikan Ahli Parlimen, tidak akan jadi.

Selepas itu, 580 penduduk di sana sudah menandatangani satu petisyen kepada Datuk Bandar, bukan kita menentang atau membantah mereka berniaga mencari rezeki, kita tidak, kita sokong sesiapa yang hendak mencari rezeki. Akan tetapi semasa mencari rezeki janganlah ganggu kacau penduduk-penduduk di sana. Ini ada pasar malam di sana lebih kurang, *just a stone throw way*, amat dekat. Penduduk di sana sudah marah dan Datuk Bandar setuju bahawa pasar malam ini dipindah. Sudah satu tahun keputusan itu dibuat dalam perjumpaan mesyuarat

antara Datuk Bandar dengan Ahli Parlimen. Saya bangkit di sini juga kalau tidak salah Yang Berhormat Menteri Wilayah pun bersetuju.

Kini tidak ada tindakan dan tidak ada gerakan untuk berpindah, cuma satu alasan sahaja iaitu belum cari dapat tempat. Tidak akan 10 ribu orang pekerja di DBKL tidak boleh mencari tempat. Warga kota sudah marah, penduduk yang tinggal di sana, para penjaja di Danau Kota ini adalah dari luar kawasan, ada Cambodia, ada *group* yang lain seperti Indonesia. Bukankah kerajaan perlu jaga penduduk serta pengundi di sana. Satu lagi saya harap boleh ambil tindakan, kalau belum cari atau mendapat tempat, sila ambil tindakan dengan segera supaya kurangkan hari perniagaan mereka daripada tujuh hari ke tiga hari dahulu supaya dapat mengurangkan gangguan.

Satu lagi iaitu mengenai dengan masa bekerja kontraktor di Wilayah Persekutuan, ini sudah ditetapkan oleh Datuk Bandar. Ada satu undang-undang iaitu jam 8 pagi sampai jam 6 petang tetapi sekarang ada yang kerja sampai 8.30 malam, 10.30 malam, mereka dapat kebenaran. Bila kita tanya Datuk Bandar, tidak ada. Jadi bagaimana, kenapa terjadi keadaan demikian? Oleh sebab apa, permit yang diberi adalah dengan bayaran tanpa resit. Kalau tidak bagaimana, di mana orang balik daripada rumah hendak *relax*, hendak tidur tidak boleh sebab ada pembinaan yang bukan sampai pukul 8 malam sahaja tetapi sehingga 10.30 malam dan 12 malam. Di Bank Rakyat, Brickfields, kawasan Lembah Pantai di sana, sampai 10.30 malam diberi kelulusan.

Kenapa begini, baru-baru ini, KP Property di Diamond Square, berpuluh-puluh kali penduduk membuat laporan di kepada ISPA, DBKL dan saya sendiri buat laporan. Itu pembantu saya buat laporan kepada ISPA, semua ada rekod, panggil menteri *check*, ada rekod semua. Dua tiga malam dahulu, kerja sampai pukul 10 malam, kita buat laporan pukul 8 malam mengenai dengan kerja luar masa, *DBKL Flying Squad* sampai di tempat kejadian pukul 11 malam, tiga jam. Inikah rakyat didahulukan, inikah pencapaian diutamakan? Malulah, ini slogan sudah... Alamak saya hendak cakap nanti kata terlampau pula. Jadi, contoh yang sebegini bagaimana pula?

Di Kuala Lumpur, *permanent structure* iaitu gerai. Banyak gerai ada struktur tetap sedangkan kita ada dasar, kita ada *regulation*, undang-undang iaitu tidak membenarkan struktur tetap tetapi tidak ada tindakan, lebih banyak. Di Wangsa Maju, di kawasan Danau Kota, kita telah buat aduan, tulis surat rasmi kepada DBKL, ini ada struktur tetap di tepi jalan ganggu kacau, apa tindakan? Penguat kuasa kata, mereka tidak tahu, jadi kita maklum, hantar gambar dan naik blok. Bila mereka tahu, mereka keluar notis, 20 April tindakan akan diambil tetapi sampai sekarang tidak ada tindakan diambil lagi. Apa alasan apabila kita telefon, mereka kata beri peluang untuk mereka yang terlibat meroboh. Takkan April 20 sampai sekarang Jun, sudah dua bulan tidak ada tindakan diambil, tidak boleh roboh lagi.

Kita hendak menjadikan Kuala Lumpur ini satu *world class city*, bagaimana hendak jadi *world class city* kalau kita ada yang begini. Sini ada struktur tetap, situ ada gerai tetap. Bukan kita bantah untuk mereka mencari rezeki, kita perlu teratur sedikit, turutlah peraturan serta dasar yang sedia ada. Kenapa mereka tidak turut? Ini adalah kerana *Little Napoleon* inilah yang sentiasa menerima dan memberi permit tanpa resit, pembayaran tanpa resit, inilah masalah. Masalah mereka adalah apa, masalah mereka ialah 'tidak apa'. Berani saya berkata di sini terus terang, kalau kerajaan tidak mengambil tindakan dengan segera untuk menukar sikap mereka ini, saya rasa rakyat di Kuala Lumpur akan lebih benci kepada Kerajaan Pusat oleh kerana mereka tiap-tiap hari perlu berdepan dengan pegawai DBKL. Jadi, mereka ini akan benci, bila mereka benci, mereka akan maki, caci, maki hamun kerajaan. Jadi, saya berharap sila ambil tindakan. Masalah ini timbul kerana mereka pegawai-pegawai di DBKL ini tidak boleh di *transfer* dan tidak boleh di tukar keluar, mereka ini adalah *closed system*. Akan tetapi kalau jabatan kerajaan lain boleh di *transfer*, DBKL ini tidak boleh kerana *Local Government Act*.

Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dikeluarkan satu program iaitu *Fertilization Program* untuk mereka diambil keluar kepada jabatan kerajaan yang lain supaya mereka dapat lebih pengalaman tetapi mereka tidak setuju keluar, jadi kerajaan tidak boleh apa. Kalaulah kita boleh tetapkan hak mereka di bawah *Local Government Act* atau Akta Kerajaan Tempatan, Parlimen bersama boleh tukar itu, pindahan akta itu dan supaya mereka boleh di *transfer* keluar...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Keluar di mana?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Di mana-mana pun atau kalau boleh buang kerja kalau mereka tidak kerja dengan baik dan tidak melaksanakan dasar kerajaan. Jadi, saya harap kita pindahkan *Local Government Act* supaya mereka sama dengan pegawai yang lain, supaya mereka boleh menyedari diri bahawa mereka perlu bekerja untuk rakyat, bukan bekerja untuk mereka ataupun kontraktor-kontraktor tersebut. Saya harap kita boleh ambil tindakan dengan segera dan saya juga berharap SPRM berhati-hati ambil tindakan. Kalau boleh masuk dalam DBKL, tender dan sebagainya.

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Saya telah bangkit di sini mengenai dengan Astro beberapa kali di mana Astro ini adalah satu monopoli. Sudah diketahui umum bahawa Astro ini adalah monopoli. Jadi, soalan saya amat *simple*, sama ada kementerian berhasrat memecahkan monopoli ini untuk kepentingan rakyat kerana apa-apa monopoli juga tidak boleh diterima.

■1710

Tengoklah Telco sekarang. Kita ada banyak syarikat Telco. Apa berlaku? Itu caj turun, ada *special offer* sini, *promotion* sini oleh kerana mereka hendak menarik itu pelanggan. Astro tidak peduli. Astro ini juga saya hendak menyatakan di sini adalah satu syarikat asing bukan syarikat tempatan. Kenapakah mereka diberi hak istimewa di mana mereka boleh kawal semua

program di sini? Ini adalah penting kita kena jaga kepentingan rakyat. Tengoklah angka pelanggannya - 1.7 *million* orang Melayu, 600,000 orang Tionghoa, 300,000 orang India dan 220 orang lain-lain. Kalaulah kerajaan tidak berhasrat untuk membantu orang Melayu yang 1.7 juta orang ini tidak apa, bantulah orang Tionghoa dan orang India. *So*, ambil tindakan dengan segera.

Kedua, Telco kita tengok banyak itu, *tower Telco* yang dinaikkan di rata-rata tempat. Saya dapat satu aduan daripada Sekolah *the British International School*...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bangun*]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Di Changkat Bukit Utama, Bandar Utama.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh *gostan* sedikit.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, ada pengaduan sampai kepada saya. Orang yang melihat TV, TV1, TV2, TV3 gambarnya tidak terang, ada gangguan. Akan tetapi, kalau dipasang Astro baru gambarnya jadi terang. Apakah ini ada sabotaj secara halus di mana penonton TV yang tidak berbayar yang *free* terpaksa hendak melanggan Astro supaya gambar TV1, TV2 dan TV3 jadi terang. Saya tidak tahu, saya tidak hendak tuduhlah. Akan tetapi, dahulu belum ada apa-apa terangnya. Kementerian Penerangan kita buat kerja baik sebenarnya tetapi ini masalahnya. Jadi mahu tidak mahu *you* kena juga melanggan Astro benar tidak benar saya tidak tahu. Ini saya diberi pengaduan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Memang saya ada dapat aduan sedemikian. Apakah tindakan diambil yang perlu yang pentingnya kementerian kena ambil tindakan mengenai perkara ini. Janganlah kata tidak tahu dan iklan-iklan yang dijalankan dikeluarkan dalam Astro ini kementerian kata ada 10 minit sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah mekanisme yang digunakan untuk menentukan Astro tayang 10 minit sahaja? Saya rasa tidak ada. Semuanya dapat terima sahaja daripada Astro. Jangan begitu. Ambil tindakan. Bila hujan tidak ada *service*...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tidak ada perkhidmatan dan caj?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Nanti, nanti. Caj itu bagaimana? Tidak dibayar balik itu yang penting. Kalaulah kita bayar lewat. kena potong. Apabila kita hendak sambung, kena bayar. *So*, semua caj sebab itulah Astro baru boleh untung RM700 juta yang bersih *and directomya* dapat gaji dia berapa *expenses*, berapa perbelanjaan dia? *Director fees* RM2 juta setahun. Kenapa, kenapa apa? Kenapa dianggapkan orang Malaysia ini bodoh. Memang *cak bo liau*, setuju. *So*, saya harap kementerian ambil tindakan ini.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [*Bangun*]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Masa singkat Yang Berhormat minta maaf. Mengenai dengan itu *British International School...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh mula gulung Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Gulung, sedikit lagi. Mengenai dengan *tower Telco* ini di *British School*. Satu Changkat Bukit Utama, Bandar Utama di mana Telco itu dibangunkan dekat sekolah murid kecil sahaja. Ini adalah satu kajian daripada *World Health Organization* di mana mereka katakan ini akan menjejaskan kesihatan anak-anak murid khususnya yang umur daripada 10 tahun sampai 20 tahun. Apakah tindakan diambil? Di Wangsa Maju juga diambil. Kita bangkit di sini tulis surat barulah kementerian ambil tindakan. *So*, sekarang ini ada satu lagi kita tidak boleh ada Telco ini dekat rumah orang, di tepi sekolah oleh kerana ini begitu menjejaskan kesihatan rakyat.

Ada satu lagi yang terakhir mengenai Petronas Ombak Simfoni Sdn. Bhd. Tadi saya sudah cakap Ombak Simfoni Sdn. Bhd. diberikan *perpetual agreement* sama dengan MAS, *cateringnya* diberi *perpetual agreement*. Walaupun ada kontrak yang sedemikian, kementerian mesti arahkan Petronas dan juga *our* Khazanah untuk MAS. Pecahkan kontrak itu kerana tidak adil untuk kerajaan. Akhirnya tidak adil kepada rakyat. MAS, April ini saya dapat maklumat di mana satu *stewardess* ditampar satu orang daripada *Middle East*. *So*, dua-dua *stewardess* pun di *off loaded Middle East* itu pun daripada Saudi Arabia itu juga di *off loaded*. Okey, itu bagus.

Stewardess buat laporan polis. Tiada tindakan diambil oleh MAS. Tiada tindakan diambil oleh polis tetapi yang paling mustahilnya adalah keesokannya itu orang ini yang rampas *stewardess* kita ini *diupgraded* daripada ekonomi kepada *business class*. Apa itu *management* MAS ini? Sudah kelam kabut, saya malu! Kalaulah benda ini berlaku kepada *Singapore Airlines*, *British Airways guarantee* mereka kena masuk lokap, kena jel dan tidak dibenarkan naik MAS. Akan tetapi, MAS *management* ini boleh *upgrade* lagi. Polis tidak ambil tindakan walaupun laporan polis telah dibuat. MAS tidak ambil tindakan. Ini sila ambil perhatian dan kita perlu dapat satu jawapan daripada Kementerian Dalam Negeri terhadap polis dan Kementerian Kewangan, Khazanah kenapa MAS boleh *upgrade* dalam keadaan demikian? Tidak *banned* dia. Kita mesti jaga pekerja kita.

Kementerian Pengangkutan. Wah! Sentiasa kita tengok AirAsia. Wah! Dia kata AirAsia ini tidak diberi layanan yang baik dengan kementerian. Saya cakap disini. AirAsia beri 32 destinasi. Daripada 32 destinasi ini mereka tidak jalankan mereka cuma ada 16 destinasi sahaja mereka jalan, yang 16 lagi tidak. Sekarang mereka batal tiga destinasi. Semuanya baru 13. Sekarang mereka mahu lagi *South Africa*, ini apa? Mereka cuma hendak jalan destinasi yang untung sahaja tetapi MAS mesti pergi ke destinasi walaupun tidak untung, MAS perlu dijalankan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini adilkah? So, berhentikan. Jangan beri destinasi lagi. Kalau AirAsia tidak jalankan destinasi yang diluluskan oleh Kementerian Pengangkutan, jangan berikan semua destinasi yang baru lagi dan tarik balik destinasi yang 16 ini kerana AirAsia tidak perlu! Kita hendak mereka jalankan destinasi itu supaya boleh menarikkan pelancong, tetapi tidak. Mereka cuma hendak dapat untung sahaja bukan untuk kepentingan negara ini. Itulah saya harap kita boleh dapat penjelasan, kementerian boleh jelaskan perkara-perkara yang saya bangkit di sini. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Sri Gading hendak balik awal Yang Berhormat? Ya, Yang Berhormat Sri Gading.

■1720

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di senja-senja, di petang-petang yang redup ini memberi peluang untuk saya bersama-sama bagi membahaskan akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan, wang tambahan perkhidmatan tahun 2011 yang diuntukkan kepada beberapa kementerian. Saya cuma hendak sentuh dua kementerian. Sentuh secara pantas dan ringan-ringan sahaja saya punya hujah.

Pertamanya Kementerian Pelajaran. Di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, ada 11 buah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Semuanya dibangunkan oleh masyarakat Tionghoa di kawasan saya. Masyarakat Tionghoa di kawasan saya dia memberikan perhatian yang serius kepada pendidikan anak-anak. Satu sifat yang terpuji dan mereka memberikan perhatian yang berat kepada pendidikan anak-anak bukan dengan cakap-cakap kosong. Dia mengeluarkan modal, mengeluarkan perbelanjaan dan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh ibu-bapa yang menghantar anak-anak ke sekolah ini bukanlah sedikit, besar. Mungkin kepada orang kaya macam Yang Berhormat Gombak terlampau kecillah, dia kaya bukan. Akan tetapi bagi sesetengah orang yang berpendapatan rendah, dia kadangkala RM600 atau RM700 itu besar, tinggi.

Jadi ada sebuah sekolah yang merayu sangat kepada pihak Kementerian Pelajaran. Dia hendak buat bangunan tambahan. Penduduk di kawasan saya, di kawasan orang-orang Cina duduk ini, ia padat. Sekolahnya sudah penuh dan awal tahun ini Tuan Yang di-Pertua, dia terpaksa sekolah dan guru besar, PIBG, Lembaga Pengarah, pengurus dia dengan rasa berat hati menolak permohonan murid-murid yang hendak belajar kerana tempat belajar sudah tidak cukup, sudah padat. Sebuah sekolah sampai 1,000 lebih anak-anak murid Tuan Yang di-Pertua.

Jadi mereka memohon bantuan Kementerian Pelajaran. Sudah disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, sudah disampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran iaitu Yang Berhormat Ayer Hitam. Bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran Batu Pahat, Yang Berhormat Ayer Hitam. Sudah diluluskan, daripada tahun 2008

diminta sampailah hari ini belum lagi muncul-muncul bantuan yang dijanjikan. Mereka hendak bina tambahan RM1.8 juta, mereka memerlukan RM500,000 sahaja. Maknanya RM1.3 juta dikeluarkan dari kocek ibu-bapa. Jadi saya merayu melalui perbincangan kita pada petang ini Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan Kementerian Pelajaran ini ialah RM1.5 bilion.

Untuk pengetahuan, untuk tahun 2011 ini RM1,540,369,000. Saya cuma minta RM500,000. Setengah juta Tuan Yang di-Pertua. Saya haraplah rayuan saya ini Tuan Yang di-Pertua...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bantu Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Bukit Mertajam. Sila, sila Yang Berhormat Bukit Mertajam, ini sahabat lama.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya memang kagum dengan ucapan Yang Berhormat Sri Gading kerana dia menyampaikan masalah yang dihadapi oleh SRJK(C). Ini merupakan dan ini betul-betul semangat 1Malaysia. Ini semangat 1Malaysia. Ini tidak serupa dengan Barisan Nasional. Barisan Nasional dia mengagih-agihkan, dia membeza-bezakan sekolah rendah jenis kebangsaan dan juga sekolah kebangsaan. Oleh sebab itulah Yang Berhormat Sri Gading perlu datang ke sini untuk merayu. Saya hendak tumpang kerana di Pulau Pinang, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Puay Chai di Batu Feringhi. Dia perlu membina bangunan yang baru kerana sudah tidak cukup. Dia memerlukan RM3.5 million. Akan tetapi satu sen pun kerajaan tidak beri. Minta, minta, minta, minta, tak beri pun. Akan tetapi kita boleh membelanjakan RM1.8 bilion untuk satu *Facebook* yang sepatutnya *free*. Apakah pendapat Yang Berhormat Sri Gading?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya susahlah. *You* puji saya, *you* hentam Barisan Nasional, saya tidak dapat terima. Pasal Barisan Nasional sudah banyak duit yang diberikan pertolongan kepada sekolah rendah jenis kebangsaan. Sibu hari itu RM3 juta. Hulu Selangor RM3 juta. Mana lagi? Maknanya Barisan Nasional sudah banyak bagi.

Jadi Yang Berhormat Bukit Mertajam, kalau Yang Berhormat hendak minta, mintalah. Akan tetapi jangan mengata Barisan Nasional pula, tidak bagus. Barisan Nasional tetap bagus. Yang Berhormat suka atau tidak suka, Barisan Nasional memang tetap bagus. Sudah mengamalkan kebajikan 50 tahun dahulu. Bukan macam PAS baru semalam hendak ubah, hendak bagi kebajikan. Barisan Nasional sudah lama memberi kebajikan kepada rakyat. Jadi sekolah yang saya maksudkan itu Tuan Yang di-Pertua ialah Sekolah Jenis Kebangsaan Hua Min. Hua Min apa kalau dalam bahasa Melayu? Hua Min, Sekolah Rendah Hua Min lah. Mintalah RM500,000 itu disegerakan pasal mereka sudah tidak sabar-sabar kerana pembinaan ini memakan masa. Mereka mengharapkan supaya tahun 2013, sekolah ini boleh digunakan. Jadi penolakan mereka kepada anak-anak murid yang baru hendak mendaftar dapat dielakkan. Ini jadi yang pertama.

Keduanya, saya hendak memuji sepuji-pujiannya. Macam mana itu? Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, saya hendak puji sepuji-pujinya. Tidak ada pulalah, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak ada. Kementerian Dalam Negeri, saya tabiklah pihak polis. Kementerian Dalam Negeri minta RM30 juta kerana perbelanjaan tambahan membiayai soal keselamatan dalam pilihan raya di Sarawak yang lalu. Saya ucapkan tahniah kepada pihak polis kerana itulah pilihan raya yang saya rasa aman kerana polis menjalankan tugasnya dengan profesional, adil, teratur, bersungguh-sungguh 24 jam. Tidak ada benda-benda yang... *[Disampuk]* Mencemarkan..., apa lagi ya? Yang mendebarkan, yang membahayakan, yang apa lagi?... *[Disampuk]* Ya lah, itulah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, boleh saya tanya sedikit? Sambung sedikit.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sambung sedikit, sambung sedikit boleh?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Oleh sebab Yang Berhormat sebut pilihan raya Sarawak, apakah Yang Berhormat sedar semasa ataupun sebelum pilihan raya Sarawak berlangsung, salah seorang bekas peguam iaitu bekas peguam Majlis Peguam Malaysia, namanya Amiga membuat kenyataan kalau pilihan raya tidak telus berlaku di Sarawak, beliau menyeru rakyat bangkit berhimpun seperti di Tahrir Square, Mesir. Apakah itu bukan satu hasutan yang membahayakan kepada keselamatan negara?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya rasa nama yang disebut ini, dia juga pelopor ketua kepada tindakan Bersih yang kotor yang dijangka pada 9 hari bulan. Bagi saya, Kementerian Dalam Negeri, si beliau ini yang disokong oleh Mat Sabu, tangkap - ISA. Buang dia ke Kamunting, lekas-lekas, awal-awal... *[Disampuk]*

Tangkap, tangkap, pasal begini. Tangkap pasal negara kita sudah aman, tenteram, pilihan raya sudah telus. Ada 16 buah pilihan raya kecil, lapan kita kalah, lapan kita menang. Lima negeri awalnya dia menang. Kalau hendak kata tidak bersih, okey. Suruh kerajaan negeri yang dikuasai oleh pembangkang, letak jawatan. Kita adakan pilihan raya balikkah.

■1730

Saya hendak sampai kepada matlamat ini. Saya harap 9 hari bulan ini, Kementerian Dalam Negeri sekat. Saya tengok sudah ada kumpulan, 57 NGO, Gerak Aman, PERKASA, Pemuda UMNO hendak mempertahankan SPR dan akhirnya, dua kumpulan ini, satu yang kononnya hendak menghentam SPR, satu yang mempertahankan SPR akan berlagu dan akhirnya Melayu sama Melayu akan bertumpahan darah...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon celahan Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau Melayu dengan Melayu bertumpah darah, dahsyat bagi negara ini! Kalau Melayu dengan Melayu bertumpah darah,

orang lain akan jadi pemerhati, orang lain tiup wisel, kita berlaga, akan berlaku satu kedahsyatan bagi negara ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak usahlah.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tak nak bergaduh dengan orang perempuanlah. Saya jantan tulenlah.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Jantan tulen itu tidakkah Yang Berhormat kena bagi laluan Yang Berhormat? Itu tidak jadi persoalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, tidak. Bonda anda dahulu pun saya tidak pernah hendak kacau pasal saya punya prinsip tidak lawan perempuan.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya tidak ganggu. Saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya melawan orang lelaki. Engkau datang pakai mulut aku tunggu, engkau datang pakai tangan pun aku tunggu. Ini anak jantan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kalau tidak bagi, cakap sahajalah Yang Berhormat,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang mana Yang Berhormat bagi ini, nak bagi Lembah Pantai?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Okey, terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Sri Gading, bukan jantan atau betina... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Dia bagi jalan kepada Yang Berhormat Pasir Mas Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Kita bercakap dengan tenang, dengan penuh bertanggungjawab. Tadi Yang Berhormat Ipoh Timur ada cakap, dia mengaitkan dengan nama saya dan saya tidak ada di sini. Saya berjumpa dengan Ketua Pengarah MARA bersabit dengan isu biasiswa kepada pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di Mesir. Itu tanggungjawab untuk memperjuangkan nasib kaum bumiputera.

Jadi dia ada menyebut, dia kata saya ada membuat kenyataan dan saya hendak minta pandangan Yang Berhormat bahawa kenyataan saya ini tidak pernah berlaku dalam sejarah, satu ucapan ugutan apabila saya mengatakan kalau Bersih 2.0 meneruskan tindakan mereka, maka ada pihak NGO lain juga akan meneruskan perhimpunan tersebut. Maknanya akan bertembung.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, pada masa yang sama, saya menyatakan kalau mereka membatalkan perhimpunan itu, kita juga akan batalkan dan mereka membuat kenyataan apabila Timbalan Ketua Polis membuat kenyataan perhimpunan ini haram dan polis tidak akan mengeluarkan permit, apakah itu tidak salah? Saya rasa ini yang lebih membahayakan kepada negara daripada kenyataan saya untuk mencegah sesuatu daripada berlaku di negara saya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat bagi Yang Berhormat Pasir Mas, kena bagi saya juga Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya rasa bekas Presiden Peguam ini lebih berbahaya dan saya tidak nampak Presiden PERKASA membuat ucapan yang menghasut dan sebagainya. Saya tidak nampak.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, saya hendak bantu kerana Yang Berhormat tidak nampak perkara yang jelas di depan mata. Kalau bagi Yang Berhormat Pasir Mas, kena bagi Lembah Pantai juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu sebab saya minta Kementerian Dalam Negeri, ada dua kenyataan yang dikeluarkan oleh bekas Presiden Peguam ini yang terang-terang macam mencabar keselamatan, benar-benar menghasut, benar-benar kalau kita biarkan ia berterusan, akan menjadikan malapetaka kepada negara ini.

Oleh sebab itu, kata orang, sebelum kita mengubat, lebih baik kita mencegah. Kalau kita hendak mencegah supaya jangan berlaku huru-hara dalam negara yang aman seperti begini, tangkap bekas Presiden Peguam ini dan tangkap Mat Sabu sekali supaya...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Boleh sedikit Yang Berhormat? Saya hendak jelaskan sedikit, Yang Berhormat keliru dan mengelirukan seluruh Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak berlaku peristiwa pelanggaran antara kumpulan Bersih yang kotor dengan pihak-pihak seperti Kumpulan Aman, Pemuda UMNO, Perkasa, NGO ini. Bagi sayalah.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Pasir Mas dapat *coverage Utusan Malaysia*, saya tidak dapat lagi. Tak kanlah di Dewan tidak boleh?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, kita mengambil tindakan untuk mencegah, bagi sayalah, untuk keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, majoriti rakyat sukakan keamanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita tidak mahu esok pihak polis pun bertempur, nanti tentera masuk. Ini yang diharap-harapkan oleh sesetengah pihak supaya hendak menunjukkan bahawa negara kita kacau bilau walhal tidak ada kacau bilau. Aman tenteram dan tidak ada apa-apa masalah. Orang Cina, orang Melayu, orang India berbagai-bagai kaum hidup dalam negara ini aman tenteram, tidak ada apa-apa. Akan tetapi sengaja dicetuskan yang sebenarnya ada agenda lain yang tersembunyi. Ada agenda lain yang hendak ditutup, jadi buatlah huru-hara supaya ada hasrat-hasrat pihak tertentu dapat disembunyikan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan emosional sangat Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak beri kepada lelaki atau perempuan?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan emosional.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Sri Gading, Tangga Batu hendak cakap sedikit... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudahlah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya menyokong segala apa yang bajet ini dibentangkan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sabar, sabar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading sudah habis berucap.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Ini saya bangun untuk *turn* Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau seseorang sedang berucap tidak bagi jalan, tidak payahlah mendesak, merayu. Tidak payahlah.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Bangun*]

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya bangun kerana Yang Berhormat Sri Gading kata perempuan dia tidak hendak bagi, nak bagi lelaki. Saya bangunlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu terserah kepada dia Yang Berhormat sama ada hendak bagi jalan atau tidak bagi jalan. Semua yang bangun ini hendak mencelah atau hendak berucap?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Hendak berucap.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya hendak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau hendak berucap, saya bagi Yang Berhormat Gombak.

5.35 ptg.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan tentang satu permohonan untuk Menambah Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2011. Seperti yang kita saksikan, satu peruntukan yang cukup besar dipohon berjumlah lebih RM13 bilion dan ini akan melonjakkan perbelanjaan tahun 2011 kepada RM175 bilion. Salah satu sektor yang menyumbang kepada lonjakan pertambahan perbelanjaan ini adalah sektor untuk menampung pembayaran subsidi barangan petroleum termasuk subsidi gas cecair, diesel dan petrol berjumlah RM5.6 bilion, dan juga sejumlah RM150 juta untuk menampung pembayaran subsidi bagi pengecualian bil elektrik bulanan bagi penggunaan RM20 dan ke bawah.

Kedua-dua isu ini mempunyai hubung kait yang sangat rapat dan menjadi perbahasan yang cukup hangat di peringkat rakyat yang merupakan satu kumpulan yang terkesan dengan tindakan kerajaan menarik balik subsidi untuk rakyat. Demi rakyat, Pakatan Rakyat akan berusaha untuk menjamin satu pengagihan kekayaan negara dengan adil (*equitable distribution*) dan memperkemaskan sistem penyampaian ekonomi (*economic delivery*) yang lebih efisien.

Saya menerima hakikat bahawa kos bahan mentah semakin meningkat dan Malaysia pastinya terkesan dengan pengaruh ekonomi global termasuk harga petroleum di peringkat antarabangsa yang juga turut meningkat. Namun, cabaran bagi sesebuah kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat ialah bagaimana kita membantu rakyat khususnya bagi golongan yang berpendapatan rendah dan miskin, untuk menangani masalah kos yang semakin tinggi. *Insyaa-Allah*, dasar-dasar kepedulian rakyat yang terkandung dalam Buku Jingga mampu menangani persoalan ini.

Dalam membahaskan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, perkara asas yang perlu dimaklumkan kepada Dewan ini ialah tentang jumlah gas yang dijual oleh Petronas kepada sektor penjana tenaga. Itu perkara pertama yang perlu dilaporkan dalam Dewan. Saya difahamkan harga yang dijual kepada IPP sebelum ini ialah pada kadar RM10.90 satu unit gas. Namun, Yang Berhormat Menteri pada pagi ini dalam menjawab soalan di Dewan ini telah memaklumkan bahawa harga yang dijual kepada IPP telah meningkat kepada RM13.70, dan harga di pasaran terbuka ialah sekitar RM45.

Maka persoalan yang timbul ialah jumlah subsidi yang dibayar kepada IPP ini berjumlah RM19 bilion. Persoalan yang kita juga ingin kita ketahui ialah apakah definisi subsidi yang difahami oleh kerajaan untuk mengelakkan berlakunya elemen *pass through* daripada IPP kepada TNB dan daripada TNB kepada pengguna.

■1740

Dalam dasar rasionalisasi yang diumumkan oleh kerajaan, saya mencadangkan supaya kerajaan melihat semula kepada mekanisme ini yang sebenarnya ia tidak merupakan satu subsidi yang memberikan keuntungan kepada rakyat, namun ianya lebih tepat kepada definisi *lost of income opportunity* ataupun pendapatan yang dilepaskan oleh Petronas dan diberikan subsidi terus kepada IPP. Dalam satu rencana yang ditulis oleh Teh Chi Chang, Pengarah Eksekutif Badan Pemikir REFSA beliau menyebut generasi pertama IPP khususnya YTL telah memungut satu jumlah keuntungan yang cukup besar akibat struktur perjanjian yang berat sebelah yang telah memasukkan satu klausa "*take or pay*", di dalam perjanjian tersebut, dan ianya lebih menguntungkan IPP. Sudah tentulah perjanjian seperti ini tidak memenuhi piawaian antarabangsa yang menuntut supaya perjanjian kontrak mestilah berdasarkan kepada kontrak *energy capacity*.

Sehubungan dengan itu, saya mendesak supaya kerajaan mengambil sikap yang lebih terbuka dan menjalankan pentadbiran yang telus dengan mengemukakan dan mendedahkan maklumat kepada rakyat tentang *generation plan*, kerana kita ingin tahu apakah *install plan* yang telah dirancang untuk setiap tahun dan bagaimana perancangan ini jika dibandingkan dengan permintaan yang sebenar.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kita juga ingin membangkitkan tentang dasar pemberian lesen, di mana Dewan ini perlu mendapat maklumat yang lebih tepat berhubung dasar pemberian lesen kepada syarikat swasta ataupun *private companies*...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Pencilahan Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat pergi ke..., kalau boleh?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ya, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia bagi jalan Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih, dia adil kepada wanita juga. Kalau boleh Yang Berhormat, sebelum pergi ke tajuk lain, saya hendak rujuk sebentar tadi Yang

Berhormat sebut tentang perjanjian IPP, TPA yang sedia ada, ada janji terbuka, janji kepada umum yang diberikan oleh Timbalan Menteri MITI, Yang Berhormat Jerlun menyatakan kalau kita Ahli-ahli Parlimen mahu dan kita pohon supaya perjanjian IPP ini diberikan kepada setiap seorang daripada kita untuk kita nilai dan kita lihat sendiri, apakah sebenarnya di sebalik kata-kata Menteri-menteri pimpinan Barisan Nasional yang bercanggah antara satu sama lain.

Adakah Yang Berhormat merasakan inilah medan terbaik di kala peluang yang terbaik bagi kerajaan memberi setiap seorang Ahli Parlimen perjanjian tersebut, supaya kita dapat sebagai wakil rakyat menilai adakah perjanjian ini dirumuskan dengan memikirkan keperluan rakyat terbanyak. Mohon jawapan, terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat dari Lembah Pantai. Saya menyambut baik usaha Timbalan Menteri yang pada prinsipnya setuju untuk memberi laluan kepada Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Parlimen melihat kepada perjanjian tersebut, tetapi bagi saya perjanjian ini tidak tertakluk kepada kebebasan Ahli-ahli Parlimen untuk mendapatkan maklumat tetapi pengguna juga harus diberikan ruang yang sama kerana kos ini terpaksa ditanggung oleh mereka. Saya telah nyatakan tadi bahawa mengikut piawai industri tenaga antarabangsa, perjanjian ini sudah tentulah berat sebelah kerana *the first generation of* IPP khususnya YTL, mendapat keuntungan yang terlalu besar akibat satu *clause* yang disebut sebagai *take or pay* yang terkandung di dalam perjanjian tersebut, yang tidak memberikan dan tidak berpihak kepada pengguna tetapi berpihak kepada syarikat-syarikat yang menjadi kroni kepada Perdana Menteri pada ketika itu...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Sekiranya kerajaan hari ini mengambil sikap yang telus dan terbuka, saya tidak nampak alasan yang harus digunakan untuk menutup ruang-ruang kebebasan rakyat khususnya pengguna bagi mendapatkan salinan perjanjian tersebut, kerana ianya bersifat telus dan perlu diberikan pendedahan kepada semua pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota bangun Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Lanjutan daripada isu yang diulas tadi. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Gombak, ada pendapat mengatakan subsidi setelah sekian lama diwujudkan, nampak gayanya subsidi ini tidak dalam kaedah sebenar membantu rakyat yang teramai. Kaedah mewujudkan istilah subsidi itu seperti disebut tadi, itu sudah nyata membantu pihak-pihak yang disebut sebagai sengaja diwujudkan sebagai kroni yang mendapat manfaat secara langsung, tetapi kepada masyarakat umum, nampak gayanya sekarang apabila berlaku penstrukturan semula, rakyat ditanggung kerana bayaran itu dipindahkan, dibebankan ke atas rakyat dan nampak begitu jelas rakyat menanggung tetapi kroni tidak diusik pun dalam penstrukturan ini, itu perkara yang pertama.

Pendapat kedua mengatakan subsidi sekian lama ini telah diwujudkan sebenarnya perkara yang tidak ada dalam kenyataan ia. Ia diwujudkan atas kertas untuk mewujudkan satu jumlah yang sebenarnya daripada nilai kewangannya tidak ada, tidak ada sandaran. Maka, tujuan jumlah subsidi diwujudkan ini hanya semata-mata untuk mewujudkan *balancing figure* dalam proses belanjawan kita, ini pendapat yang sedang hangat diperkatakan sekarang, yang dibincangkan dan diwacanakan. Saya rasa sehingga kini, kerajaan tidak ada lagi memberi keterangan dan saya rasa ada maklumat yang banyak berkenaan dengan yang dikatakan subsidi ini semata-mata *balancing figure*, yang diwujudkan. Saya hendak tanya, apa pandangan Yang Berhormat Gombak? Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih sahabat saya dari Indera Mahkota. Saya bersetuju dengan pandangan tersebut. Kalau dilihat penjelasan yang diberikan oleh pihak kerajaan setiap kali kita membangkitkan soal subsidi yang berpihak kepada IPP, kerajaan akan menggunakan alasan bahawa ini bukanlah subsidi sekiranya Petronas tidak diarahkan untuk menjual kepada sektor tenaga ini pada kadar yang lebih rendah dan mengikut harga pasaran, maka, IPP akan menggunakan mekanisme ataupun elemen *passing through* ini kepada TNB. TNB juga terpaksa mengenakan satu kadar yang lebih tinggi kepada pengguna. Itu alasan yang digunakan oleh kerajaan, tetapi kalau kita lihat sekali lagi kepada kenyataan Bekas Pengerusi TNB, Tan Sri Ani Arope yang merupakan seorang pegawai yang amanah, berprinsip dan berani menentang Perdana Menteri ketika itu, Dr. Mahathir, di mana beliau mendedahkan bantahan keras beliau terhadap keputusan kerajaan yang dipimpin oleh Dr. Mahathir di mana pengeluar IPP sebagai contoh, Genting Sanyen dipaksa EPU menandatangani dengan kadar 14 sen satu unit, walaupun tawaran yang diterima TNB hanya 12 sen.

Kalau kita menerima tawaran 12 sen, mengapa Perdana Menteri memaksa TNB untuk menandatangani perjanjian pada kadar 14 sen? Ini menunjukkan kepimpinan UMNO lebih berpihak kepada tauke-tauke, kroni-kroni besar dan sanggup membiarkan rakyat dibebankan dengan kadar tarif yang lebih tinggi dan kos kehidupan yang lebih tinggi. Saya akan terus mendedahkan perkara yang menyebabkan kadar tarif ini terus naik. Perkara yang saya sebut tadi, dasar pemberian lesen oleh kerajaan UMNO ini yang memberi kepada *private companies*. Sebagai contoh, dua lesen telah diluluskan kepada *private companies* yang bernama Tanjung Bin dan Prai Tower. Kedua-duanya *private companies*.

Tidak lama kemudian, Malakoff mengambil alih Tanjung Bin dengan membayar untuk mendapatkan hak lesen tersebut pada harga RM850 juta dan untuk mendapatkan hak lesen daripada syarikat Prai Tower, Malakoff membayar RM150 juta.

■1750

Maka *public company* untuk mendapat hak lesen IPP tersebut mengeluarkan kos RM1 bilion. Mengapa tidak kerajaan membayar terus ataupun mengeluarkan terus kepada Malakoff maka Malakoff akan menjimatkan kos dengan nilai RM1 bilion dan sudah tentulah dengan jumlah

yang besar ini ianya dapat membantu mengurangkan kadar tarif yang tinggi yang terpaksa dibayar oleh kerajaan.

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan persoalan tarif ini dan juga bekalan elektrik dalam negara, kerajaan sering terlepas pandang dua komponen besar dalam struktur kos. Kerana dalam membicarakan dalam persoalan tarif, ianya bukan membicarakan soal *generation* sahaja. Dalam struktur kos ini ada tiga komponen utama iaitu yang pertama *generation*, yang kedua *transmission* dan yang ketiga *distribution*. Itu yang menyumbang kepada kos elektrik dalam negara kita. Akan tetapi kita di pihak kerajaan khususnya sering kali cuba menutup tentang peranan besar yang dimainkan oleh TNB di mana TNB bertanggungjawab soal *transmission* dan juga *distribution*. Maka kadang-kadang dalam membincangkan soal kadar tarif yang semakin hari semakin naik, sementara kita boleh memantau peranan dan pengaruh IPP yang cukup kuat dalam kerajaan hari ini, kita juga perlu melihat peranan TNB kerana dua elemen dalam struktur kos itu adalah dikuasai oleh TNB.

Kalau kita lihat amalan di United Kingdom dan juga Australia, apabila setiap pengguna mendapat bil elektrik, mereka akan dimaklumkan tentang pecahan struktur kos tersebut, berapa peratus yang disumbangkan oleh *generation*, berapa peratus disumbangkan oleh *transmission* dan berapa peratus disumbangkan oleh *distribution*. Jadi kita tahu sebenarnya pecahan kos yang dikenakan terhadap pengguna yang berkenaan. Namun ini tidak berlaku kerana banyak maklumat tidak diberikan kepada pengguna-pengguna dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian dalam ini tentang peruntukan tambahan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak RM13 bilion dan tujuannya adalah untuk membiayai antara lain penglibatan delegasi Malaysia daripada semua kementerian dan agensi dalam Mesyuarat Rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik ataupun TPP yang berjumlah RM8 juta ataupun 95% daripada jumlah perbelanjaan tambahan. *Trans-Pacific Partnership Agreement* ini melibatkan sembilan negara anggota dan perjanjian ini sudah tentulah mendedahkan negara kita kepada persaingan *global*. Justeru itu kita mahu Kerajaan Persekutuan harus memiliki watak pemain global bukan jaguh kampung ataupun minda sempit seperti yang kita saksikan di kalangan beberapa Ahli Parlimen Barisan Nasional dalam Dewan ini.

Yang penting Tuan Yang di-Pertua, kita mahu pasukan ataupun delegasi Malaysia yang terdiri daripada pegawai-pegawai daripada pelbagai kementerian dan juga Menteri khususnya mesti mempunyai kekuatan ilmu ataupun *negotiation skill* yang kuat, yang canggih untuk berdepan dengan negara-negara anggota yang lain sebelum kita memuktamadkan perjanjian tersebut. Kita tidak mahu apa yang berlaku di waktu-waktu yang lepas di mana beberapa pulau yang menjadi milik kedaulatan negara kita terlepas, kerana apa? Kerana kecuaihan delegasi dan Menteri yang tidak memahami perundangan, perairan dan juga terminologi peringkat antarabangsa yang lain sehingga kita terpaksa mengorbankan kedaulatan negara dan saya

berharap terima kasih mencapai maksud yang tersebut kita mencadangkan supaya perjanjian ini dapat kita kongsi dalam Dewan Rakyat ini supaya kita dapat juga menyumbang kepada satu perjanjian yang lebih kuat bagi kita mempertahankan kedaulatan dalam negara kita.

Saya difahamkan perjanjian TPP ini sudah di tahap yang akhir. Namun Yang Berhormat membimbangkan saya ialah oleh kerana ada asakan yang cukup kuat daripada pentadbiran Washington, kerajaan UMNO yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pekan hari ini tunduk kepada Amerika dan bersetuju pada prinsipnya untuk memasukkan satu *chapter* baru tentang *government procurement* di dalam perjanjian tersebut. Sudah tentulah kemasukan *chapter* ini yang sebelum ini kita tentang dan kita cuba pertahankan, tetapi saya dimaklumkan dari pegawai-pegawai kanan di peringkat terakhir ini nampaknya kita terpaksa melutut kepada pentadbiran Amerika dan memasukkan satu *chapter* baru dan ini akan mendedahkan negara kita kepada penglibatan syarikat-syarikat antarabangsa dalam usaha mereka untuk membida tender-tender kerajaan dan juga kontrak termasuk kontrak-kontrak perunding *consultancy* ini.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Mohon penjelasan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Walaupun sebelum... Sekejap. Walaupun sebelum perjanjian ini dimuktamadkan. Kita lihat seperti PEMANDU, yang menjadi juru perunding siapa? McKenzie, yang membelanjakan RM36 juta. Untuk memulihkan kerajaan baru ini juru perundingnya siapa APCO, belanjanya RM77 juta. Belum pun kita tandatangan TPP ini, kita sudah melepaskan kontrak-kontrak ini kepada syarikat-syarikat antarabangsa khususnya yang ada unsur Zionis Israel. Apatah lagi apa akan berlaku sekiranya *government procurement* ini dimasukkan sebagai satu *chapter* ianya juga melibatkan kontrak perundingan ataupun konsultasi. Jadi saya berharap perkara ini kena diteliti dan sebaik mungkin draf ini dibahaskan dalam Parlimen supaya dapat sama-sama kita menyumbang kepada satu perjanjian yang lebih kukuh bagi mempertahankan kedaulatan negara kita. Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit Yang Berhormat Gombak, mohon penjelasan. Carian kita menunjukkan bawah carian rasmi di *justice department* menunjukkan bahawa APCO dilantik khusus sebagai kononnya membantu negara dalam dua perkara. Pertama dalam aspek perdagangan meningkatkan dari segi pedagang dan juga anti *terrorism*. Akan tetapi di sini kita melihat minggu lepas MITI mengatakan bawah kononnya pembangkang yang menyebabkan FDI merosot. Namun di sini kita tengok, perdagangan pun tidak meningkat, tetapi perbelanjaan duit cukai rakyat dibelanjakan begitu tinggi, hatta lebih tinggi dari segi tahap sekiranya kita merujuk kepada standard dengan izin, *PR Agency* di Washington DC sendiri. Di sini kita belanja hampir RM70 juta lebih. Dan yang terbaru apabila kita bertanya di Dewan yang mulia ini, apa peranan APCO, katanya APCO hanya mengurus isu-isu mengenai komunikasi isu-isu multimedia dan hari ini kita tengok *website-website* kerajaan pasca pelantikan APCO telah terdedah kepada isu keselamatan yang paling bahaya sehingga membahayakan imej negara. Jadi saya dengan tegas atau memohon penjelasan Yang Berhormat Gombak, saya

rasa APCO ini patut dibatalkan. Maka ini menggalakkan dan merugikan duit negara. Jadi saya rasa ini perlu diambil tindakan tegas oleh kerajaan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau, saya bersetuju. Inilah perbincangan kita pada tahun yang lalu sehingga saya digantung selama enam bulan. Saya tidak pernah berehat dalam perjuangan ini sehinggalah saya digantung oleh Yang Berhormat Menteri. Namun saya terus mempertahankan prinsip ini. Kerajaan membelanjakan RM77 juta untuk membayar kepada APCO sebuah syarikat Zionis Israel semata-mata untuk memulihkan imej Perdana Menteri, isteri Perdana Menteri dan juga kerajaan UMNO dan Barisan Nasional.

■1800

Namun apabila kita melihat laporan yang terkini yang iaitu *World Competitiveness Report* ataupun indeks, prestasi Malaysia jatuh merudum daripada sembilan kepada 14. Muncul Yang Berhormat Menteri dalam Dewan memberitahu itu soal persepsi, sedangkan dia ada komponen bagaimana indeks itu diperolehi. Indeks persaingan dunia di mana indeks persaingan dunia, di mana Malaysia jatuh merudum daripada tangga sembilan ke-14. Yang Berhormat Menteri jawab persepsi, maka saya bersetuju dengan Yang Berhormat Balik Pulau, kalau itu jawapan Yang Berhormat Menteri, apakah peranan APCO?

APCO dilantik untuk memulihkan persepsi antarabangsa kepada Yang Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan UMNO tetapi kalau indeks itu semakin merudum maka hukumnya wajib APCO ditamatkan perkhidmatannya dengan serta-merta. *[Tepuk]* Akan tetapi ialah UMNO ini memang kawan dengan APCO, hendak bagaimana Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Minta penjelasan sedikit boleh? Sedikit sahaja. Agak menarik pengalaman saya di dalam kerajaan kalau ini adalah praktis biasa Yang Berhormat Gombak, sekiranya seorang kakitangan kerajaan dianggap cuai sehingga melibatkan hilangnya hasil kerajaan maka seorang kakitangan kerajaan itu *liable* untuk dikenakan surcaj. Perkara ini telah menjadikan amalan begitu lama. Dalam isu ini adakah sepatutnya APCO atau orang yang melantik APCO, jabatan yang membuat keputusan melantik APCO patutnya dikenakan surcaj yang begitu besar dan begitu orang kata begitu *crucial*, keputusan ini patut dibuat segera untuk mengelakkan kita lebih dalam lagi jatuh dalam isu persepsi ini. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Amalan kerajaan UMNO ini, dia sentiasa mencari kambing hitam dan menghukum pegawai-pegawai kerajaan. Dalam kes ini saya tidak bersetuju, yang patut dihukum bukan pegawai kerajaan tetapi yang patut dihukum ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri-menteri yang ada. Kerajaan UMNO itu harus dihumban dan digantikan dengan kerajaan baru Pakatan Rakyat, *insya-Allah*.

Saya ingin meneruskan bahawa sebab itu saya mencadangkan supaya Dewan ini perlu diberitahu tentang langkah-langkah khusus yang akan diambil oleh kerajaan untuk menyiapkan

local players ataupun pemain-pemain tempatan di kalangan pengusaha industri untuk bersaing dengan syarikat-syarikat antarabangsa. Kementerian bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Dewan ini hasil konsultasi mereka dengan dewan perniagaan tentang kesediaan ataupun *preparedness of our local players* dalam menghadapi perjanjian yang sudah hampir dimuktamadkan oleh kerajaan dan sembilan anggota yang lain.

Yang penting ialah Malaysia mestilah bersedia bagi menghadapi persaingan global yang semakin sengit. Kita tidak mahu negara kita tercicir dan dipinggirkan oleh masyarakat antarabangsa. Kita mahu negara kita untuk meneruskan *trading* dengan syarikat-syarikat besar tetapi pada masa yang sama, apakah persiapan yang dibuat oleh kerajaan bagi menjamin syarikat-syarikat tempatan dapat bersaing dengan lebih baik di masa yang akan datang.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan tentang permohonan peruntukan tambahan Kementerian Pelajaran, cuma satu persoalan saya. Saya telah bangkitkan sebelum ini tentang usaha-usaha kerajaan untuk memastikan pendidikan ini menjadi agenda utama dalam memberikan peruntukan sama ada bajet tahunan ataupun bajet tambahan.

Persoalan saya dan saya pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri yang juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentang permohonan daripada saya bagi pihak rakyat Bukit Antarabangsa untuk mendirikan sekolah rendah dan sekolah menengah. Saya sendiri telah bertemu dengan Yang Berhormat Menteri Pelajaran iaitu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memaklumkan hasrat ini, saya bangkitkan perkara yang sama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang diberikan ialah kerajaan negeri perlu memberikan tanah bagi maksud Kementerian Pelajaran membangunkan sekolah.

Maka pada awal tahun lepas 2010 saya telah berusaha dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Selangor, Tan Sri Dato' Seri Abd. Khalid dan juga pegawai-pegawai untuk mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai di Bukit Antarabangsa. Tidak banyak tapak yang sesuai di Bukit Antarabangsa kerana tanah di situ sering runtuh. Maka kita telah mengenal pasti empat lokasi bagi tujuan sekolah rendah dan sekolah menengah. Kerajaan negeri telah menulis surat yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Besar sendiri pada pertengahan tahun 2010 kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, memohon supaya sejumlah peruntukan dimasukkan bagi pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah di Bukit Antarabangsa.

Malangnya, bukan sekadar sekolah tidak dibina malah surat yang dikirimkan oleh Dato' Menteri Besar Selangor tidak dijawab langsung oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran. Apakah ini contoh teladan yang baik, yang ditunjukkan oleh kepimpinan hari ini, yang langsung tidak menghormati peranan kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Saya berharap Kementerian Pelajaran dapat memberikan jawapan yang jelas dalam perkara ini supaya sejumlah peruntukan dapat diberikan bagi maksud membina sekolah rendah dan sekolah menengah di Bukit Antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, esok Yang Berhormat Menteri akan menjawab dan saya mengehendkan masa bagi bercakap 15 minit seorang. Ya, Yang Berhormat Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang dan ruang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2011 di dalam Dewan Rakyat yang mulia ini. Rang undang-undang ini adalah pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi RM13,186,713,000 daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam jadual bagi tahun 2011.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara. Antaranya ialah mengenai dengan alam sekitar dan sumber asli. Tuan Yang di-Pertua, sumber air bersih merupakan satu keperluan yang *vital* untuk setiap lapisan masyarakat dan tanpa sumber alam ini maka tidak mustahil setiap insan pasti menderita. Seperti yang kita sedia maklum bahawa Malaysia di antara negara yang beriklim khatulistiwa. Negara yang bercuaca panas dan hujan sepanjang tahun. Jelas memperlihatkan bahawa negara ini mempunyai taburan hujan tertinggi di Rantau Asia Tenggara iaitu di antara 3,000 milimeter setiap tahun selain mempunyai 185 lembangan sungai di seluruh negara yang cukup menampung sumber bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara ini mempunyai cukup sumber bekalan air, kajian yang dibuat Kerajaan Pusat mengenai perkara ini jelas menunjukkan negara akan mengalami krisis perbekalan air pada tahun 2014 selain langkah proaktif sedang dilakukan mengatasi perkara tersebut. Namun masih ramai lagi di antara kita yang masih angkuh mendakwa negara sekarang ini masih banyak mempunyai sumber tadahan air maka tidak ada keperluan untuk menguar-uarkan akan krisis air pada tahun 2014. Sungguhpun demikian, sejarah telah membuktikan segalanya apabila sumber bekalan air pernah terjejas teruk diakibatkan fenomena semula jadi seperti fenomena kemarau panjang dan juga perbuatan manusia seperti pencemaran sisa industri dan domestik, pembalakan yang tidak terkawal di kawasan tadahan air dan aset-aset air yang tidak diselenggarakan dengan baik.

Kesemua faktor ini perlu diambil kira dalam menyediakan keperluan air bersih kepada rakyat melalui infrastruktur air yang terbaik, pengurusan sistem agihan air yang berkesan dan kerjasama erat di antara Kerajaan Pusat, kerajaan-kerajaan negeri dan syarikat operator perkhidmatan air tanpa dipolitikkan kerana krisis air yang bakal melanda tidak akan mengira warna kulit, bangsa, kedudukan pangkat, harta dan agama sekalipun.

■1810

Sumber takungan semula jadi seperti sungai, tasik dan sebagainya perlu dilindungi selain dipulihara untuk menjamin kesinambungan kehidupan generasi akan datang. Tanpa kolam takungan semula jadi, semua bekalan air bersih sukar untuk diperoleh. Walaupun tindakan memperoleh sumber-sumber bekalan air dibuat seperti bekalan sumber air bawah tanah,

pembenihan awan, tasik-tasik terbiar dan pengitaran semula air kumbahan, namun ia melibatkan kos dan teknologi yang amat tinggi dari segi menghasilkan bekalan air bersih. Tidak dinafikan langkah-langkah tersebut sememangnya dapat membantu kerajaan mendapatkan bekalan air, tetapi adakah kerajaan dan rakyat sanggup bersedia menerima tarif air yang lebih tinggi dari kebiasaan? Langkah sesetengah negeri seperti Selangor yangewartakan beberapa kawasan sebagai kawasan air semula jadi sememangnya merupakan satu langkah proaktif. Namun sekiranya dilihat secara terperinci dan diperhalusi tindakan tersebut, rakyat akhirnya akan terbeban dengan kenaikan tarif yang terlalu tinggi kerana langkah membersihkan air dari sumber yang diwartakan memerlukan kos pembersihan dan rawatan yang tinggi. Sumber konvensional seperti pembinaan empangan perlu dilakukan bagi menampung kapasiti penggunaan yang semakin meningkat dek pertambahan populasi penduduk seperti pembinaan Empangan Bakun, Sarawak dan satu lagi cadangan pembinaannya di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan Kerajaan Pusat mengenai hal ini juga dapat dilihat jelas meskipun banyak pihak membangkang hasrat murni mereka. Langkah dan cadangan ini dapat dicerminkan menerusi rancangan pembangunan prasarana bekalan air berpandukan saranan dan perakuan laporan kajian sumber air negara pada tahun 2000 hingga tahun 2050 secara berperingkat selain pelaksanaan projek penyaluran air mentah Pahang-Selangor juga boleh dijadikan sebagai contoh bagi memastikan kepentingan rakyat diutamakan dan didahulukan.

Dalam keghairahan negara mengecapi kejayaan pembangunan pesat hasil peningkatan sektor komersial, perindustrian dan perkhidmatan, kita sebenarnya lupa dan sering kali memandang enteng terhadap isu-isu membabitkan persekitaran negara. Ini kerana tanpa mempunyai alam sekitar yang berkondisi terbaik, agak mustahil pembangunan negara dapat dikecapi dengan jayanya. Dalam mengurus alam sekitar, peranan bersama masyarakat adalah amat penting kerana setiap individu di kelompok tersebut terbabit secara terus. Melaksanakan inisiatif memulihara persekitaran selain tidak mengetepikan peranan agensi berkuasa yang berkenaan.

Isu alam sekitar sering kali ditimbulkan dalam semua media tempatan. Masing-masing memperlihatkan masalah dihadapi masyarakat, cadangan untuk mengatasinya dan tidak kurang juga ada yang menuding jari menyalahkan sesuatu pihak yang tidak bertanggungjawab seperti masalah pembakaran secara terbuka dan pelepasan karbon yang berleluasa, pencemaran sungai serta kolam tadahan air semula jadi, penebangan pokok yang berleluasa dan juga pembuangan sisa domestik yang tidak diurus dengan baik. Jadi, dalam meningkatkan lagi penyertaan dan masyarakat dan institusi berkaitan dalam mengurus isu permasalahan alam sekitar, terdapat beberapa langkah dan tindakan dapat dilakukan. Antaranya ialah mendidik masyarakat itu sendiri melalui sistem pendidikan formal dan tidak formal selain peranan media massa tidak diketepikan. Bak kata pepatah "*Jika hendak melentur buluh biarlah dari rebung*".

Maka, begitulah juga dengan anak-anak kita yang perlu dididik supaya mereka ini membesar agar mereka tahu bahawa dan sedar betapa pentingnya alam sekitar itu dijaga dengan baik demi kepentingan generasi masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu juga peranan pihak berkenaan yang telah diperuntukkan kuasanya melalui dasar-dasar kerajaan perlu memainkan peranan yang penting. Sekiranya kita melihat secara mendalam, sebenarnya yang membangkitkan dan mengambil berat akan permasalahan alam sekitar ini ialah NGO dan IPT-IPT (institut pengajian tinggi) negara itu sendiri yang mempunyai pelbagai kekurangan dalam merealisasikan agar persekitaran dapat dijaga dengan baik. Pihak berkuasa khasnya kementerian berkaitan perlulah bekerjasama selain menyokong segala usaha yang dilakukan NGO mengenai perkara ini kerana kebaikannya dapat dikongsi bersama asalkan ia terangkum dalam kerangka dasar alam sekitar.

Ini dapat dicerminkan melalui usaha kitar semula barang terpakai, penanaman pokok-pokok dan sebagainya. Begitu juga peranan pihak-pihak lain seperti penglibatan pihak swasta dalam sektor komersial dan perindustrian juga perlu dalam mengatasi permasalahan alam sekitar. Walaupun masing-masing bermotifkan keuntungan, tetapi usaha ini diperjelaskan menerusi tanggungjawab sosial, CSR yang dilakukan setiap tahun bagi memastikan alam persekitaran terus dilindungi dan dipelihara selain penurunan kuasa atau *empowerment* kepada golongan ini yang akan berperanan sebaiknya dalam pembangunan mesra alam. Misalnya dalam konteks teknologi hijau dan penjimatan tenaga.

Kini meskipun terdapat kesedaran yang tinggi di kalangan masyarakat mengenai perkara ini, malangnya usaha-usaha pemuliharaan dan mengelakkan alam sekitar khususnya pencemaran sungai masih lagi ditakuk lama dengan pengamalan prosedur operasi standard yang ketinggalan zaman. Peranan agensi perkhidmatan seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan pihak berkuasa tempatan masih lagi bergerak secara bersendirian.

Selain mengambil mudah isu ini biarpun telah lama dan berulang kali disarankan, kepentingan usaha pemuliharaan dan pengurusan sungai secara bersepadu sekiranya diperincikan sehingga kini masih belum ada mekanisme berkesan dari segi pelaksanaan projek yang dikenal pasti menyelesaikan masalah sesebuah lembangan sungai secara terancang dan terbatas. Menyulitkan lagi keadaan keupayaan sesebuah agensi terbabit yang terbatas dari segi institusi, sumber manusia, kepakaran dan kewangan masih lagi timbul. Sebagai contoh, peruntukan kewangan yang sepatutnya digunakan untuk tujuan peningkatan sebagai usaha berkaitan akan terus gagal selain boleh mengakibatkan negara kehilangan aset semula jadi pada masa akan datang.

Seterusnya saya bercadang untuk masuk ke dalam Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang mana tambahannya sebanyak RM13,123,000. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai langkah-langkah yang diambil bagi memastikan Malaysia kekal

kompetitif di dalam usaha menarik pelaburan antarabangsa termasuk penggalakan pelaburan ke negara kita. Ini termasuklah usaha yang saya lihat seperti memperkenalkan program bagi pemacuan pertumbuhan ekonomi negara termasuk Program Transformasi Kerajaan, RMKe-10 dan Program Transformasi Ekonomi yang mengandungi sistem pemantauan pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Malah kerajaan yang memperkenalkan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) juga dijangka menarik pelaburan tinggi ke Malaysia di samping saya difahamkan bahawa kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan berserta kerjasama erat bersama Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH).

Kita menyokong dengan usaha-usaha serta kepelbagaian insentif yang hendak diberi oleh kerajaan. Cuma apa yang agak merisaukan ialah peluang dan ruang yang diberikan kepada bumiputera. Ini juga telah disuarakan oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) yang menyasarkan penyertaan 60% dalam semua projek Program Transformasi Ekonomi. Malahan kerajaan juga melaung-laungkan bahawa bumiputera tidak terpinggir.

■1820

Akan tetapi apa yang digambarkan adalah sebaliknya. Sebagai contoh, dalam Projek Transit Aliran Masa (MRT) hanya 37 kontraktor kelas A yang merupakan ahli DPMM terlibat dalam 4% daripada projek itu. Apakah yang dilakukan oleh PEMANDU? Ini kerana saya melihat ETP merupakan peluang bagi bumiputera untuk membangunkan keupayaan dan bersaing pada asas yang sama rata dengan pasaran Malaysia dan global. Di mana pengagihan kekayaan itu? Di mana unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang telah ditubuhkan pada 18 Februari yang lalu. Saya difahamkan sudah ada dilaksanakan satu makmal selama 10 hari di PWTC akhir Mac lalu dan apakah resolusi yang telah dicapai? Saya difahamkan TERAJU ini dianggotai oleh ramai pegawai yang dari korporat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada satu minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Saya khuatir mereka ini tidak memahami apa sebenarnya matlamat yang hendak dibawa. Malahan mungkin tidak memahami hasrat atau isi hati masalah orang Melayu dan bumiputera di peringkat akar umbi apatah lagi mungkin difahamkan dalam Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan. Jangan terlalu korporat atau mewujudkan jurang permasalahan kerana TERAJU sepatutnya memainkan peranan sebagai *mediator* yang turun ke padang dan jangan duduk di bangunan yang tinggi sahaja. Jadi, saya hendak tahu apakah yang TERAJU buat sekarang ini kerana kita perlu keputusan yang pantas lagi efektif dalam pelaksanaan NKEA ini.

Terima kasih, dengan itu saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas.

6.22 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan masa yang terhad, saya tidak bercadang untuk berhujah tetapi lebih banyak menumpu kepada persoalan bersabit dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, masih lagi menjadi isu mengenai dengan konsesi IPP di mana ianya dibangkit oleh Ketua Pembangkang, dibangkit oleh Yang Berhormat Gombak dan secara ringkasnya ianya menyentuh mengenai keputusan yang kononnya dibuat oleh bekas Perdana Menteri dahulu iaitu Tun Dr. Mahathir bin Mohamed mengenai dengan konsesi kepada IPP ini. Saya percaya mantan Perdana Menteri yang lalu adalah seorang yang berterus-terang dan tidak pernah menyelindung apa yang beliau buat. Ahli Parlimen Gua Musang telah mencadangkan supaya ditubuhkan suruhanjaya diraja bagi menyiasat mengenai dengan kedudukan IPP. Saya turut menyokong saranan ini kerana saya sentiasa berpegang kepada perkara yang benar. Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku mantan Perdana Menteri tidak ada di sini untuk menjawab, perbezaan antara harga 12 sen dengan 14 sen dan dikaitkan dengan pendirian Ani Arope, pengerusi pada waktu itu seolah-olah ianya menggambarkan ini satu perbuatan yang tidak baik bagi pihak mantan Perdana Menteri.

Jadi, saya percaya untuk membersihkan perkara ini, jadi saya tidak ada ragu-ragu untuk menyokong malah saya berharap satu hari nanti mantan Perdana Menteri yang juga seorang *blogger* dapat menjawab, memberi penjelasan sebenarnya keadaan apa yang membuatkan keputusan dibuat pada waktu itu. Menteri Kewangan pada waktu itu Ketua Pembangkang. Jadi, untuk kita menenangkan kepada perkara yang keruh dan kita mendapat keadaan yang sebenarnya. Itu satu.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, ini kita macam-macam kerajaan umum sekarang di bawah ETP, kemasukan pelabur asing pun meningkat, hebat-hebat dan kita pun turut seronok. *So*, mudah-mudahan *insya-Allah* negara kita akan lebih maju dan berjaya tapi sedarkah tidak Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya rakyat kena gembira. Apa pun kita buat kalau rakyat tidak gembira, tidak akan memberikan apa-apa manfaat dan sekarang ini rakyat tidak gembira akibat daripada kenaikan harga barang. Ini isu besar. Sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan sedar ataupun tidak, ini memang menghantui rakyat dan ini boleh menjadi *silent killer* kepada sokongan rakyat kepada Barisan Nasional.

Saya tolong lapor sahaja. Sebab saya sedar perkara ini berlaku kerana macam-macam perkara sesudah harga minyak naik. Bila harga komoditi minyak naik, maka harga komoditi kita di Malaysia pun turut naik dengan alasan kenaikan harga global tetapi pada masa yang sama Petronas mengumumkan keuntungan berbilion ringgit. Jadi, rakyat *confuse*. Ini untung berbilion tetapi harga barang naik, harga minyak naik. Rakyat tidak faham.

Maka, Ketua Pembangkang dan parti-parti pembangkang saya dengar dalam ceramah-ceramah, mereka guna isu ini habis-habisan dan rakyat bertempik dan bersorak dan mereka

katakan kalau mereka sampai ke Putrajaya besok harga barang pun akan turun dan harga minyak pun akan turun. Tentu akan menjadi rangsangan kepada rakyat. Rakyat tidak faham. Kalau rakyat diberi penerangan dan kalau ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mengatakan ini satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab, tuduh itu, tuduh ini, tidak akan memberi apa-apa manfaat sebab rakyat sendiri akan rasa. Ini penderitaan mereka dan mereka sudah eksploitasi sepenuhnya dan isu ini saya percaya boleh menyebabkan sokongan rakyat akan lebih terhakis kepada Barisan Nasional.

Saya hendak bagi satu contoh lagi. Cerita kenaikan penyelarasan tarif Tenaga Nasional Berhad. Katanya, hanya melibatkan segelintir mereka sahaja. 75% rakyat tidak terlibat. Kalau naik pun RM3. Yang guna elektrik RM70, bonus RM20 tinggal RM50. 75% rakyat tetapi apa yang berlaku sebenarnya dari segi pelaksanaan, mana ada rumah yang pakai elektrik sebenarnya RM50 sebulan? RM70 sebulan? Banyak yang lebih dan kalau dipakai lebih 500 kilowatt *per hour* Tuan Yang di-Pertua, dia akan naik berganda. Sebab itu ada yang terima bil daripada RM50, sekarang sudah jadi RM100. Yang terima RM200, sudah jadi RM400.

Saya hendak pergi bayar bil elektrik dua hari lepas, saya berbaris dia satu lorong Tuan Yang di-Pertua, saya dengar ada orang bercakap. Dia kata, "bilalah hendak mengundi, kami hendak ajar Barisan ini betul-betul". Ini saya cerita benda betul. Saya terperanjat. Lepas itu saya pun pergi bersalam. Saya bercakap dengan beberapa orang. Saya tengok bil. Lain daripada apa yang diumumkan. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kata naik RM3 sahaja, pukul rata untuk orang miskin. Akan tetapi tidak begitu. Lain jadinya dari segi pelaksanaan. Saya tidak tahu sama ada kerajaan sedar atau tidak, taklimat dan keputusan yang dibuat sesudah dibuat *presentation* kepada Kabinet, adakah mereka meneliti dari segi teknikal apa yang berlaku bila bil-bil ini dihantar kepada pengguna-pengguna.

Saya minta perkara ini diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan. Kalau tidak, saya rasa nahaslah nanti. Saya tolong sampaikan kepada pengetahuan kerajaan sebab kalau harga barang naik, buat apa pun rakyat tidak peduli dan ada pihak yang akan mendapat untung daripada apa yang berlaku ini. Jadi, kalau hendak supaya mengekal sokongan rakyat, buatlah apa pun. Buatlah apa sahaja asalkan dapat kekang kenaikan harga barang ini. Saya terima SMS berapa banyak satu, dua tiga, empat ini akan berlaku, ini akan berlaku. Letih sebab mereka datang kepada saya, kebetulan kita memimpin NGO, mereka minta kita sampaikan kepada kerajaan. Saya sudah sampaikan. Sebab masa tidak ada, kalau tidak saya boleh hurai secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga hendak menarik perhatian, banyak perkara yang saya hendak sampai di sini iaitu tadi disebut TERAJU. TERAJU sudah tubuh, makmal pun sudah dibuat. Jadi, bila hendak lancar ETP untuk TERAJU ini. Saya hendak dengar, PEMANDU sudah buat dan saya harap ianya dapat dilaksanakan, program-program yang dihasilkan daripada perbincangan makmal. Cuma PEMANDU ini Tuan Yang di-Pertua,

saya hendak menarik perhatian kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dalam pada ghairah dengan pencapaian PEMANDU ini kena hati-hati juga.

Saya didatangi oleh beberapa pegawai daripada JPM. Saya tidak boleh sebut nama, kasihan kepada mereka, mengadu hal. Mereka beritahu kepada saya sendiri. Pertamanya, PEMANDU sekarang ini di kalangan kakitangan pegawai cukup ego. Mereka bercakap sekarang ini Kabinet, kakitangan kerajaan awam, ini *rubber stamp* sahaja. Semua kita bertanggungjawab sekarang ini. hendak minta apa-apa minta dengan PEMANDU. *Demoralize*. Kita wujud PEMANDU, ada MAMPU, ada EPU, macam-macam agensi ada, sehingga PEMANDU mengatakan apa yang mereka buat sekarang ini hasil mereka. Bukan usaha di kalangan kakitangan kerajaan sendiri termasuklah EPU, manakala mereka ini yang buat kerja. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, apa sebab sampai ke peringkat kakitangan PEMANDU diberi bonus tiga bulan baru-baru ini. Saya tahu, saya diberitahu tiga bulan dan berapa jumlah kakitangan PEMANDU. 80% adalah di kalangan bukan bumiputera. Saya bukan persoalkan bumiputera atau tidak asalkan mereka profesional sudahlah. Kita beri sokongan asalkan mereka buat kerja dengan baik tetapi tiga bulan bonus.

■1830

Kakitangan kerajaan yang lain biasa sahaja, RM500 sebulan bonus pun tidak sampai. Saya tengok dalam *recommendation* PEMANDU, hendak disusun pula, hendak diubah kedudukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) hendak diubah di mana hendak dibawa masuk ahli-ahli profesional, pihak-pihak swasta. Sekarang ini anggota-anggota SPA ialah bekas-bekas pegawai kanan kerajaan yang pencen, apa tujuan ini? Apa matlamat ini? Di mana silangnya SPA selama ini? Ataupun ada agenda pihak-pihak tertentu yang diberi tanggungjawab kepada PEMANDU menggunakan kedudukan sekarang ini secara halus dengan agenda jangka panjangnya. Saya menentang habis-habisan perubahan SPA ini, saya harap ianya dapat perhatian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya kekal status SPA seperti dulu.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, ada cadangan daripada pihak tertentu terutamanya saya baca kenyataan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur, Presiden MCA supaya menghapuskan pengenalan diri dalam kad pengenalan, surat beranak dan semua dokumen rasmi kerajaan. Ini satu perkara yang cukup bahaya. Tuan Yang di-Pertua, kita dilahirkan dengan pelbagai bangsa, kita dikenali dengan pelbagai bangsa, negara kita dikenali dengan bangsa pelbagai kaum dan kita ada Perlembagaan di bawah fasal 153.

Maka sebab itu nama Islam kalau saya orang Islam, nama bangsa kalau saya orang Melayu dalam dokumen mesti direkodkan sebab ianya ada kena-mengena dengan Perlembagaan. Kenapa hendak dihapuskan? Oh! Atas nama 1Malaysia, maka atas nama 1Malaysia, kita kena hapus pengenalan agama, pengenalan bangsa dan dalam dokumen-dokumen tetapi sekolah vernakular kita pertahankan. Perkara-perkara yang membabitkan

kepentingan golongan tertentu, mereka pertahankan tetapi ada perkara-perkara yang mengusik sampai kepada asas Perlembagaan, mereka tidak bercakap itu bertentangan dengan 1Malaysia, mereka akan kata ini kehendak 1Malaysia manakala Perdana Menteri dah jelas beberapa kali.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya minta dikekalkan dan jika ada perubahan kepada kad pengenalan, surat beranak, tidak ada nama agama, tidak ada pengenalan agama, bangsa dan sebagainya saya anggap ini satu pengkhianatan kepada bangsa yang menjadi tuan kepada negara ini. Ini saya hendak nyatakan dengan jelas sebab saya tidak akan redha sama sekali perbuatan ini tetap ia ada kena-mengena dengan kedudukan agama dan bangsa kita, bangsa Malaysia.

Tidak ada salah sebab ada sesetengah kata kita boleh kenal bangsa itu daripada nama. Ibrahim Ali, nama dia Ibrahim, nama Ibrahim ini banyak dalam Al-Quran. Nama Muhammad, ini dia orang Islam. Tetapi bagaimana dengan Idris Jala, Yang Berhormat Menteri kita? Nama Melayu tetapi Kristian, orang tidak faham. Maka sebab itu kita mesti kekalkan identiti nama bangsa dalam kad pengenalan ataupun dalam surat beranak dan dalam dokumen-dokumen rasmi kerajaan. Jangan ikut kehendak-kehendak pihak tertentu yang memang ada agenda politiknya.

Kelima Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pihak Kementerian Dalam Negeri ataupun pihak yang bertanggungjawab menjawab nanti supaya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, apa hasil siasatan polis mengenai dengan perjumpaan pastor-pastor Kristian di Pulau Pinang baru-baru ini. Saya telah dikecam apabila saya membuat kenyataan tetapi saya hendak tahu hasil perjumpaan siasatan sebab salah seorang Ahli DAP bernama Razali telah membuat laporan polis mengenai apa yang sudah berlaku dan saya pun berkesempatan bercakap dengan beliau. Beliau telah beritahu kepada saya, apa yang sebenarnya berlaku dan mungkin tidak semua diberitahu kepada saya sebab saya tahu polis yang menyiasat mesti sudah pun selesai membuat siasatan dan apabila hendak dilaporkan hasil siasatan tersebut sebab kita hendak tahu apa yang berlaku dalam perjumpaan tersebut. Ini kerana ada paderi-paderi daripada luar negara turut hadir dan bercakap.

Ramai wakil rakyat DAP turut hadir dan katanya ada penafian tetapi saya tahu apa yang berlaku sebenarnya. Doa yang dilakukan oleh satu pastor yang menyebut supaya satu hari negara kita ini agama Kristian menjadi agama rasmi dan Perdana Menteri pun Kristian. Saya tidak tahu betul atau tidak tetapi ini ialah maklumat yang saya terima dan mesti pihak Kementerian Dalam Negeri menjelaskan kedudukan yang sebenarnya bukan untuk menimbulkan kekeruhan supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi. Ataupun kalau salah dari segi undang-undang, tindakan mesti diambil, siapa buat dia berani tanggung. Saya bercakap, saya berani tanggung apa yang saya cakap.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin bertanya mengenai dengan isu. Saya hendak sebut mengenai satu lagi, ini penting. Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan

kedudukan bidang automotif negara kita ini. Ini Sime Darby Tuan Yang di-Pertua, Sime Darby ini persoalannya bagaimana syarikat Hyundai Sime Darby dikenakan cukai lebih rendah daripada syarikat nasional seperti Perodua. Cukai Sime Darby. Model 110 Sime Hyundai adalah pesaing kepada Viva. Mengapa cukai eksais i110 adalah lebih rendah daripada model Viva kereta nasional 100%. Sime Darby mesti menunjukkan bukti nilai *contentnya* adalah setara atau lebih daripada Perodua tetapi kita tahu kilangnya di Kulim tidak mempunyai *facility* tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada satu minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Minta masa kecederaan Tuan Yang di-Pertua. Manakala kita lihat, kalau kita bandingkan syarikat-syarikat yang dalam bidang automotif, Sime Darby, Tan Chong, manakala Sime Darby, Tan Cheong dan DRB-Hicom. Saya tengok senarai kakitangan yang kanan-kanan ini dalam Sime Darby ini, semua orang asing. Kalau tengok di DRB-HICOM, Honda Malaysia - Encik Rohaimi, Isuzu - Zaidi, Suzuki Malaysia – Encik Ibrahim, Mitsubishi Malaysia – Encik Omar, Audi – Stanley, kemudian Modenas – Encik Bustamam. Kita tengok lagi dari segi kakitangan Toyota lagi bagus, kita tengok dia punya CEO, UMW Toyota – Encik Ismad, Perodua – Datuk Salleh Amina Rashid, Hino – Tadaki Jagawa, Daihatsu Malaysia – Belinda Lee. Manakala Sime Darby ini nama syarikat CEO – Dennis Ho, Auto Barbaria – Ding Bell Brigham, Auto Connection Head – Encik Haziq, Auto Connection Ford – Lee Liu Seng, Auto Performance – Arnt Bayer Sime Motor New Zealand – Patrick McKenna, Sime Motor Malaysia-Thailand-Singapore – Simon Rock, Sime Motor China-Macau – Peter Goh. Ini di dalam Sime Darby ini syarikat GLC yang dikuasai oleh kerajaan.

Saya hendak baca panjang cerita Sime Darby ini yang saya kira betul-betul menipu kerajaan. Kalau tidak boleh hendak bersaing dengan pihak lain dan menjadi bidang automotif yang betul-betul tulen, tumpu bidang lain. Bagi kepada bumiputera lain, bagi pada orang lain bidang francais ini. Kenapa dia hendak pegang? Manakala cara meniaga pula kurang bayar eksais duti kalau hendak dibandingkan dengan kereta lain, ini menipu jawabnya. Saya nyatakan secara terbuka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ya masa dah habis Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Akhir Tuan Yang di-Pertua, akhir sahaja. Saya hendak buat rumuskan iaitu Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan satulah *last* sekali. Mengenai dengan pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di Mesir. Saya hendak tarik perhatian Kementerian Kewangan dan Kementerian Luar Bandar yang jaga MARA. Ada 260 orang pelajar di Mesir ini yang bermasalah Tuan Yang di-Pertua sekarang ini. Kalau tidak diselesaikan masalah mereka, mereka tidak boleh ambil periksa, kena balik, tidak dapat pinjaman, pinjaman pun separuh, kalau bayar yuran dari segi kos hidup tidak diberi dan ada masuk tahun dua dan tahun tiga. Sebahagian besar memang dah dapat tetapi ada 260 orang lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik, baik Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang saya minta supaya kerajaan di bawah MARA mesti tolong selesaikan 260 orang pelajar ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian.

6.38 ptg.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana juga mengizinkan saya untuk membahaskan belanjawan tambahan dan saya bermula dengan satu ayat. Firman Allah SWT [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud '*Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan supaya amanah itu diserahkan kepada ahlinya dan apabila kamu hukum di kalangan manusia maka hendaklah kamu hukum dengan seadil-adilnya*'.

Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin bermula dengan Parlimen yang diberikan peruntukan dalam bajet tambahan ini dan tidak ada masalah untuk kita bersetuju untuk meningkatkan kualiti pembangunan Parlimen ini. Dengan syarat yang telah disebut oleh rakan-rakan saya sebelum daripada ini supaya apa yang berlaku sebelum daripada ini, Dewan yang kita berada ini pernah diminta kelulusan hampir lebih daripada RM100 juta untuk baik pulih ataupun dengan izin *renovation*.

■1840

Akan tetapi telah beberapa kali berlakunya kebocoran di siling atas ini yang menyebabkan berlakunya kerugian besar dan sehingga terpaksa difikirkan kita perlu untuk memiliki sebuah bangunan Parlimen yang baru. Itu kita harap tidak akan berlaku lagi. Kontraktor yang bakal dipilih mestilah yang lebih berkelayakan dan wang rakyat dapat dijimatkan.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sikit, Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Saya ingin. Jangan panjang, ya.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Boleh? Sikit sahaja. Yang Berhormat Kubang Kerian, saya sebenarnya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian. Dalam saya risau mengenai keselamatan saya sebagai Ahli Parlimen dan kawan-kawan lain di sini, tetapi saya lebih pentingkan keselamatan rakyat terutama sekali dari segi tradisi Parlimen itu. Sejauh mana pembentukan fizikal – pembaikan fizikal mengembalikan yang hilang itu. Kebebasan. *Independence on dependent* itu. Sebenarnya yang diperlukan ialah *Parliamentary Reform*.

Jadi saya kata pembaikan sebanyak RM100 juta pada pandangan saya gagal, kurang mampu. Mungkin tidak terbukti mengembalikan kebebasan yang saya rasa hilang kerana keselamatan itu lebih penting daripada keselamatan saya. Yang lebih penting ialah keselamatan rakyat.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, rakan saya Yang Berhormat Balik Pulau boleh membaca isi hati saya dan saya akan masukkan firasat beliau itu dalam ucapan saya.

Saya ingin bermula dengan sebuah buku yang ditulis oleh Tuan Yang di-Pertua kita. Pujian harus diberikan kepada beliau kerana beliau telah berusaha menulis sebuah buku yang bertajuk 'Evolusi Parlimen' dan 'Evolusi Speaker' yang saya rasa sumbangan yang beliau telah berikan sangat besar ertinya dalam konteks yang Yang Berhormat Balik Pulau sebut sebentar tadi, dan apa yang akan saya sebut selepas daripada ini dalam hala tuju kita. *Our way forward* untuk melihat sebuah Parlimen yang benar-benar boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan Parlimen-parlimen dalam negara Komanwel ataupun negara-negara maju yang boleh kita contohi pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua juga telah mempelopori satu jawatankuasa yang beliau hari ini mempengeruskannya setelah Jawatankuasa Kajian Perundangan Parlimen yang telah membentuk satu jawatankuasa yang pada saya harus *diupgrade*, harus dinaiktarafkan kepada satu jawatankuasa yang lebih bertanggungjawab. Ini kalau benar-benar Parlimen dan kementerian yang menjaga Parlimen pada hari ini ingin melihat kita terus maju ke hadapan supaya Jawatankuasa ini sama taraf dengan mana-mana jawatankuasa ataupun *caucus* yang diberikan taraf untuk kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini.

Ini penting untuk kita memberikan pandangan-pandangan ikhlas kita, memberikan pandangan-pandangan kita yang konstruktif sifatnya ke arah pembaikan Parlimen dalam erti kata berdiri dalam sebuah negara demokrasi yang sebenarnya. Peranan Speaker tidak lagi dianggap sebagai kerusi untuk memenuhi kekecewaan tidak dapat bertanding pilihan raya. Pemilihan Speaker Parlimen tidak dianggap sebagai tempat untuk mengisi ruang orang itu tidak dipilih sebagai Menteri. Jadi inilah orang kita berikan tempat untuk menghilangkan rasa kecewa.

Speaker Dewan Negara dan anggotanya tidak lagi menjadi satu lagi label yang terus-menerus akan dibaca oleh anak cucu kita akan datang sebagai Dewan *rubber stamp*. Speaker yang hanya terikat dengan prosedur dan peraturan-peraturan yang tidak ke mana-mana. Tidak dinamik. Takut dengan amaran Menteri sebagai contohnya. Takut dengan apa-apa yang kalau kita buat nanti tidak naik pangkat. Nanti tidak dapat *promotion* dan seumpamanya. Jadi sampai bila Parlimen akan berada. Sampai bila Parlimen Malaysia harus kekal sebegini? Jadi saya harap apa yang Tuan Yang di-Pertua telah buat dalam bukunya yang saya rasa telah menjadi bukan sekadar rujukan kita pada hari ini, tetapi telah menjadi rujukan universiti dalam tanah air kita,

sarjana-sarjana sains politik dan saya yakin dan percaya juga telah menjadi rujukan dalam negara-negara Komanwel yang lain.

Di sinilah saya melihat dalam bab untuk saya berbahas dalam Parlimen ini supaya kita bersama pada hari ini memberikan sumbangan dan sumbang saran kita yang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Balik Pulau tadi pembangunan fizikal itu selari dengan pembangunan minda, politik baru dan era masa depan negara yang lebih cemerlang apabila kita ada sebuah Parlimen yang dilihat *independence*, berdikari, bertanggungjawab. Speakernya benar-benar memiliki kuasa-kuasa khas yang akan menjadikan Parlimen ini lebih baik daripada era yang sebelum daripada ini.

Jadi saya rasa telah sampai masanya apabila kita berbahas tentang peruntukan Parlimen, tidak hanya kita terikat untuk menilai projek-projek. Siapa yang bakal dapat tender, siapa yang bakal dapat membina Parlimen baru tetapi lebih daripada itu. Kita mesti melihat jauh ke hadapan dengan pandangan yang lebih dinamik. Dengan pandangan-pandangan yang lebih proaktif, yang lebih bertanggungjawab untuk kita menjadikan Parlimen yang ada pada hari ini benar-benar sebuah Parlimen yang mengamalkan demokrasi yang kita harapkan berlaku dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah buat banyak perbincangan dalam jawatankuasa untuk menilai semula Parlimen ini. Bukan sekadar gaji. Bukan sekadar kita mahu elaun itu ditingkatkan. Itu nanti orang kata jawatankuasa ini hanya berminat untuk menaikkan gaji mereka sahaja. Akan tetapi apa yang kita buat pada hari ini bukan untuk kami. Apa yang kami berikan sumbang saran hari ini, apa yang Tuan Yang di-Pertua buat pada hari ini bukan untuk kami. Mungkin pandangan kita diterima dari sudut gaji dan elaun sebagai contoh. Akan tetapi belum tentu. Belum tentu Tuan Yang di-Pertua pilihan raya akan datang kita terpilih. Belum tentu Tuan Yang di-Pertua yang ada pada hari ini duduk di situ lagi.

Kami adalah Ahli-ahli Parlimen yang boleh datang dan pergi, tetapi apa yang penting hari ini kita memulakan satu langkah ke hadapan untuk dinikmati oleh Ahli-ahli Parlimen akan datang nanti supaya mereka tidak lagi duduk di sini dengan tradisi-tradisi yang mengikat kita. Tidak lagi nanti lima tahun akan datang, sepuluh tahun akan datang Ahli-ahli Parlimen yang dipilih ke mari tidak lagi akan mengulangi kesilapan demi kesilapan yang kita lakukan pada hari ini.

Jangan kita jadikan kita hari ini suatu bagasi. Suatu beban yang dipikul oleh generasi akan datang. Biarlah kita berada di sini untuk kita membuat suatu keputusan, membuat suatu pandangan-pandangan, membuat suatu keberhasilan yang akan dinikmati oleh generasi kita yang akan datang. Tradisi yang baik kita teruskan. Yang tidak baik kita ubah. Yang perlu kita *review*, kita *review* supaya Parlimen, Speakernya, kakitangannya dan kita semua di sini adalah orang yang bertanggungjawab kepada negara dan rakyat dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap dalam perbahasan ini juga kita boleh mendapat *respond* yang baik daripada Menteri yang bertanggungjawab supaya apa yang kita sarankan,

rakan-rakan macam Yang Berhormat Balik Pulau tadi sebut memang kita mahu bangunan yang fizikalnya *first class*, tetapi kita juga mahu pembangunan itu selari dengan kehendak-kehendak yang mesti kita telaah dengan cermat untuk kehendak orang muda. Politik baru yang ada pada hari ini.

■1850

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya sebut untuk respons kepada kawan-kawan dan rakan-rakan yang bimbang tentang Bersih yang dikatakan akan mencetuskan huru-hara, akan mencetuskan tumpah darah dan seumpamanya. Tidak ada generasi hari ini yang berwatak dan berfikiran politik baru yang mahu berlaku dalam negara ini tumpah darah, yang mahu berlaku dalam negara ini huru-hara, hatta kita pembangkang pun. Ini politik lama. Ini politik usang. Ini politik mereka yang tidak memiliki suatu iltizam yang kukuh untuk mendirikan demokrasi ini. Rakan saya Yang Berhormat Rembau dah balik, tak apalah, tetapi saya membaca ucapan beliau yang begitu berkobar-kobar bahawa Pemuda UMNO juga mahukan satu perhimpunan. Jadi daripada aspek mana kita nak lihat tentang isu ini? Adakah ISA penyelesaiannya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Satu minit lagi Yang Berhormat, walaupun cerita hal Parlimen Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Ya, saya nak sebut sahaja. Adakah maknanya itu yang kita mahu? Saya nak meyakinkan Tuan Yang di-Pertua. Bahawa perhimpunan itu adalah lapan tuntutan yang kita minta kerajaan dan SPR memenuhinya. Antaranya ialah kita mahu satu *review* ke arah sistem pilihan raya lebih adil dan telus yang berkaitan dengan undi pos. Yang kedua, kita minta bila berlaku pilihan raya, satu ruang media yang adil. Yang ketiga, kita minta supaya tidak ada orang-orang yang tidak bertanggungjawab, pendatang asing yang terdapat dalam daftar pemilih yang boleh kita buktikan itu disingkirkan daripada daftar pemilih. Adakah ketiga-tiga tuntutan itu keluar daripada kerangka demokrasi? Keluar daripada kerangka Perlembagaan Negara? Keluar daripada semangat demokrasi yang kita bina pada hari ini? Yang perlu ada suatu kumpulan yang lain pula yang akan mengancam, mengugut akan berlaku tumpah darah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, dah habis masa Yang Berhormat. Dah terkeluar daripada masa, Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Okey, satu minit Tuan Yang di-Pertua, satu minit. Jadi saya minta supaya pihak polis dan KDN berfikir, bertindak dengan waras. Apa kata kalau pada 10 Julai itu, sehari selepas, akhbar dalam negeri dan luar negara melaporkan satu juta rakyat Malaysia berhimpun dengan aman. Siapa dapat nama? Kerajaan dapat nama, polis dapat nama, peniaga untung kerana dia aman, menjaga dengan baik dan ramai orang yang boleh datang pada hari itu. Kami yang mungkin turut serta, PAS, Keadilan dan DAP yang bertanding pilihan raya belum tentu dapat nama, belum tentu menang. Akan tetapi yang dapat nama baik itu adalah negara. Jadi tak timbul masalah huru-hara dan tumpah darah.

Ini yang saya nak sampaikan mesej itu pada hari ini supaya kita berfikir secara manusia yang punya tamadun, melangkah ke hadapan dalam politik baru. Kita mahu sebuah negara yang demokrasinya benar-benar tulen, asli dan mendukung tonggak Perlembagaan Parlimen dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Ranau.

6.53 ptg.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk sama-sama membahaskan Anggaran Belanjawan Mengurus Tambahan Pertama 2011.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada B.41 iaitu Kementerian Pelajaran. Sebenarnya saya bersekongkol dengan hujah-hujah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Kinabatangan terutama sekali mengenai dengan isu pengambilan melalui temu duga bagi pelatih di institut perguruan. Beliau mengatakan di Kinabatangan telah mempunyai 97 orang ditemu duga dalam satu temu duga untuk pengambilan ini tetapi hanya seorang sahaja yang terpilih, dan ini sangat menghairankan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengetahui ataupun mendapat penjelasan daripada kementerian yang berkenaan, berapakah bilangan yang datang untuk ditemu duga di seluruh Sabah dan juga berapa bilangannya yang telah layak ataupun diambil untuk memasuki institut perguruan?

Saya juga ingin menyentuh satu perkara lagi mengenai dengan Kementerian Pelajaran iaitu isu kekurangan guru terlatih dan berpengalaman di Sabah, yang masih berlarutan dan belum selesai walaupun kita sudah menjangkau usia 48 tahun selepas merdeka. Berbanding dengan Semenanjung Malaysia yang berumur 54 tahun selepas merdeka, Sabah sebenarnya ketinggalan atau lebih muda hanya enam tahun sahaja. Namun, masalah-masalah pelajaran dan pendidikan seperti kualiti pelajaran pelajar, kemudahan-kemudahan infrastruktur asas pelajaran seperti bangunan sekolah mahupun *facility* pembelajaran dan pengajaran sudah ketinggalan seolah-olah berpuluh-puluh tahun berbanding dengan apa yang sedang dinikmati oleh rakyat Malaysia di Semenanjung.

Di atas segala isu yang diperkatakan tadi, masalah kekurangan guru-guru terlatih dan berpengalaman di Sabah adalah paling utama. Menurut kenyataan Jabatan Pelajaran Sabah yang saya petik melalui akhbar-akhbar tempatan bulan Jun 2011, terdapat antara 700 sehingga 1,000 orang guru berpengalaman mengajar meninggalkan negeri Sabah kembali berkhidmat di Semenanjung Malaysia setiap tahun. Saya ada bawa lagi petikan ini Tuan Yang di-Pertua iaitu kenapa Sabah kurang guru berpengalaman, dan gambar di sini ini ialah gambar Pengarah Pelajaran Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengisi kekosongan tersebut, Jabatan Pelajaran Sabah terpaksa menerima seramai itu pula guru-guru baru lepasan maktab perguruan mahupun

universiti yang belum berpengalaman. Hal ini berlaku tahun demi tahun. Melihat situasi ini berpanjangan, bilakah agaknya sekolah-sekolah di Sabah boleh mengekalkan guru-guru berpengalaman? Bila pula masanya pelajar-pelajar kita di Sabah mendapat khidmat guru-guru berkualiti tinggi untuk menjadikan para pelajar di sana lebih berdaya saing?

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa punca utama kekurangan guru-guru berpengalaman di Sabah adalah disebabkan oleh sistem pengambilan guru yang terlalu terikat kepada sistem sentralisasi (*centralized*) dengan izin dan federalisme. Maksud sentralisasi dan federalisme ialah apabila kementerian berkenaan memilih untuk pertama, menghantar guru-guru dari Semenanjung Malaysia untuk mengatasi masalah kekurangan guru di Sabah. Syarat seperti ini bukan satu penyelesaian jangka masa yang panjang.

■1900

Kedua, tidak memilih untuk melatih lebih ramai rakyat Malaysia yang dari Sabah ataupun tempatan. Ketiga, tidak memberikan autonomi khas kepada Jabatan Pelajaran Sabah untuk memilih dan mengemukakan calon yang layak dilatih untuk menjadi guru. Keempat, kekosongan guru-guru di Sabah tidak diisi terus oleh rakyat Malaysia yang dari Sabah sendiri ataupun tempatan. Keenam ialah kemungkinan juga kekurangan guru di Sabah dijadikan oleh pihak tertentu untuk mengatasi masalah pengangguran di sesetengah negeri lain yang terdapat di Malaysia. Dengan itu, menghantar guru-guru tidak berpengalaman ke Sabah menyebabkan rakyat tempatan di Sabah yang layak dilatih dan dilantik menjadi guru kehilangan peluang.

Kesemua keenam-enam perkara yang saya sebutkan tadi boleh terjadi melalui sistem *centralization* ataupun *federalisme*.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Yang Berhormat, boleh minta setengah minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat diganti dengan *paralelisme*...

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Ya.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya mahu tambah satu *point* sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ini soal tahap dan juga kualiti pembelajaran khususnya di sekolah-sekolah luar bandar di Sabah ini. Satu ialah apa Yang Berhormat sentuh tadi disebabkan oleh kekurangan guru.

Kedua, saya lihat ialah apabila guru-guru dari Semenanjung ini kita tidak ada masalah tetapi apabila mereka ini ditempatkan di *remote school*, mereka ini guru-guru ini mengalami satu proses *displacement* dan mereka memerlukan banyak masa untuk menyesuaikan diri.

Saya dapat laporan Yang Berhormat bahawa ada sekolah ini guru-guru yang baru bertukar dari sini ini, mereka hanya dapat mengajar dua hari dalam satu minggu oleh kerana

merasakan sunyi dan *displace*. Jadi, ini menyebabkan juga kualiti pembelajaran yang rendah di Sabah, selain daripada kekurangan guru. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen Tuaran. Saya bersetuju dengan perkara-perkara yang berlaku sebegitu adalah satu-satunya sebab – satu faktor yang kita alami di Sabah yang lebih menyusahkan lagi bukan hanya guru-guru kita yang mengajar terutama sekali di luar bandar, jauh di pedalaman iaitu saya sendiri telah berulang kali berhujah di Parlimen ini yang memberitahu ataupun menyampaikan masalah yang kita hadapi terutama sekali sekolah-sekolah dan kemudahan-kemudahan yang kita ada di Sabah ini lebih jauh ketinggalan kalau dibandingkan di Semenanjung Malaysia.

Di kawasan saya sendiri setakat ini bangunan sekolah rendah hanya mempunyai dua buah sekolah yang daripada bangunan baru yang konkrit. Selain itu, semua bangunannya yang lama yang rata-ratanya daripada kayu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya masukkan saranan daripada Yang Berhormat Tuaran itu untuk perhatian pada Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Seperti sistem tadi itu terutama sekali pemilihan untuk pelajar ke institut perguruan. Sistem itu tidak lagi relevan untuk diguna pakai sebagai wadah penyelesaian kekurangan guru berpengalaman di Sabah. Sebaliknya saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan terutama sekali Kementerian Pelajaran melakukan perkara-perkara berikut:

- (i) Melantik lebih ramai guru daripada rakyat Malaysia yang bermastautin tetap di Sabah khususnya rakyat tempatan;
- (ii) mengambil lebih ramai pelatih-pelatih guru yang berkelayakan minimum daripada kalangan rakyat Malaysia pemastautin tetap di Sabah khususnya rakyat tempatan; dan
- (iii) memberikan autonomi khas pada Jabatan Pelajaran Sabah untuk memilih dan mengemukakan calon-calon yang layak dilatih di maktab-maktab perguruan ataupun institut perguruan mahupun di universiti-universiti perguruan tanpa melalui proses penapisan di peringkat pusat pemilih pelajar ataupun maktab ataupun universiti di Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini adalah sebahagian daripada pengisian transformasi pentadbiran kerajaan. Saya yakin dan percaya bahawa inilah juga antara langkah bagi mengisi slogan 1Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Boleh mencelah?

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Silakan.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat jangan panjang. Dua minit lagi.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja. Terima kasih Yang Berhormat. Bolehkah kita berkongsi bersama kerana Sabah dan Sarawak kawan baik dan sebagai *fix deposit* pada kerajaan Barisan Nasional. Boleh atau tidak kita mengatakan bahawa guru-guru yang dilatih yang datang mengajar di negeri Sarawak dan Sabah, selepas tiga tahun mereka mempunyai pengalaman, kemudian itu ditukar semula ke Semenanjung.

Jadi, kekosongan yang ada di Sarawak ataupun Sabah itu, lambat digantikan oleh kerana kekurangan guru. Bolehkah atau tidak seperti apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi bahawa anak tempatan yang ada di Sarawak dan di Sabah itu mesti diberikan keutamaan untuk menjadi guru di kawasan di negeri masing-masing. Sekian, terima kasih. Pandangan Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya itulah sebahagian isi kandungan saranan saya tadi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Ada tambahan sedikitkah, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau masa Yang Berhormat ditambah, maknanya ada yang lain dikurangkan.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Ya, saya bersetuju dengan saranan daripada Yang Berhormat tadi itu, dimasukkan dalam teks ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Kita di Sarawak dan Sabah ini adik-beradik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dengan Semenanjung pun adik-beradik, Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Misalnya isu yang 10,000 orang guru akan dihantar ke Sarawak *[Bertanya kepada seorang Ahli Yang Berhormat]* tahun hadapan? *[Disampuk]* Sebanyak 10,000.

Seorang Ahli: Ya.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Dan orang dari Sabah pun tidak begitu senang hati apabila berlaku sebegitu. Jadi, sama-sama kita berkongsi pendapat dan juga hasrat bersama. Sekian dan terima kasih.

■1910

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya belum dengar suara wanitalah hari ini. Sila Yang Berhormat Bukit Mertajam.

7.10 mlm.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa suara wanita amat penting.

Beberapa Ahli: Ya, ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, ya. *[Ketawa]* Sebentar tadi kita dengar mengenai Bersih. Saya rasa kerajaan Barisan Nasional pun negara ini transformasi untuk menjadi sebuah negara yang maju. Negara yang maju satu KPI ialah rakyat boleh demonstrasi secara aman. Kalau kita hendak menjadi satu negara yang maju, kita harus membenarkan demonstrasi seperti ini.

Sekiranya Perkasa atau Pemuda UMNO hendak berdemonstrasi juga bolehlah di lain tempat, di lain masa, di lain hari. Kita tidak bantah. Kita pun boleh setuju. Akan tetapi jangan hendak hari yang sama, hendak masa yang sama, tempat yang sama dan hendak katakan mungkin akan ada tumpahan darah. Itu saya rasa – ini mundurlah.

Dato' Ngeh koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini fikiran yang mundur. Kita tidak perlu fikiran seperti ini. Ini rupakan tidak transformasi.

Dato' Ngeh koo Ham [Beruas]: Boleh pertanyaan, boleh mencelah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Boleh sedikit.

Dato' Ngeh koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin tanya Yang Berhormat Bukit Mertajam bukankah di negara kita ini semasa Thaipusam pun perayaan yang lain yang besar-besaran terutamanya semasa Thaipusam dianggarkan ada ratusan ribu. Adakala dikatakan menjangkau satu juta orang yang datang merayakan Thaipusam, akan tetapi kita tidak nampak apa-apa kekerasan ada kekecohan berlaku? Betul tidak?

Ini maksud kita ini sudah matang dan kita berkumpul secara aman ini boleh berlaku secara aman tanpa gangguan dari mana-mana pihak yang hendak membuat kacau.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, memang saya setuju. Pilihan raya di Sarawak pun kita lihat berpuluh-puluh ribu rakyat datang dengar ceramah Pakatan pun tidak ada masalah. Jangan lah ini saya rasa Yang Berhormat Sri Gading dia sudah sikit lama, jadi dia tidak maju mengikut masa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Barisan Nasional ini rupa-rupanya lebih mementingkan bola sepak daripada kanak-kanak Malaysia. Mengapa saya cakap begini? Dari tahun 1984 ke 2010, 26 tahun ini mengikut jawapan yang saya dapat daripada kementerian yang berkenaan bahawa kerajaan telah memperuntukkan RM569 juta untuk bola sepak, untuk sukan bola sepak.

Akan tetapi untuk fasiliti atau kemudahan jagaan kanak-kanak berapakah yang diberi untuk 20 tahun kebelakangan ini? Hanya diberi dalam bentuk geran untuk menubuhkan 231 pusat. Ini hanya dapat RM22.4 juta. *Less than half of what the football* dapat. Saya pun setuju sukan bola sepak, semua sukan adalah penting tetapi bukankah anak-anak kita sama penting kalau tidak lebih penting. Mengapa mereka anak-anak yang dikatakan akan menjadi pemimpin pada masa depan, mengapa mereka tidak diberi kemudahan seperti jagaan kanak-kanak.

Jadi saya ingin mendapatlah satu penjelasan. Di dalam Pelan Transformasi Kerajaan ini di mana kanak-kanak ini? Apa akan diberi. Berapakah akan diberi untuk pusat jagaan kanak-kanak. Kerajaan mengatakan bahawa dari tahun 2006 setiap tahun kerajaan menyediakan RM1.1 juta geran untuk menubuhkan taska 1Malaysia. RM1.1 juta. Satu tahun untuk semua kanak-kanak di dalam Malaysia.

Akan tetapi ini Kementerian Pelancongan untuk mengadakan satu *Facebook* RM1.8 juta. Jadi mana *priority* Barisan Nasional ini? Saya memanggil atau menyeru supaya kanak-kanak diberi keutamaan menyediakan kemudahan-kemudahan jagaan kanak-kanak dalam transformasi ini. Kalau tidak saya rasa kalau kita tinggalkan kanak-kanak ini mana boleh jadi ada mana-mana transformasi.

Tuan Yang di-Pertua satu lagi mengenai masalah nafkah yang dihadapi oleh bekas isteri. Saya tahu ini Yang Berhormat Batu Gajah telah menimbulkan masalah ini apabila beliau memberikan ucapan penangguhan baru-baru ini. Akan tetapi saya hendak mengemukakan satu kali lagi kerana pada tahun 2005, pada waktu itu Setiausaha Parlimen Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chew Mei Fun sekarang beliau sudah tidak ada. Beliau sudah mengatakan di dalam Dewan ini bahawa kerajaan sedang mengkaji kemungkinan meminda Akta Perkahwinan dan Penceraian bagi membolehkan tindakan lebih tegas terhadap bekas suami yang gagal membayar nafkah keluarga seperti selepas bercerai. Sekarang sudah tahun 2011, akan tetapi masih belum bawa ke Dewan ini untuk dipinda. Manakah keprihatinan kerajaan Barisan Nasional untuk membantu keluarga yang diterajui oleh *single mother* seperti ini.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya memohon supaya menunjukkan benar-benar perhatian untuk membawa akta ini untuk dipinda di dalam Dewan ini.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Sedikit sahaja. Saya juga hendak minta pandangan Yang Berhormat Bukit Mertajam kerana saya rasa bukan sahaja kita perlu jaga kebajikan bekas isteri tetapi juga anak-anak. Oleh kerana setakat ini di bawah seksyen 95, anak hanya boleh mendapat nafkah daripada ayah ataupun ibu sampai umur 18 tahun. Akan tetapi kita semua tahu 18 tahun, budak ini barulah habis SPM. Jadi bagaimana sekiranya anak itu hendak pergi ke universiti atau pergi ke kolej.

Sebenarnya kalau ikut undang-undang Islam di negara kita memang anak ataupun anak Muslim dibenarkan untuk mendapat nafkah sampai menamatkan *first degree*, diploma pertama mereka. Akan tetapi untuk orang-orang lain, bangsa Cina, untuk bangsa India mereka tidak dapat manfaat sedemikian. Jadi saya hendak mintalah pandangan Yang Berhormat Bukit Mertajam kenapa kerajaan kita tidak boleh membuat satu pindaan yang begitu mudah, yang begitu senang sahaja. Akan tetapi sampai sekarang ini pun semua tidak buat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, nampaknya kerajaan Barisan Nasional ini kurang berkebolehan dalam isu-isu seperti ini. Di dalam isu ini mengenai nafkah, saya lihat di baca surat khabar hari ini di dalam *NST* memang untuk bekas isteri yang cerai, kerajaan sudah mengadakan satu mekanisme untuk membantu mereka. Ini hanya untuk isteri beragama Islam. Akan tetapi untuk bukan Islam dia tidak ada. Tidak ada mekanisme seperti ini. Saya hendak maklumkan bahawa memang ramai juga bekas isteri yang bukan Islam, mereka sama-sama menghadapi masalah, anak mereka sama-sama menghadapi masalah.

Jadi saya menyeru supaya kerajaan juga mengadakan satu mekanisme untuk bekas isteri yang bukan beragama Islam iaitu *Family Support Division of the Syariah*.

■1920

Akan tetapi untuk bukan Islam tidak ada. Mengapa begini? Ia bukan kerana tidak ada masalah tetapi ada masalah juga. Tuan Yang di-Pertua, dalam satu kes di mana seorang budak perempuan yang berumur empat tahun, dia dirogol di tadika. Apabila perkara seperti ini berlaku, seolah-olahnya – kebajikan pun tidak dapat membantu dan pihak polis sentiasa tidak sensitif, hendak tutupkan kes sahaja. Kes ini berlaku di Pulau Pinang. Jadi, kerana ada *Woman Centre for Change* yang memberi sokongan, barulah kes ini di bawa ke mahkamah dan dijatuhkan salah, sudah diberikan *judgment*. Akan tetapi *perpetrator* masih *appeal*.

Saya di sini mahu bertanya, Jabatan Kebajikan Masyarakat atau *the Social Welfare Department* dan juga pihak polis. Apakah mereka boleh buat untuk membantu mangsa dan juga keluarga mereka bagi menuntut keadilan? Saya rasa semua ini adalah kerana kerajaan tidak peka *gender* dan mengapa begitu? Ini kerana wakil wanita di dalam peringkat pengurusan tinggi terlalu rendah, *not enough women representation in the higher management level*.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya Datuk Bandar, namanya pun Datuk Bandar bukan Datin Bandar. Datuk Bandar dan juga Yang di-Pertua (YDP) majlis perbandaran di seluruh negara ada 148 orang sehingga tahun 2010 hanya 4 orang wanita. Jadi, bagaimana kepentingan wanita dan kanak-kanak diwakili kerana inilah – jadi isu-isu yang terlibat, wanita dan kanak-kanak selalunya tidak dibela. Saya minta Kerajaan Barisan Nasional hendaklah dengan cepatnya menambah perwakilan wanita ataupun mereka yang sensitif dan peka *gender* di peringkat tinggi sepertinya Yang di-Pertua (YDP), Datuk Bandar ataupun setiausaha kementerian ditambah dengan mereka yang mempunyai *gender* sensitiviti. Bukan semestinya wanita, kalau mereka faham isu *gender*, kaum lelaki pun boleh mempertahankan atau membela kaum wanita dan kanak-kanak.

Jadi, saya memanggil sekali lagi supaya mempercepatkan atau memperbanyakkan perwakilan wanita dalam semua peringkat membuat keputusan khasnya di peringkat yang lebih tinggi seperti di Kabinet dan di dalam Dewan ini. Saya harap isu ini tidak dilihat sebagai isu wanita sahaja kerana ini akan menjejaskan kepentingan wanita ataupun kanak-kanak. Sekiranya

kepentingan wanita dan kanak-kanak dijejaskan lelaki akan terus menerima kesan. Jadi, saya harap...

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Bukit Mertajam...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini dipandang dengan serius...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, sudah habis Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Ketawa]* Akan habis.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Sebentar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah habis Yang Berhormat sebenarnya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, jadi...

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tidak, saya mahu sampaikan sahaja sebab Yang Berhormat Bukit Mertajam bawa isu ini. Sebenarnya saya pada sesi yang lalu, saya sebagai lelaki pun saya telah bawa isu tentang kebajikan bekas isteri dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Syabas! Akan tetapi kerajaan Yang Berhormat, mestilah juga peka. Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang terakhir iaitu saya difahamkan bahawa kerana kita dapat lebih ramai guru wanita. Di sekolah terdapat lima atau enam guru wanita bersalin dan mereka pergi untuk cuti bersalin. Jadi, sekolah itu perlu adakan guru ganti. Akan tetapi saya diberitahu bahawa kementerian tidak ada wang untuk mengupah guru ganti. Saya rasa ini tidak boleh menjadi alasan kerana kalau kita boleh membelanjakan RM1.8 *million* untuk satu *Facebook*, bagaimana kita tidak ada duit untuk membayar guru ganti?

Jadi, saya harap Kementerian Pelajaran Malaysia akan memberi penjelasan yang jelas dan saya menyeru supaya kementerian juga memberi peruntukan kepada **SJK(C)** Pai **Chai** di Batu Ferringhi kerana mereka memerlukan wang untuk membina semula blok bilik darjah mereka. Saya juga menyeru supaya kerajaan meluluskan permit untuk membina sekolah cawangan kepada sekolah jenis SJK(C) Jit Sin ini di Bukit Mertajam tetapi ingin membina satu cawangan di Seberang Perai Selatan (SPS) kerana di Seberang Perai Selatan tidak ada sekolah jenis seperti ini. Sekarang sudah dapat tanah didermakan oleh pemaju dan sudah ada komuniti yang rela mengutip derma. Akan tetapi kerajaan Barisan Nasional tidak mahu beri permit. Jadi, saya dengan ini menyeru sekali lagi supaya Kerajaan Barisan Nasional ini betul-betul untuk rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Tangga Batu.

7.28 mlm.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya suka membawa perhatian Dewan ini kepada satu perkembangan yang kecil tetapi menarik yang berlaku pada Parlimen ini. Apabila satu ketika dahulu kita mencadangkan bukan sahaja sejarah parlimen ini dimaterikan di suatu tempat yang dapat dilihat ramai gambar-gambar Tuan Yang di-Pertuanya dan Timbalan Yang di-Pertuanya tetapi kita juga mencadangkan supaya nama-nama Ahli Parlimen ini dimaterikan di dinding supaya dapat dilihat oleh masyarakat sebagai satu perkara sejarah dan ia telah pun berlaku, tahniah! Kita nampak ruang itu mungkin tidak memadai.

Apa pun Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya di dalam konteks penyelenggaraan Parlimen ini ialah supaya kita melihat lagi beberapa perkara yang perlu kita ketengahkan untuk memberitahu kepada masyarakat umum dunia bahawa Parlimen kita juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Kerusi yang diserahkan kepada kita oleh penjajah dahulu, yang pernah diketengahkan oleh Tuan Yang di-Pertua di dalam akhbar perlu juga diletakkan di satu ruang menjadi lawatan umum umpamanya, satu sudut boleh dianggap sebagai mini muzium Parlimen di dalam bangunan ini yang boleh menambahkan lagi kegiatan-kegiatan di parlimen ini apabila khalayak hadir di kawasan Parlimen kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita sedang menyaksikan satu pembangunan pesat bangunan Parlimen sementara mungkin, kita hendak tahu apa berlaku selepas itu. Kita dengar baru-baru ini Kementerian Belia dan Sukan menyebut tentang ada Parlimen Belia dan wakil-wakil belia boleh duduk di dalam Dewan ini dan sebagainya. Jadi, kita mahu tanya apakah bakal berlaku pada Dewan sementara yang akan dibina.

■1930

Ketika pembinaan ini, kita dapat beberapa kepentingan bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen tetapi juga anggota sokongan Parlimen yang menyokong kita di belakang, yang bekerja siang dan malam, mereka memerlukan ruang-ruang riadah. Sebelum ini kita ada empat gelanggang badminton yang juga diutilisasikan oleh Ahli-ahli Parlimen. Kita ada sebuah sauna, bilik air yang cukup selesa untuk Ahli-ahli Parlimen wanita, sebuah gimnasium yang mempunyai alat-alat kesihatan yang boleh membantu Ahli-ahli Parlimen dan juga anggota sokongan Parlimen. Jadi, saya menyarankan supaya perkara ini juga diberikan perhatian apabila berlaku satu pembaharuan Parlimen nanti supaya perkara-perkara sampingan yang boleh menyumbang kepada kesihatan Ahli-ahli Parlimen dan anggota sokongannya juga dimasukkan di dalam akaun pengurusan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu klinik dan kita mendapati perkhidmatan amat memuaskan. Ahli-ahli Parlimen serta anggota sokongan Parlimen sesuai dengan pegawai-pegawai yang telah dihantar oleh pihak Kementerian Kesihatan. Terima kasih diucapkan. Pada

masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya pihak pengurusan Parlimen juga menyarankan supaya klinik ini menyediakan ubat-ubat yang bertaraf pakar. Ada beberapa ubat yang seharusnya dikeluarkan oleh pakar tidak dapat disimpan di sini kerana doktornya bertaraf doktor pegawai perubatan, *normal medical officer*, mungkin. Jadi kalau boleh, ada Ahli-ahli Parlimen yang memang mempunyai preskripsi daripada pakar-pakar yang boleh menunjukkan kertas ini dan mungkin klinik ini boleh menyediakan ubat-ubat itu jika diperlukan secara terdesak. Ada kala kecemasan Tuan Yang di-Pertua, umpamanya ubat seperti mengalami tekanan, lorazepam, alprazolam, zantac dan sebagainya. Perkara ini perlu disediakan di sini. Ubat-ubat ini untuk kita gunakan jika kita terdesak. Yang Berhormat Timbalan Menteri kebetulan ada di sini.

Tidak keterlaluan juga Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengambil kira Ahli-ahli Parlimen ini terlalu pengurusan masanya agak tidak begitu cekap dan tidak begitu berkesan. Jadi, mungkin ada ketikanya boleh menggunakan kesempatan ini kalau boleh sediakan satu ruang untuk rawatan pergigian, *dentist*. Kalau ada mungkin ia suatu yang *nice to have*, yang baik untuk kita bersama dan mungkin Ahli-ahli Parlimen tidak perlu risau lagi, kita boleh mengadakan rawatan pergigian di bangunan Parlimen ini yang tidak perlu kita menggunakan masa di tempat-tempat yang lain. Ini juga kita boleh sama-sama melihat Tuan Yang di-Pertua kalau tidak menjadi satu halangan yang berat kepada Kementerian Kesihatan ataupun pengurusan Parlimen sendiri untuk menyediakan ruang-ruang ini.

Tuan Yang di-Pertua, '*all work and no play makes Jack a dull boy*'. Kerja sahaja siang malam, berbahas sampai pukul 8 malam, sampai pukul 12 malam Tuan Yang di-Pertua duduk di sana, jadi tidak juga keterlaluan kalau kita mencadangkan ada satu ruang rehat Ahli-ahli Parlimen untuk dalam keadaan yang selesa. Bukan untuk hiburan yang keterlaluan tetapi ada *music-pipe* untuk didengar bersama duduk, yang mana menghisap *cigar kah* boleh duduk di sana, bukan di lounge di sini bukan, untuk kita rehat-rehat. Itu juga saya kira boleh menambah idea Ahli Parlimen macam mana untuk berbahas dengan lebih bergaya di Dewan ini. Itu cadangan-cadangan yang saya kira boleh kita jadikan sebagai tindakan untuk menambah nilai Parlimen kita Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri, saya melihat satu topik yang perlu kita bersama-sama fikirkan ialah bagaimana sejumlah RM3 juta diperuntukkan bagi menampung kekurangan peruntukan bagi penyelenggaraan sistem e-Syariah. Apabila kita menyebut tentang e-Syariah ini Tuan Yang di-Pertua, segala-galanya seharusnya berada di hujung jari yang pertama. Keduanya, peningkatan produktiviti dan yang ketiga pengurangan kertas dan pengurangan pembaziran terutamanya *hard copies*, kertas-kertas.

Akan tetapi, hari ini masih lagi kita melihat kalau hendak lihat paling banyak kertas, kita lihatlah di mahkamah-mahkamah syariah ini. Kertas yang berpuluh-puluh tahun lamanya masih

lagi disimpan dan langsung tidak mematuhi saranan-saranan *premises and housekeeping*. Kita mendapati pengurusannya menjadi langsung tidak cekap, langsung tidak berkesan kerana tidak mengurus dan mentadbir kertas-kertas ini dengan baik. Jadi, saya lihat dengan peruntukan ini menyarankan kepada sistem mahkamah syariah supaya sekali gus buang kertas-kertas ini, masukkan ke dalam *compact disc*, masukkan ke dalam apa juga bentuk sistem dan percayalah bahawa sistem ini jika tidak ada tangan-tangan yang tidak berpengetahuan mengendalikannya, ia tetap akan berada di sana dan hanya perlu disemak dalam bentuk jadual yang berkala. Jadi, saya mencadangkan supaya sistem e-Syariah ini terus meninggalkan dunia kertas, terus kepada sistem *online* dan ia akan berdaya harap dan lebih boleh diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berbicara tentang RM150 juta bagi menampung pembayaran subsidi dan pengecualian bil elektrik bulanan. Tuan Yang di-Pertua, satu insiden yang boleh kita ambil pedoman di sini ialah apabila pihak syarikat Tenaga Nasional Berhad memperkenalkan deposit bagi skim-skim perumahan pembangunan perumahan rakyat termiskin, skim-skim PPRT, di mana di sana mereka memperkenalkan wang sambungan servis sebanyak RM250 dan wang deposit sebanyak RM50. Kita tahu niat kerajaan adalah amat mulia apabila mereka memperkenalkan rumah-rumah PPRT ini, Program Pembangunan Rumah Rakyat Termiskin ini, rakyat ini telah diklasifikasikan sebagai rakyat yang tidak mempunyai satu pendapatan yang tetap ataupun jika mereka mempunyai pendapatan yang tetap, pendapatannya di bawah *poverty line*, di bawah paras garis kemiskinan.

Apabila kita menyebut tentang deposit dan juga wang sambungan ataupun *service charge* ini, ia lazimnya akan diletakkan di atas bahu pemohon. Mereka yang akan mempunyai nama di dalam bil elektrik tersebut dan mereka yang akan menandatangani kontrak bersama syarikat Tenaga Nasional Berhad. Jadi apabila ini berlaku, kontraktor yang telah dianugerahkan kerja pembinaan tadi akan menyerahkan segala-galanya kepada tuan rumah yang akan membawa kepada ketidaksempurnaan kerja. Rumah sudah siap, bumbung telah cantik dan semuanya telah dicat tiba-tiba wayar servis tergantung, apabila ditanya, "Mengapa tidak ada *score goal* ini? Semua sudah cantik, tidak jaringkan gol." Dia kata, "Oh, kerana pihak syarikat, Tenaga Nasional memerlukan wang sambungan RM250 dan RM50 duit deposit, barulah mereka boleh pasang sambungan kemudian pasang meter barulah suis boleh dipetik dan api menyala."

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, nampak ketidakbijaksanaan dalam pelaksanaan kerja. Kita sanggup berbelanja RM17, RM18 ribu, oleh sebab RM250 akhirnya kita menyerahkan telur yang tidak masak kepada pemilik PPRT tadi yang mereka akan terus tinggal di dalam kegelapan. Jadi, saya memohon supaya pihak Tenaga Nasional sendiri masukkanlah di bawah akaun CSR mereka, tanggungjawab sosial mereka bagaimana mereka boleh menyumbang kembali hasil daripada subsidi gas yang diperkenalkan oleh kerajaan kepada mereka untuk menyumbang kembali kepada akaun ini supaya rakyat yang kita sasarkan tadi akan mendapat nikmat.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perkhidmatan Am Perbendaharaan, saya melihat satu skim yang amat menarik telah diperkenalkan oleh kerajaan iaitu Skim Rumah Pertamaku, di mana seorang bakal pembeli rumah muda yang tidak pernah mempunyai rumah, yang berpendapatan di bawah RM3000, yang perbelanjaan bulanan mereka kurang daripada 1/3 daripada pendapatan mereka akan diberikan keistimewaan untuk membeli rumah tanpa meletakkan wang cagaran yang lazimnya 10%.

■1940

Tuan Yang di-Pertua, RM3,000 kalau dilihat di kampung-kampung mungkin ia lumayan tetapi kalau di bandar seperti Kuala Lumpur ini Tuan Yang di-Pertua, RM3,000 ini mungkin terlalu kecil dan kebanyakan daripada pekerja-pekerja korporat swasta di bandar-bandar yang berpendapatan RM3,000, mereka mungkin tidak dapat mengurus dan mentadbir kewangan mereka secara cekap sehingga menjejaskan dan tidak sampai ke tahap 1/3 yang sekali gus boleh menjejaskan peluang mereka untuk menyertai Skim Rumah Pertamaku ini.

Jadi, saya mengambil kira kekangan ini kalau boleh pihak kerajaan mengambil kira bukan pendapatan seseorang ataupun pemohon tetapi kalau boleh pemohon ini telah berkahwin, ia pendapatan seisi rumah, mungkin boleh dipertingkatkan kepada RM6,000 supaya memberi peluang kepada peserta-peserta Skim Rumah Pertamaku ini untuk membeli rumah secara mudah.

Jadi, ini adalah masalah utama dan saya yakin kerajaan bermula dengan RM3,000 dan ia tidak menghalang kerajaan untuk terus membuka peluang ini menambah baik, menjadi lebih mendengar dan prihatin dengan masalah-masalah pekerja-pekerja orang muda di bandar untuk menyertai Program Skim Rumah Pertamaku ini. Ada berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sebenarnya kita kesuntukan masa Yang Berhormat. Boleh sambung dalam Jawatankuasa Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini *last* sahaja, saya minta satu sahaja, Kementerian Pertanian iaitu pendaratan ikan. Saya minta supaya Kementerian Pertanian melakukan satu kajian yang tepat supaya tidak dibina jeti-jeti yang akhirnya menjadi gajah putih kerana tidak diambil kira pasir-pasir yang menjadi beting apabila dipukul oleh ombak laut. Jadi, di kawasan saya ada satu dan saya minta Kementerian Pertanian kaji kerana projek ini telah dianggap sebagai gajah putih di Parlimen Tangga Batu di Muara Sungai Lereh. Jadi, saya minta Kementerian Pertanian untuk lihat perkara ini secara dekat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya hanya boleh beri dua orang tetapi 10 minit seorang Yang Berhormat. Yang Berhormat Beruas dan selepas itu Yang Berhormat Sungai Siput. Yang lain itu dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat ya?

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Pukul 11.30, Yang Berhormat Menteri akan jawab. Sila Yang Berhormat Beruas.

7.42 mlm.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas rang undang-undang untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2011. Tuan Yang di-Pertua, hanya dua perkara yang ingin saya hujah dengan secepat mungkin. Tuan Yang di-Pertua, amatlah dikesali bahawa keputusan tentang masalah memasuki agama Islam ataupun keluar daripada agama Islam, perkara ini sudah pun berbangkit beberapa kali tetapi malangnya sampai hari ini kerajaan berlengah-lengah untuk membuat satu keputusan berkenaan dengan hal ini. Akibatnya, ramai yang hidup sengsara dan tidak dapat satu keadilan yang boleh mereka nikmati.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua jelas bahawa kebebasan beragama ini adalah termaktub di dalam Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan dan kebebasan ini adalah mutlak seperti yang dinyatakan di bawah Perkara 11. Kita tahu Tuhan lah yang memberikan kita kebebasan untuk memilih dan Tuhan lah juga memberi kebebasan kepada kita untuk bertakwa ataupun mempercayainya atau tidak dan kita manusia tidak lah harus mengambil alih tempat Tuhan untuk menyekat kebebasan ini.

Kita tahu syaitan kerana hendak mengambil alih tempat Tuhan telah dihalau keluar daripada syurga, maka orang yang cuba mengambil alih tempat Tuhan untuk mengehadkan kebebasan beragama ataupun membuat pilihan ini haruslah berhati-hati daripada akibatnya. Kita tahu dari sejak lama lagi di Malaysia ini kita mengamalkan kebebasan beragama dan kita tahu ada berbagai sebab mengapa orang masuk Islam kemudian keluar daripada agama itu.

Antara kes-kes yang saya pernah tolong ialah kes seorang pada masa itu dia terkeliru, ada kes mental, dia masuk Islam, kemudian hendak keluar. Ada kes oleh sebab teknikal, nama dia 'bin Abdullah' sungguhpun dia sejak bayi pun telah dibaptiskan di gereja dan seumur hidup beliau adalah seorang Kristian tetapi oleh sebab namanya 'bin Abdullah' beliau bila sudah dewasa tidak dapat kahwin, terpaksa pergi Singapura akibat masalah tersebut. Ada kes di mana orang masuk Islam kerana untuk mengelakkan daripada tanggungjawab kepada isteri dan anak, supaya tidak perlu membayar nafkah hidup dan berbagai-bagai lagi hinggakan agama Islam ini disalahgunakan untuk mendatangkan ketidakadilan kepada isteri dan anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting sekarang ini ialah kita tahu sungguhpun undang-undang tidak pernah ditukar mengenai kebebasan beragama di Malaysia ini tetapi kita dapati akhir-akhir ini semakin susah untuk mereka yang masuk Islam untuk keluar. Dalam tahun 60-an dan 70-an dan juga permulaan tahun 80-an, sesiapaupun boleh menukar nama atau memasuki sesuatu agama kemudian keluar daripada agama itu termasuk agama Islam dengan mengadakan satu, dengan izin, "*Big Pro*" di mana satu surat sumpah dinyatakan beliau telah

memilih agama atau nama baru dan surat sumpah itu disiarkan dalam surat khabar dan itu pun sudah memadai.

Kemudian kita dapati pada tahun 80-an dan juga 90-an, seorang itu boleh keluar atau masuk agama Islam dengan dikeluarkan satu surat daripada majlis agama Islam negeri-negeri berkenaan. Akan tetapi baru-baru ini majlis agama Islam telah enggan mengeluarkan surat tersebut dan kemudiannya dinyatakan mereka yang hendak keluar Islam mesti melalui Mahkamah Syariah. Kita tahu tugas sesuatu mahkamah itu ialah untuk penyelesaian sesuatu pertikaian dan bukan untuk isu-isu sama ada hendak keluar Islam ataupun tidak.

Oleh sebab itu, saya memohon supaya kerajaan menasihatkan majlis-majlis agama Islam untuk mengeluarkan surat bahawa sesiapa yang hendak keluar Islam itu disahkan oleh majlis agama tersebut kerana surat itu diperlukan untuk pejabat pendaftaran, kad pengenalan untuk menukar maklumat-maklumat dalam kad pengenalan ataupun sijil beranak berkenaan. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ada banyak kes di mana suami enggan membayar nafkah hidup ataupun jagaan anak, isu-isu ini haruslah diselesaikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya berbahas dan nyatakan di bil ini ialah bahawa permintaan oleh kerajaan untuk tambahan RM13 bilion perbelanjaan ini menunjukkan bahawa kerajaan kurang efisien dalam mentadbir kewangan. Kita meminta rakyat supaya ikat perut dan subsidi-subsidi dikurangkan supaya kerajaan ada wang lebih banyak untuk perbelanjaan. Akan tetapi di pihak kerajaan mereka berbelanja tanpa mengikat perut sendiri. Mereka belanja dengan boros sehinggakan perbelanjaan bertambah. Apa yang kita jimat daripada potongan subsidi rasanya tidak mencukupi untuk pengurusan Kerajaan Persekutuan yang meminta sekarang ini tambahan RM13 bilion.

Satu daripada misalnya ialah saya dapat membaca dari satu laporan bahawa kerajaan membazir RM38.5 juta semata-mata untuk buat tugu 1Malaysia di seluruh Malaysia. Oleh yang demikian, saya harap kerajaan kalau hendak minta rakyat bersikap jimat cermat, kerajaan juga haruslah berjimat cermat untuk memastikan wang yang kita jimat daripada potongan subsidi ini digunakan dengan secara baik untuk kebaikan negara. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sila Yang Berhormat Sungai Siput.

■1950

7.50 mlm.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh beberapa isu sahaja. Perkara pertama ialah RM13 bilion adalah satu angka yang begitu besar dan merupakan 10% daripada wang pengurusan. Saya ingat penting kita ada lebih masa untuk bincang isu kerana ini bukan satu yang kecil. Jika kita tidak memberi masa untuk membincang sedalam-dalamnya, Dewan ini akan dijadikan sebagai satu *rubber stamp* sahaja.

Seorang Ahli: Ya... [*Menyampuk*]

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Apa yang diberi oleh kerajaan, kita terpaksa menerima sahaja.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Sungai Siput. Apakah Yang Berhormat boleh meminta agar Tuan Yang di-Pertua boleh mengkaji semula keputusan tadi bahawa perbahasan dasar ini akan dihentikan. Ini kerana esok 11.30 pagi diberi peluang untuk Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Harus dilanjutkan lagi kerana nilai RM13 bilion banyak dan ramai ahli-ahli yang ingin membahaskan juga. Mesti ada ketulusan berkenaan dengan perbelanjaan ini. Apakah Yang Berhormat akan meminta Tuan Yang di-Pertua mengkaji semula. Terima kasih.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Saya pun setuju kerana ini adalah angka yang begitu besar. RM13 bilion ini lebih kurang sembilan kali bajet Selangor untuk satu tahun. *So, it is a big amount.*

Baik saya akan fokus untuk beberapa isu. Pertama, apabila kita tengok dalam Perdana Menteri Bahagian Pengurusan Hartanah Penyediaan Kuarters. Dalam bajet asal tahun lalu kita sudah lulus lebih kurang sebanyak RM39 juta tahun lalu. Akan tetapi, dalam enam bulan sahaja, sekarang kita minta tambahan RM54 juta dan apakah sebab ini. Satu permintaan yang baru yang lebih daripada sekali, *you know* hampir dua kali ganda. Adakah ini kuarters baru kah atau adakah ini *repair* yang lain kah atau kontrak yang baru? Ini kita harus tahu.

Kedua ialah pengurusan ruang pejabat iaitu sebanyak RM110 juta, tetapi dalam bajet asal kita sudah lulus RM128 juta. *So*, kenapa ini pun naik *you know* dua kali ganda. Jadi jika itu RM128 juta itu untuk perkara apa? Jadi pada masa ini kita sedang potong subsidi kepada rakyat. Katakan kita tidak cukup duit, kita defisit, kita perlu *balance the budget*, adakah perlu satu-satu tambahan bajet dalam ini?

Satu lagi yang saya hendak bawa ialah isu – okey bagaimana bajet anggaran yang pertama tahun lalu disediakan di dalam Maksud B.22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar iaitu Elaun JKKK dan JKPP. Pada bajet asal kita telah luluskan RM156 juta dan sekarang dalam tambahan kita akan luluskan RM150 juta lagi. Dalam nota penjelasan muka surat 7 dikatakan elaun bulanan untuk JKKK telah ditambahkan daripada RM450 ke RM800 sebulan. Ini sudah diumumkan dalam kita punya bajet tetapi kenapa anggaran dalam bajet itu tidak menggambarkan ini? Kenapa satu ID dibawa dalam bajet tetapi duit untuk dia tidak dimasukkan dalam bajet. Jadi apakah cara dia?

So, apabila tahun lalu kita luluskan bajet, kita beranggapan bahawa semua program dan isu yang dibawa dalam bajet itu ada dalam anggaran. Akan tetapi, apabila sekarang kita tengok isu itu tidak dibawa dalam anggaran. *So, what is the process* yang kita – jadi saya rasa ini kurang bertanggungjawab daripada pihak kementerian yang sediakan bajet.

Satu lagi isu okey satu isu lagi ialah Kementerian Pengangkutan. Di mana perkhidmatan bantuan iaitu RM183 juta diperuntukkan untuk *high communication*. Okey peruntukan, ini untuk perkhidmatan udara luar bandar di Sabah dan Sarawak. Ini dalam bajet asal. Sekarang tambahan yang diminta ialah RM150 juta lagi, *almost double*. So, apakah sebabnya? Jadi inilah adalah isu-isu yang kita Ahli Parlimen perlu tanya. Jika tahun lalu RM183 juta diluluskan, dipohon dan diluluskan oleh Parlimen, sekarang lagi RM150 juta lagi dipohon. Apakah sebabnya? Adakah kos dia lebih kah, atau lebih kapal terbang disewakah, ataupun adakah *commission* untuk syarikat yang buat kerja ini ditingkatkan kah, *what is the reason?* Kita harus tanya ini.

Isu Kementerian Kesihatan Maksud B.42. Kita diminta meluluskan RM1 bilion untuk emolumen. Dalam dan diberi di sini, anggaran pada tahun 2011 yang diluluskan adalah RM13 juta. *Actually it is* RM6.46 bilion jika kita tengok dalam bajet yang lama. Akan tetapi, kenapa kita perlu RM1 bilion lagi? Lebih kurang 16% peningkatan. Adakah kakitangan dalam Kementerian Kesihatan naik 16%, adakah *you know* adakah kakitangan baru? So, saya rasa ini semua, nampaknya cara kita sediakan bajet tahun lalu tidak begitu serius. Kita hanya buat dan selepas tidak cukup kita minta lagi. Ini pun kita hendak bincang di sini dan kita pun tidak diberi masa yang cukup, tidak beri *information* yang cukup dalam dokumen ini.

So, apa yang kita harus kita sedang tengok ini RM13 bilion, kita selepas ini kita hanya jadi *rubber stamp*, kita luluskan. Berapakah *commission*, berapa *misjudgment*, berapa yang *fees*, semua kita tidak tahu.

So, inilah isu-isu yang – dan *last* isu saya akan bawa ialah..., lagi dua isu. Satu ialah isu pengurusan sisa pepejal negara di mana dalam bajet asal tahun lalu kita luluskan RM32 juta. Sekarang untuk tambahan ada RM400 juta yang dipohon sebagai tambahan 10 kali ganda. Jadi adakah ini satu cadangan baru untuk menswastakan *solid waste* dan ini semua saya rasa *confused* lah daripada cara kita kendalikan bajet kita. Saya juga hendak tanya, apakah kaedahnya jika kita hendak bayar RM400 juta kepada syarikat-syarikat swasta untuk mengendalikan sisa-sisa pepejal? Adakah kaedah dia berdasarkan kepada beratnya sampai yang dibuang ataupun adakah ia berdasarkan kepada per kapita penduduk di kawasan itu? Jika kerana cara ia penting, jadi kita mahu tengok daripada *recycling* untuk sisa pepejal ini. Jika kita bayar ikut beratnya contohnya ini akan *backfire*. Kita akan *you know* kita akan galakkan *you know*. So, ini semua kita perlu bincang.

Last sekali saya hendak bawa kepada Kementerian Pertahanan di mana RM473 juta diminta untuk perkhidmatan dan perbekalan di bawah logistik. Mengikut nota penjelasan, dikatakan kos selenggaraan untuk *submarine*, untuk kapal selam akan mengambil RM17 juta. Jadi adakah ini satu yang baru kerana kita sudah beli kapal selam itu dua tahun yang dahulu. Memang di dalam kontrak itu, mesti ada bayaran-bayaran daripada semasa ke semasa. Sekarang tiba-tiba *half a billion*, bukan kecil ini *half a billion* tiba-tiba dibawa sebagai tambahan. Bukan itu sahaja dalam muka surat 14, dikatakan RM56 juta adalah untuk sewaan sistem

Submarine Escape Rescue Intervention sewaan. Ertinya kita sangka ini *submarine* mungkin tenggelam dan tidak boleh naik balik dan kita perlu hantar ini satu alat untuk menyelamatkan *you know sailor* di dalamnya.

Ini semua bawa beberapa isu penting, *you know*. Ini yang kita bayar ini berbilion-bilion, juta-juta, bilion-bilion wang rakyat. Akan tetapi, cara kita kendalikannya nampaknya *very capricious* kita *you know* dengan tidak cukup tanggungjawab. Pada masa yang sama kita kurangkan subsidi. Katakan tidak cukup defisit. Jadi saya ingat mungkin perlu kita adakan satu Suruhanjaya Diraja untuk kaji ini *submarine* daripada dulu sampai sekarang.

■2000

Sekarang nampaknya dia perlukan satu *escape* punya *vehicle* untuk menyelamatkan *sailors* kita yang terperangkap di dalamnya jika dia tidak boleh naik balik. Dahulu tidak boleh tenggelam sekarang nampaknya tidak boleh naik. So, saya rasa saya tidak begitu selesalah dengan bajet ini dengan tambahan ini kerana tidak cukup matlamat dalam ini, tidak cukup masa untuk kita bincang. Saya rasa ini duit rakyat RM13 bilion sembilan kali bajet Selangor satu jumlah yang begitu besar. So saya tidak dapat sokong ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Soalan bajet ataupun belanjawan tambahan ini *didictate* oleh peraturan. Kena baca Peraturan 67 itu dia ada ditetapkan dua hari. Esok Menteri menjawab saya cukup yakin banyak Yang Berhormat-Yang Berhormat akan buat pencelahan dan berkemungkinan sepanjang hari. Inilah kita sediakan jadi dalam peringkat jawatankuasa kita sebut juga di sini tiga hari, jadi itu juga sudah ditetapkan dalam peraturan Yang Berhormat. Jadi kalau kita hendak panjang-panjang kita kena ubah peraturan kitalah. Itu satu. Yang kedua ialah bajet tambahan sebenarnya wang itu sudah dibelanjakan, sudah dipakai.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Saya guna Peraturan Mesyuarat 43 dan Peraturan Mesyuarat 67(7) adalah, "Hendaklah diuntukkan selebih-lebihnya tiga hari bagi membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan serta Anggaran Pembangunan Tambahan."

Tuan Yang di-Pertua kalau saya tidak silap sebelum ini awal tengah hari atau petang, tadi Tuan Yang di-Pertua ada menyebut bahawa perbincangan dasar ada sehingga esok petang. Saya ingin tahu mengapa tiba-tiba perbincangan dasar ini ditamatkan. Saya pohon Tuan Yang di-Pertua boleh mengkaji semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya baiklah, baiklah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Walaupun peruntukan telah diluluskan tetapi ini tanggungjawab, fungsi Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik, baik Yang Berhormat. Saya minta satulah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya mohon pertimbangkan semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya hendak berbalah dalam soalan ini kita boleh usulkan kalau keputusan yang saya sebutkan tidak betul Peraturan Mesyuarat 43. Jadi saya tidak hendaklah. Oleh kerana pada pendapat saya sudah cukup jelas Peraturan Mesyuarat 67(7) - jelas. Jadi itu sahaja esok Menteri menjawab dan minta usul daripada Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 16(3).

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Kegagalan Lembaga Jururawat Melindungi Kepentingan Pelajar Kursus Kejururawatan

8.03 mlm.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tuan Yang di-Pertua, kegagalan Lembaga Jururawat melindungi kepentingan pelajar kursus kejururawatan. Hampir tiap minggu saya didekati oleh graduan-graduan kolej jururawat swasta yang meminta bantuan mendapatkan kerja. Walaupun mereka mempunyai sijil kelulusan diploma daripada kolej-kolej kejururawatan mereka tidak dapat mencari kerja sebagai jururawat. Satu sebab utama yang menyebabkan kesukaran mendapatkan kerja adalah persepsi hospital-hospital swasta bahawa jururawat daripada kolej-kolej swasta seperti Masterskill dan MAHSA tidak dilatih secara sempurna.

Oleh kerana mereka dibenarkan mengambil beratus-ratus pelajar baru setiap tahun kolej-kolej kejururawatan tidak sanggup mengaturkan penempatan di hospital untuk latihan praktikal yang begitu penting untuk membina kemahiran dan pengalaman seorang jururawat. Ramai pelajar dihantar ke rumah-rumah orang tua atau ke rumah menjaga anak cacat. Ada juga pelajar kejururawatan yang ditempatkan di *Mock Ward* berulang kali. *Mock Ward* ini adalah satu Dewan

di kampus di mana langsung tiada pesakit. Hanya ada katil dengan patung. Pelajar juga diarah memeriksa tekanan darah *blood pressure* dan suhu badan *temperature* pelajar lain. Adanya pelajar-pelajar Masterskill yang telah ditempatkan di *Mock Ward* untuk lima *posting* praktikal.

Kolej-kolej swasta adalah syarikat yang mahu mencari keuntungan. Mereka mendapat untung sebanyak RM30,000 atau lebih daripada setiap orang pelajar yang menerima pinjaman PTPTN. Oleh itu kolej-kolej swasta mahu memaksimumkan pengambilan pelajar. Isunya adalah mengapa Lembaga Jururawat, Kementerian Kesihatan Malaysia gagal memainkan peranan untuk memastikan Kolej Kejururawatan sanggup memberi latihan praktikal yang sempurna untuk semua pelajar yang kolej itu dibenar terima? Mengapa kuota yang melebihi kesanggupan kolej itu dibenarkan setiap tahun?

Isu yang berkaitan adalah, apakah kaedah yang diguna pakai oleh Lembaga Jururawat untuk menentukan permintaan pasaran jururawat baru? Pada takat ini lebih kurang 15,000 pelajar dimasukkan ke kursus kejururawatan di kolej-kolej swasta setiap tahun. Pinjaman sebanyak RM55,000 itu harus dibayar balik oleh mereka selepas mereka menamatkan kursus mereka. Bolehkah mereka mendapat kerja sebagai jururawat? Adakah kaedah yang dipakai oleh Lembaga Jururawat berdasarkan hanya pada teori bahawa negara kita memerlukan nisbah satu jururawat untuk setiap 400 orang penduduk.

Pernahkah Lembaga Jururawat melakukan penyelidikan di kalangan hospital-hospital swasta untuk mendapat tahu bilangan jururawat baru yang diperlukan oleh hospital-hospital swasta setiap tahun untuk lima tahun yang akan datang. Kegagalan Lembaga Jururawat untuk mengawal dan meregulasikan pengambilan pelajar kursus kejururawatan swasta sedang mewujudkan beratus-ratus graduan kejururawatan yang bukan sahaja menganggur tetapi dibeban hutang besar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

8.06 mlm.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerjaya kejururawatan sememangnya amat diminati oleh lepasan sekolah kerana peluang mendapatkan pekerjaan amat cerah dan luas kerana keperluan mereka meliputi sektor kerajaan dan swasta. Pihak kementerian melihat kerjaya ini sebagai satu kerjaya yang kompetitif dan berdaya saing kerana peluang untuk peningkatan ke tahap yang lebih tinggi amat luas. Lembaga Jururawat Malaysia dan Lembaga Bidan Malaysia adalah merupakan badan profesional yang bertanggungjawab ke atas kolej jururawat awam dan swasta. Iaitu mengawal selia latihan, pendaftaran, disiplin jururawat dan bidan serta pengamalan kejururawatan di negara ini di bawah Akta Jururawat 1950 dan Peraturan 1985 serta Akta Bidan 1966 Pindaan 1990.

Untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput mengenai jururawat yang tidak dapat memperoleh pekerjaan selepas menamatkan pengajian diploma. Sebenarnya jumlahnya amat rendah kecuali mereka gagal dalam peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia oleh itu mereka tidak boleh didaftarkan dengan Lembaga Jururawat Malaysia. Terdapat juga di kalangan mereka yang tiada persediaan diri semasa menghadiri temu duga juga keengganan untuk berkhidmat di tempat yang bukan pilihan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum ada kajian terperinci berkenaan dengan jururawat yang tidak memperoleh pekerjaan. Walau bagaimanapun jururawat yang lulus peperiksaan dan berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia serta memperoleh pekerjaan dapat diketahui melalui statistik jururawat yang memohon *Annual Practicing Certificate*, dengan izin atau APC setiap tahun. APC atau *Annual Practicing Certificate* ini wajib dipohon melalui majikan. Statistik menunjukkan peningkatan permohonan APC pada setiap tahun. Contohnya pada tahun 2008 peningkatan sebanyak 6,779 ataupun 14.3% berbanding 2007, manakala bagi tahun 2009 terdapat peningkatan 5,167 atau 9.5% permohonan berbanding tahun 2008. Trend ini menunjukkan peningkatan yang seterusnya pada tahun 2010 sebanyak 6,096 atau 10.3%.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Jururawat Malaysia juga masih menerima permohonan daripada hospital swasta untuk pengambilan jururawat asing di atas alasan kekurangan jururawat tempatan dan sikap jururawat tempatan yang memilih tempat kerja dan mementingkan gaji yang lumayan.

■2010

Untuk makluman, statistik Lembaga Jururawat Malaysia menunjukkan terdapat 761 orang jururawat warganegara asing. Seramai 165 jururawat-jururawat dari negara Asean dan 651 jururawat dari negara *non ASEAN* dengan izin, berkhidmat di hospital-hospital swasta di negara ini.

Manakala isu berkaitan penempatan pelatih di Rumah Orang-orang Tua bukanlah memenuhi keperluan pengalaman klinikal tetapi adalah untuk pengalaman khidmat kemasyarakatan yang juga adalah menjadi satu daripada aktiviti ko kurikulum pelatih kejururawatan. Penempatan pelatih di *skill lab* dengan izin dengan menggunakan *patient simulator* telah diluluskan penggunaannya tidak melebihi 20% dari pengalaman klinikal di wad oleh Lembaga Jururawat Malaysia. Ini adalah menjadi keperluan bagi pelatih agar mereka mahir dan berkeyakinan melakukan sesuatu prosedur kejururawatan sebelum menjalankan prosedur tersebut ke atas pesakit yang sebenar bagi menjamin keselamatan pesakit.

Untuk menampung kekurangan penempatan klinikal, kelulusan bagi menggunakan beberapa hospital di luar negara telah dibuat seperti hospital di India dan Indonesia selepas mencapai standard penilaian akreditasi yang dijalankan oleh Penilai Lembaga Jururawat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, antara peranan Lembaga Jururawat Malaysia ialah meluluskan kurikulum Program Latihan Kejururawatan bagi Kolej Kejururawatan Kementerian Kesihatan Malaysia, institut pengajian tinggi awam dan institut pengajian tinggi swasta dengan persetujuan bersama Jawatankuasa Pelajaran dan Peperiksaan (JKPP) setelah dibawa ke dalam mesyuarat Lembaga Jururawat Malaysia. Keputusan muktamad kelulusan IPTA/IPTS akan dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Ini termasuklah bagi Kolej Universiti MAHSA dan Kolej Universiti Sains Kesihatan Masterskill. Selain itu, penilaian prestasi kolej juga dilaksanakan melalui Program Akreditasi oleh Lembaga Jururawat Malaysia bersama MQA.

Langkah-langkah yang telah diambil hasil dari penemuan ketidakpatuhan kepada garis panduan piawaian dan kebanyakan pelatih kejururawatan adalah seperti berikut:-

- (i) Beberapa buah kolej yang didapati tidak memenuhi syarat telah ditarik balik kuota yang diperuntukkan;
- (ii) moratorium ataupun pembekuan pembukaan kolej jururawat baru telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 2010; dan
- (iii) syarat pengambilan pelajar baru dari tiga kredit dan lulus bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, matematik dan sains telah dinaikkan kepada lima kredit termasuk kredit dalam matematik dan sains yang telah dikuatkuasakan bermula pada bulan Julai 2010 bagi memastikan graduan yang dihasilkan berkualiti serta berpengetahuan bagi memenuhi keperluan tempatan dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Jururawat Malaysia sebagai badan profesional adalah sentiasa berusaha dengan penuh rasa tanggungjawab memastikan latihan dan perkhidmatan kejururawatan menepati standard kejururawatan di negara ini agar ia setaraf dengan negara-negara maju di dunia adalah menjadi aspirasi Lembaga Jururawat Malaysia, manakala jururawat yang dikeluarkan oleh kolej-kolej jururawat di negara ini adalah antara jururawat yang berpengetahuan, kompeten dan berkemahiran untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Penahanan Tiga Remaja Di Bawah Ordinan Darurat

8.14 mlm.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Muhamad Arif Abu Semah, 19 tahun, Mohamad Ramadan Mohamed Ali, 22 tahun dan Mohamad Rafe Mohamed Ali, 20 tahun masing-masing telah ditahan di bawah Ordinan Darurat (*Emergency Ordinance*) yang telah dibuang daerah di Mersing, Johor; Pahang; dan Kulim, Kedah. Ketiga-tiga remaja ini tidak mempunyai sebarang rekod jenayah dan telah dituduh sebagai sebahagian daripada sindiket mencuri motosikal. Jika polis mempunyai bukti yang kukuh, sepatutnya boleh

terus didakwa di bawah seksyen jenayah. Kenapa pihak polis terpaksa menggunakan Ordinan Darurat untuk menahan remaja yang tidak mempunyai rekod jenayah? Tindakan ini akan menyebabkan masa hadapan remaja tergugat.

Pada 8 Mac, sekumpulan polis yang memperkenalkan diri mereka daripada IPD Gombak telah menahan Mohd. Arif di rumahnya tanpa sebarang pemberitahuan kepada pihak keluarganya. Pada 21 Mac, Muhamad Arif telah memberitahu keluarganya bahawa beliau tidak bersalah, namun terpaksa mengaku tuduhan ke atasnya dibuat secara paksaan oleh pihak polis. Beliau juga mengaku dalam tempoh tahanan tersebut, beliau dipukul oleh polis di bahagian kakinya dengan menggunakan kayu yang panjang dan wayar. Pihak polis juga tidak memberi sebarang rawatan *medical* walaupun diminta oleh Arif.

Manakala ahli keluarga Mohamad Ramadan dan Mohamad Rafe pula menerima ugutan untuk memberi sogokan sebanyak RM15,000 melalui satu panggilan telefon daripada seorang yang mendakwa diri sebagai pegawai polis yang tidak dikenali. Ahli keluarga mereka telah membayar sebanyak RM13,000 ke dalam CIMB Bank akaun bernombor 14630008886525 yang dipegang oleh penama Ponnar Subramaniam.

Di sini saya ingin mendapat penjelasan dari pihak Yang Berhormat Menteri sama ada pihak polis telah menjalankan siasatan mengikut prosedur dan wajarkah mereka ditahan di bawah Ordinan Darurat memandangkan pihak polis tidak mempunyai bukti yang kukuh.

Persoalan kedua ialah sejauh manakah siasatan sogokan tersebut telah dilakukan oleh pihak polis sehingga kini? Adakah lelaki yang bernama Ponnar Subramaniam ini adalah seorang polis yang tulen dan betul? Jika tidak, bagaimanakah lelaki ini terlibat? Sekian, terima kasih.

8.19 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu di atas ucapan penangguhan yang telah dibangkitkan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, didapati terdapat dua isu utama yang perlu diperjelaskan. Isu pertama ialah berkenaan kewajaran subjek-subjek tersebut diambil tindakan di bawah Ordinan Darurat No.5/69. Isu kedua pula ialah berkenaan perkembangan kes sogokan wang sejumlah RM13,000 oleh waris subjek bagi tujuan pembebasan subjek ke dalam akaun penama Ponnar Subramaniam.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu pertama, subjek-subjek telah terlibat dengan lima kes curi motosikal. Walaupun terdapat keterangan subjek-subjek terlibat dengan jenayah tersebut tetapi disebabkan oleh keterangan yang diperolehi adalah tidak kukuh, maka Yang Arif Timbalan Pendakwa Raya Selangor memutuskan bahawa mereka tidak dituduh di mahkamah.

Keputusan Yang Arif Timbalan Pendakwa Raya tersebut tidak bermakna subjek-subjek tidak terlibat dengan kes-kes tersebut. Siasatan lanjut telah dijalankan oleh polis di bawah Ordinan Darurat No.5/69 bagi tujuan ketenteraman awam. Siasatan di bawah Ordinan tersebut adalah telus dan tidak wujud unsur-unsur penganiayaan kerana dijalankan melibatkan tiga peringkat yang berasingan.

■2020

Peringkat pertama dijalankan oleh peringkat daerah atau kontinjen polis yang mengumpulkan perisik dan maklumat berkaitan penglibatan subjek-subjek dalam jenayah yang wajar subjek yang diambil tindakan di bawah Ordinan Darurat 5/69. Peringkat kedua dijalankan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman yang membuat semakan semula kesahihan semua risikan atau maklumat yang dikemukakan oleh peringkat daerah atau kontinjen. Sekiranya didapati risikan atau maklumat tersebut benar, Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman akan mengemukakan hasil siasatan tersebut kepada Menteri Dalam Negeri dengan cadangan subjek-subjek diambil tindakan di bawah seksyen 4(1).

Walau bagaimanapun, sebelum Menteri Dalam Negeri mengeluarkan apa-apa perintah, Kementerian Dalam Negeri juga menjalankan semakan dan siasatan semula agar siasatan yang dijalankan oleh pihak polis sebelum ini adalah telus dan mempunyai keterangan yang mencukupi. Menteri mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah supaya subjek ditahan di bawah seksyen 4(1) atau disekat di bawah seksyen 4A(1) atau dibebaskan.

Sekiranya subjek-subjek dikenakan perintah tahanan di bawah seksyen 4(1), subjek masih mempunyai peluang untuk mempertahankan diri melalui pendengaran representasi di hadapan Lembaga Penasihat yang dipengerusikan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu ketua iaitu perkembangan kes sogokan wang sejumlah RM13,000 oleh waris subjek bagi tujuan pembebasan subjek ke dalam akaun bernama Ponan Subramaniam. Semakan di IPD Gombak mendapati kes ini telah dilaporkan kepada pihak polis pada 25 Mac 2011 sebagaimana Selayang Report 5988/2011. Kes telah disiasat di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan oleh Inspektor Hidayati binti Mohamad. Kes masih dalam siasatan untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab melakukan penipuan tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan yang telah ditangguhkan tadi dan Dewan akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi, hari Selasa 21 Jun 2011.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.23 malam.